Jabatan Mufti Negeri Melaka

2005

Senarai Kandungan

Kalam Iftitah
Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah

Segala puji bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam, salawat dan salam ke atas Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*, ahli keluarga dan para sahabatnya serta orang-orang yang mencontohinya hingga hari qiyamat.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran di*rafa`*kan ke hadrat Allah *subhanahu wata`ala* di atas nikmat limpah kurnia serta taufiq, hidayah dan inayahNya, maka dapatlah pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka menghimpun, menyusun dan membukukan fatwa-fatwa rasmi Kerajaan Negeri Melaka yang telah diwartakan dari tahun 1986 hingga 2005 untuk bacaan umum.

Buku bertajuk ***Himpunan Fatwa Warta Kerajaan Negeri Melaka (1986-2005)*** ini merupakan suatu pendekatan pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka dalam usaha memberi penerangan kepada seluruh masyarakat Islam khususnya di negeri Melaka mengenai fatwa-fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Melaka. Mudah-mudahan dengan terbitnya buku ini, dapat memberi manfaat kepada umum sebagai rujukan dalam menyelesaikan beberapa permasalahan agama yang perlu kepada penyelesaian hukum dan keputusan fatwa. Semoga usaha ini sebagai sumbangan yang positif dalam mempertingkatkan lagi kefahaman umat Islam terhadap ajaran Islam di samping memelihara keharmonian `aqidah, akhlaq dan syari`at Islam yang tercinta.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua Ashabus Samahah Mufti-Mufti dan ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka yang telah menyumbangkan ilmu dan kepakaran dalam menyelesaikan permasalahan hukum dan kemusykilan agama yang memerlukan keputusan fatwa yang kemas dan mantap. Ucapan tahniah dan syabas juga ditujukan kepada semua anggota perkhidmatan Jabatan Mufti Negeri Melaka terutama Bahagian Buhuth dan Fatwa di atas daya usaha yang jitu dalam menerbitkan buku ini.

Akhir kalam, saya berharap dan berdoa ke hadrat Allah *subhanahu wata`ala* semoga usaha yang murni ini mendapat keredhaanNya serta dapat diteruskan pada masa akan datang.

Salam hormat,

DATUK WIRA HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALLEH
Mufti Kerajaan Negeri Melaka
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

Senarai Fatwa
Warta Kerajaan Negeri Melaka
(1986-2005)

BIL	*TAJUK FATWA*	*TARIKH WARTA*
1.	Tariqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya	14 Ogos 1986
2.	Kumpulan Al-Arqam Dan Buku *"Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan"*	11 Ogos 1994
3.	Pengambilan Tanah Wakaf Untuk Kepentingan Awam	2 Februari 1995
4.	Golongan Anti Hadith	29 Februari 1996
5.	Wajib Berpegang Dengan `Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama`ah (Ke Arah Membendung Pengaruh Syi`ah)	24 Julai 1997
6.	Zakat Pendapatan	25 Mei 2000
7.	Ajaran Qadiani (Qadianiah/Ahmadiah)	12 Julai 2001
8.	Ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana (Hakikat Insan)	12 Julai 2001
9.	Ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas)	12 Julai 2001
10.	Tariqat Zikrullah Hasan Anak Rimau Dan Ayah Pin	12 Julai 2001
11.	Penggunaan Perkataan 'Islam' Dalam Pertubuhan	13 September 2001
12.	Amanat Haji Abdul Hadi	25 Julai 2002
13.	Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit	16 Januari 2003
14.	Ajaran Zamre Bin Ab. Wahab	29 Mei 2003
15.	Ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd.)	3 Jun 2004
16.	Anak Tak Sah Taraf	27 Oktober 2005

Fatwa 1

Tariqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya

LATARBELAKANG

- Pengasas tariqat ini ialah Prof. Dr. Haji Sayyidi Syeikh Kadirun Yahya. Nama asal beliau ialah Mohamed Amin dan gelaran rasminya Patuan Baleo Rahmatsah Harahap. Beliau dikenali oleh murid-muridnya dengan gelaran "Yang Mulia Ayahanda Guru" atau "Ayah Guru". Beliau dilahirkan pada 20 Jun 1917 di Pengkalanbrandan Daerah Langkat, Sumatera Timur, Indonesia. Nama bapanya Ompung Sutan Sari Alam dan tinggal di Pancabumi Medan, Jln. KM 4 ½, Jend. Gatot Subroto, Medan, Kotak Pos 100, Sumatera, Indonesia.

- Dalam bidang pengajian, Prof. Dr. Haji Saidi Syeikh Kadirun Yahya telah mempelajari banyak ilmu dan bahasa. Selain itu, beliau juga merupakan pakar dalam Bahasa Inggeris dan Jerman di samping turut melibatkan diri dalam mengajar ilmu-ilmu yang dipelajarinya selama 15 hingga 28 tahun. Secara ringkas, antara kelulusan yang dimiliki oleh beliau adalah seperti berikut:

    1. H.I.S. Negeri (1924 – 1931).
    2. MULO-B Negeri (1931 – 1935).
    3. AMS-B Negeri (1935 – 1938).
    4. Kuliah Ilmu Kebatinan (1938 – 1940).
    5. Kuliah Ilmu Jiwa Amsterdam (1940 – 1942).
    6. Kuliah Agama Islam (Bahagian Tasawuf/Sufi) (1947 – 1954).
    7. Kuliah Ideologi dan Bahasa Inggeris (1951 – 1953).
    8. M.O. Bahasa Inggeris Gedeelte 1 (1953) (Bandung).
    9. Lulus Ujian Sarjana Lengkap (Drs.) dalam Ilmu Falsafah Kerohanian dan Metaphysika (1962).

10. Drs. Dalam Ilmu Falsafah Kerohanian dan Metaphysika (1968).
11. Lulus Ujian Sarjana Lengkap (Drs.) dalam Ilmu Fizik Kimia (1974).

- Ajaran Kadirun ini diasaskannya sejak 1952 di Medan dan mula disebarluaskan ke Malaysia sekitar tahun 1970 an. Antara tempat yang dikenalpasti sebagai pusat kegiatan yang utama ialah Madrasah Darul Amin, Batu 17 ½, Rawang, Hulu Selangor dan Surau Darul Jamil, Kampung Sungai Lang Tengah, Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan. Amalan ajaran tersebut dilakukan pada setiap malam Selasa dan Juma`at di kedua-dua tempat ini. Madrasah Darul Amin di Rawang, Selangor, dikenalpasti sebagai markas besar mereka di negara ini. Oleh itu, segala urusan pendaftaran dan *bai`ah* (pengakuan taat setia sebagai murid atau pengikut) turut diadakan di madrasah tersebut yang dilakukan oleh murid tua atau wakil guru kepada Kadirun Yahya. Beberapa orang wakil Kadirun Yahya di Malaysia juga begitu aktif menyebarkan tariqat ini. Antaranya yang dapat dikesan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor ialah Haji Mohd. Shariff Ali, Haji Kamaruddin Haji Ibrahim dan Prof. Datuk Mohd Nor Marahakim.

- Selain itu, tariqat ini juga dipercayai telah berkembang di Malaysia di tempat-tempat seperti berikut:

1. Kempas, Johor Bahru.
2. Kota Bharu, Kelantan.
3. Kota Kinabalu, Sabah.
4. Kuching, Sarawak.
5. Alor Setar, Kedah.
6. Kemaman, Terengganu.
7. Jerantut, Pahang.
8. Seremban, Negeri Sembilan.

CIRI-CIRI AJARAN

1. Nur Allah bergabung dengan nur Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*.

Prof. Kadirun di dalam bukunya *"Isra' Mi`raj"* dan *"Sekuntum Bunga Di Taman Firdaus"* telah menyifatkan nur Ilahi itu berdampingan dengan nur Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*. Baginya, nur (cahaya) tersebut berfungsi sebagai *wasilah* atau perantara antara manusia dengan Allah dan ditanam ke dalam diri rohani para Rasul yang disucikan. Dan manusia menghadapkan fokusnya kepada roh Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*.

2. Ajarannya dari Allah.

Mereka juga mendakwa kononnya tariqat ini telah diwahyukan sendiri oleh Allah kepada Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam* sebelum Baginda diangkat menjadi Rasul. Melalui tariqat ini, Allah telah menurunkan nur (cahaya) ke dalam badan Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*. Manakala nur Muhammad ini pula diturunkan kepada setiap lapisan salsilah di kalangan pengamalnya hinggalah ke dalam batang tubuh Prof. Kadirun Yahya sendiri.

3. Mengi`tiqadkan bersama guru.

Setiap pengikut mesti membayangkan wajah guru mereka semasa beramal agar amalan segera diterima. Begitu juga adalah sudah memadai dengan mengenali gambarnya atau orangnya. Justeru, jika tidak mengetahui wajahnya, memadailah dengan mengi`tiqadkan diri beserta dengannya dan berzikir serta berimam dengannya. Dengan demikian pengikutnya akan beserta pula berzikir dengan Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* yang kekal berada di sisi Allah.

4. Merokok tidak masuk syurga.

Para ahli ajaran tariqat ini juga tidak dibenarkan menghisap rokok kerana sesiapa yang merokok tidak akan masuk syurga.

5. Menunaikan haji di Medan, Indonesia.

Sebelum menunaikan haji di Makkah, pengikutnya dikehendaki terlebih dahulu datang ber*suluk* di Pancabudi, Medan. Sekiranya mereka tidak mampu ke Makkah, maka memadailah datang ke Medan sahaja.

6. Ber*suluk* meninggalkan Juma`at.

Ajaran Kadirun juga mengandungi amalan *suluk* selama 10 hari dengan mengamalkan zikir-zikir tertentu dan meninggalkan Juma`at. Haji Mohd. Syarif Ali dan murid-murid tua bertindak sebagai pembimbing. Kaum wanita dibimbing oleh murid tua di kalangan mereka dan perlu meminta izin daripada suami atau ibu bapa sebelum menyertainya. Hanya beberapa tempat sahaja di Malaysia yang ada menjalankan *suluk*, iaitu di markas besarnya di Rawang, Kota Bharu, Johor Bahru dan Kemaman, Terengganu. *Suluk akbar* dilakukan pada bulan Muharram, Ramadhan, Rabi`ul Awwal, Zulhijjah dan Rajab. Ahlinya yang mempunyai kesempatan sahaja yang mengamalkan *suluk* dan telah memasuki tariqat ini lebih dari tiga bulan. Jumlah hari ber*suluk* yang diwajibkan adalah 10 hari, walaupun melakukannya di Medan dan boleh ditambah lagi selepas hari yang kesepuluh.

7. Roh terawang-awang di mana-mana.

Kadirun Yahya mengajarkan bahawa manusia tidak akan sampai kepada Allah *subhanahu wata`ala* hingga hari qiyamat walaupun terbang dengan sebarang alat sekalipun atau melalui apa sahaja akal dan *ma`rifat* kerana kapasiti yang terbatas. Bagi Kadirun, roh manusia itu tetap berterbangan di awangan selamanya di alam roh yang luas tidak bertepi sehingga akhirnya roh-roh itu hancur berantakan kerana diperdayakan oleh jin, syaitan atau iblis. Tidak dapat diketahui ke mana perginya tetapi yang pastinya tidak sampai kepada Allah. Kononnya untuk sampai ke sana, memerlukan frekuensi yang tak terhingga yang hanya berada dalam diri Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* dan dapat diwarisi daripada Baginda.

8. Bergabung dengan roh Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam.*

Untuk mendapatkan solat yang khusyu`, pengikut ajaran Kadirun Yahya hendaklah menggabungkan dengan diri rohani Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* yang mempunyai frekuensi tidak terhingga. Maka barulah rohani ikut bergetar, bertasbih dan berzikir dengan frekuensi yang tidak terhingga dan akhirnya akan disucikan oleh roh Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*.

9. Menyalahtafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an.

Kadirun Yahya turut menyalahtafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an sebagaimana yang terdapat di dalam karangannya di samping pengajaran yang disampaikan.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 3 pada 15-16 November 1981 di Bilik Gerakan Negeri Terengganu yang memutuskan bahawa:

> ***"Tariqat Naqsyabandiah Khalidiah yang dibawa oleh Kadirun Yahya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam dan mengamalkan tariqat ini adalah sesat."***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 30 **14hb. Ogos 1986** **No. 17**

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK, 1959

FATWA

No. 410.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 36(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, 1959 Jawatankuasa Syariah bagi pihak dan atas nama Majlis Agama Islam Melaka telah memutuskan bahawa Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya adalah menyeleweng dari Akidah Islam yang sebenar amalan-amalannya bertentangan dengan Syariat Islam. Oleh itu mengamalkan ajaran Tarikat ini adalah sesat lagi menyesatkan, mengamalkannya hukumannya haram.

Enak. 1/59

Bertarikh pada 2hb. Oktober, 1985.
(JKMM. 351/22-3/(4), 3B/18/85.)

PENGERUSI
JAWATANKUASA SYARIAH
MAJLIS AGAMA ISLAM
MELAKA

Fatwa 2

Kumpulan Al-Arqam Dan Buku "Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan"

LATARBELAKANG

- Kumpulan Al-Arqam atau dikenali juga sebagai Jama`ah Aurad Muhammadiah telah ditubuhkan oleh Ustaz Ashaari Muhammad bersama beberapa orang sahabat pada tahun 1968 di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Beliau adalah bekas seorang guru agama yang berkelulusan Sekolah Menengah Maahad Hisyamuddin, Kelang, Selangor. Kumpulan yang tidak berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1960 ini menjalankan aktiviti dakwah melalui bidang pendidikan, penerangan, penerbitan, perusahaan dan perniagaan, perubatan serta pertanian. Pada tahun 1974, sebuah kawasan seluas 5 ekar di Kampung Sungai Penchala, Damansara telah dijadikan tapak kepada kegiatan kumpulan ini. Sehingga kini ahli-ahli Al-Arqam dianggarkan 20 ribu orang di seluruh negara dan 5 ribu orang daripadanya adalah pengikut yang *ta`assub* dengan kumpulan ini. Sebagai pertubuhan dakwah, Al-Arqam telah berjaya mempengaruhi anak-anak muda dan orang-orang dewasa yang berminat untuk mengamalkan ajaran Islam, sama ada daripada kalangan para pelajar, pekerja dan juga penganggur. Pada bulan Disember 1985, kumpulan Al-Arqam telah berpindah ke Kampung Sempadan, Karak, Pahang yang dijadikan tempat tinggal tokoh-tokohnya dan tapak sekolah Al-Arqam. Tapaknya di Sungai Penchala digunakan sebagai pusat operasi penerbitan dan ekonomi.

- Tariqat Muhammadiah atau lebih dikenali sebagai Aurad Muhammadiah pegangan Ustaz Ashaari Muhammad mula timbul pada tahun 1979 dan disebarkan dalam Al-Arqam. Pada tahun itu, Al-Arqam mula berpecah apabila enam orang pemimpin kanannya termasuk Ketua Jabatan Ekonomi iaitu Akhbar Anang telah dipecat kerana mempersoalkan pegangan Ustaz Ashaari yang menganggap Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati malah ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi. Beberapa pengikut yang mempersoalkan perkara ini juga turut dipecat. Namun selepas itu Al-Arqam kembali kukuh dan meneruskan aktiviti-aktiviti dan rancangannya seperti biasa. Jawatan Akhbar Anang telah digantikan oleh Ustaz Mokhtar Yaakob, seorang siswazah Sarjana (M.A.) Universiti Al-Azhar yang masih baru dalam Al-Arqam sebagai orang kedua dalam Al-Arqam. Ini memberikan imej kepada Al-Arqam apabila nilai keilmuan diberi tempat utama dalam Al-Arqam. Lantaran pelantikan tersebut, isu pemecatan Akhbar Anang menjadi lenyap begitu sahaja.

- Pada 19 Julai 1979, Bahagian Hal Ehwal Islam (Pusat Islam) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengadakan pertemuan dengan Ustaz Ashaari Muhammad untuk mendapatkan penjelasan mengenai kepercayaan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati malah ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi. Beliau yang menafikan kepercayaan tersebut telah membuat kenyataan penafian dalam akhbar "*Al-Arqam*" yang disiarkan pada bulan Safar 1401H bersamaan Disember 1979. Dalam pengakuan tersebut, beliau menolak penggunaan manaqib tulisan rumi dan jawi yang diterbitkan oleh Muhammad Taha Suhaimi Singapura dan menolak kepercayaan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati bahkan akan keluar sebagai Imam Mahdi di samping turut menjelaskan beberapa hal lain yang berkaitan dengannya.

- Pada sekitar bulan Jun 1986, Al-Arqam sekali lagi digemparkan dengan isu perpecahan untuk kali kedua apabila Timbalan Syeikhul Arqam, Ustaz Mokhtar Yaakob dan beberapa orang anggota kanan yang lain telah mengisytiharkan diri keluar daripada Darul Arqam. Isu perpecahan Al-Arqam tersebut telah menjadi bahan berita hangat dalam akhbar-akhbar tempatan.

- Berikutan beberapa isu kontroversi yang timbul, Ustaz Ashaari telah mempertahankan pegangan beliau dan memilih jalan menerbitkan sebuah buku jawapan yang khusus menerangkan isu ini. Buku tersebut bertajuk *"Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam, Sekaligus Menjawab Tuduhan"* telah diterbitkan oleh Penerangan Al-Arqam dan mula diedarkan pada 30 Ogos 1986. Oleh kerana fakta-fakta di dalam buku tersebut mengandungi ajaran-ajaran yang bertentangan dengan \`aqidah dan syari\`at Islam, maka Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam yang bersidang pada 6 Oktober 1986 telah memutuskan bahawa buku tersebut hendaklah ditahan kerana kandungannya bertentangan dengan \`aqidah dan syari\`at Islam. Ekoran daripada keputusan itu, pihak Kementerian Dalam Negeri turut menguatkuasakan pengharaman buku berkenaan pada 28 Oktober 1986 diikuti dengan 15 buah buku, 3 jenis majalah, 6 buah pita suara dan sebuah pita video terbitan kumpulan tersebut. Di samping itu, agensi-agensi agama negeri-negeri dan pusat turut melakukan gerakan penjelasan terhadap penyelewengan kumpulan tersebut di seluruh negara. Pada 7 Ogos 1991, pihak Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Islam telah mengeluarkan pekeliling melarang semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Swasta dan mana-mana pertubuhan agar tidak melibatkan kumpulan Al-Arqam dalam semua aktiviti.

- Setelah menerima beberapa tekanan dan tersepit dengan tindakan pihak berkuasa agama yang meminta beliau memberi penjelasan dan bertaubat, beliau telah lari ke luar negara dan menetap di Thailand bersama orang kanannya. Kumpulan ini telah dikesan meneruskan gerakan mempertahankan Aurad Muhammadiah melalui saluran-saluran di luar bidang kuasa kawalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri dan lain-lain perundangan negara. Mereka turut mempergiatkan propaganda yang menonjolkan imej dan mengagungkan Ustaz Ashaari, tahap kejayaan di dalam dan luar negara selain turut mengecam, mencaci dan memfitnah tokoh-tokoh pemimpin dan ulama' yang tidak sealiran dengan mereka. Kumpulan ini turut mendakwa memiliki aset sebanyak RM 20 juta merangkumi 5 ekar tanah di Sungai Penchala, 48 perkampungan di seluruh negara, 100 buah kenderaan dan beberapa buah syarikat termasuk pelancongan.

KANDUNGAN BUKU

- Kumpulan ini telah mengamalkan Aurad Muhammadiah iaitu amalan kerohanian yang didakwa diterima oleh Syeikh Muhammad Suhaimi daripada Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* dalam keadaan jaga di dalam Ka`bah. Amalan tersebut sebenarnya diperolehi oleh Ustaz Ashaari Muhammad daripada bapa saudara beliau yang kuat mengamalkan Aurad Muhammadiah yang diambil secara langsung daripada Syeikh Muhammad As-Suhaimi. Bapa saudara beliau adalah seorang guru agama di Kampung Pilin, Rembau, Negeri Sembilan yang telah hidup sezaman dengan pengasas aurad tersebut iaitu Syeikh Muhammad As-Suhaimi. Aurad tersebut mula diamalkan oleh Ustaz Ashaari Muhammad secara bersendirian sejak beliau berumur 16 tahun iaitu semasa beliau dalam kelas 7 di Sekolah Melayu pada tahun 1955 dan diteruskan sehingga beliau bertukar ke Sekolah Agama Hishamuddin, Klang. Semasa beliau menubuhkan Darul Arqam pada tahun 1968, beliau telah memasukkan bersama-sama dalam kumpulan tersebut amalan-amalan Aurad Muhammadiah sehingga ia dijadikan sebagai sebahagian daripada ciri-ciri Darul Arqam dan dihayati oleh pengikutnya serta menjadi amalan harian mereka hingga sekarang.

- Penjelasan mengenai amalan aurad tersebut telah dibukukan dalam sebuah buku bertajuk "*Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan*" yang ditulis oleh Ustaz Ashaari Muhammad. Aurad Muhammadiah ini merangkumi beberapa perkara utama seperti berikut:

  a) Manaqib dan Salsilah yang ditulis dalam bahasa Jawa dan Melayu yang mempunyai empat versi iaitu versi Jawa, terjemahan Jawa ke Melayu, Melayu Rumi dan Melayu Jawi.

     Manaqib Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi yang asal ditulis oleh anaknya Fadlullah Suhaimi dalam bahasa Jawa dan kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Edisi tambahan pula disusun oleh Muhammad Taha Suhaimi iaitu anak kepada Fadlullah Suhaimi yang ditulis dalam bahasa Melayu Rumi dan Jawi.

Manakala Salsilah Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi pula disusun oleh Muhammad Taha Suhaimi dan disiarkan dalam buku *"Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam"* (1986) sebagai sebahagian daripada Manaqib Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi edisi tambahan oleh Muhammad Taha Suhaimi.

b) Aurad Muhammadiah yang diterbitkan oleh Muhammad Abdullah bin Muhammad Khairullah Suhaimi bersama Muhammad Taha Suhaimi.

c) Tahlil, maulid berzanji, maulid diba`i dan nazam amalan Syeikh Suhaimi sebagaimana yang disebutkan dalam Manaqib Syeikh Suhaimi.

d) Amalan Pencak Sunda (silat ghaib) ditulis oleh Muhammad Khairullah Suhaimi, Teluk Pulai, Klang, Selangor.

- Perkara-perkara tersebut adalah terangkum dalam Tariqat Muhammadiah, tetapi lebih dikenali sebagai Aurad Muhammadiah. Pihak Al-Arqam tidak mahu menamakan amalan ini sebagai Tariqat Muhammadiah kerana sebagaimana pengakuannya kepada Pusat Islam pada tahun 1979, bahawa tariqat adalah suatu amalan yang mempunyai salsilah amalan daripada Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*, sedangkan pada hakikatnya Tariqat Muhammadiah ini tidak mempunyai salsilah hingga kepada Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*. Maka dengan sebab itulah ia tidak dinamakan tariqat tetapi hanya disebutkan sebagai aurad sahaja. Aurad Muhammadiah bererti aurad yang diasas dan diamalkan oleh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi.

- Persoalan utama mengenai kandungan buku ini ialah:

1. Sejauhmana kebenaran yang terdapat dalam Tariqat atau Aurad Muhammadiah berdasarkan buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan (1986) oleh Ustaz Ashaari Muhammad dan lain-lain sumber yang berkaitan.

2. Darul Arqam mementingkan aurad dan tidak mementingkan syari`at. Sebagai buktinya, Ustaz Ashaari Muhammad sanggup mempertahankan aurad dengan memecat pengikut yang mempertikaikan aurad sebagaimana yang dilakukan ke atas Akhbar Anang dan sahabat-sahabatnya pada tahun 1979 dan berundurnya timbalan beliau, Ustaz Mokhtar Yaakob dari Darul Arqam.

3. Kandungan penting Manaqib Syeikh Muhammad As-Suhaimi (manaqib pertama yang telah dibuat tambahan oleh Ustaz Suhaimi – edisi rumi) iaitu:

   a) Mimpi berjumpa Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* dan menerima perintah.

   b) Balasan memusuhi Syeikh Muhammad As-Suhaimi.

   c) Kelebihan-kelebihan Syeikh Muhammad As-Suhaimi, antaranya:

      i. Mengadakan wang dengan hanya solat hajat 2 raka`at dan berdoa.

      ii. Secara tiba-tiba songkok dipenuhi dengan buah anggur.

      iii. Tidak basah apabila terkena hujan.

      iv. Bot yang tenggelam dapat ditimbulkan semula selepas meminta maaf daripadanya.

      v. Ditolong oleh ikan merah menuju ke pantai.

      vi. Berada di dua atau tiga tempat dalam satu masa.

      vii. Dapat menolong mereka yang kesusahan atau berhajat apabila diseru namanya.

      viii.Bersilat tanpa guru yang zahir.

d) Syeikh Muhammad As-Suhaimi “tidak mati” dengan dakwaan:

i. Beliau hendak pergi lama (dengan cara ghaib).

ii. Mayat yang dikebumikan di tanah perkuburan Kelang adalah “ganti” kepada beliau.

iii. Beliau masih boleh dijumpai selepas itu.

4. Khasiat dan faedah Aurad Muhammadiah, antaranya:

a) Membaca ayat 128-129 Surah At-Tawbah sebanyak 10 kali dapat menjauhkan sihir, mendapat keselamatan di dunia, dipanjangkan umur dan lain-lain lagi.

b) Membaca ayat 9 Surah Yasin sebanyak 10 kali dapat melemahkan musuh sama ada dari segi pandangan, percakapan, perasaan dan sebagainya.

5. Syeikh Muhammad As-Suhaimi adalah khalifah Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* dan Imam Mahdi.

6. Dakwaan bahawa Imam Bukhari terlalu mengharapkan kedatangan Imam Mahdi.

7. Allah *subhanahu wata`ala* memberi pertolongan bukan secara langsung tetapi ada perantaraannya.

8. Syeikh Muhammad As-Suhaimi seorang Wali Allah *subhanahu wata`ala* (Qutubul Awliya’) yang ghaib.

9. Kaedah bersilat cara ghaib adalah satu daripada *karamah* Syeikh As-Suhaimi.

10. Ahli ibadat yang kuat mengamalkan ayat-ayat Al-Qur’an akan dapat khadam.

11. Menentukan Imam Mahdi bukan soal `aqidah.

12. Orang yang sudah mati boleh hidup semula.

13. Aurad Muhammadiah diambil daripada Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* di dalam Ka`bah.

14. Ijtihad itu adalah kebenaran yang *zanni*.

CIRI-CIRI AJARAN

1. Pegangan yang bercanggah dengan `aqidah Ahli Sunnah Wal Jama`ah:

a) Mendakwa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati, hanya ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi.

b) Menyamakan taraf Syeikh Muhammad As-Suhaimi dengan Khulafa' Ar-Rasyidin melalui syahadah dan wirid.

c) Beramal dengan "*Majlis Yaqazah*" yang didakwa dihadiri oleh Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*, Khulafa' Ar-Rasyidin dan roh beberapa ahli Al-Arqam.

d) Pengikut boleh ber*yaqazah* dengan Ustaz Ashaari setelah beliau ber*yaqazah* dengan Syeikh Muhammad As-Suhaimi.

e) Berpegang dengan pengaruh fahaman Jawa kuno dan Hinduisme mengenai kepercayaan bahawa Sutan Alas Ketonggo di Pulau Jawa sebagai bandar wali.

f) Berpegang dan beramal dengan mimpi khususnya mimpi Imam Masjid Pulau Pinang yang mendakwa berjumpa dengan Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* yang kononnya memperakukan kesahihan pegangan kumpulan Al-Arqam.

g) Mempercayai bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi tidak mati malah ghaib dan boleh membantu anggota Al-Arqam memenuhi hajat dan mengelak sebarang kesusahan dengan menyeru namanya.

h) Mendakwa bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi menerima Aurad Muhammadiah daripada Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* di dalam Ka`bah secara jaga.

i) Mengadakan tambahan kepada bacaan syahadah dengan fakta palsu yang menyebut Syeikh Muhammad As-Suhaimi sebagai salah seorang Khalifah Ar-Rasyidin.

j) Mengaitkan peristiwa-peristiwa kematian, sakit dan nasib malang orang-orang tertentu yang menentang fahaman Al-Arqam sebagai tanda balasan dan hukuman dari Allah.

k) Memberi jaminan Allah menerima taubat ahli-ahli Al-Arqam dan mengenalpasti ahli-ahli tertentu sebagai ahli syurga.

l) Membuat ramalan bahawa hari qiyamat akan berlaku pada kurun 15 Hijriyyah.

m) Membuat ramalan karut mengenai tarikh kelahiran Imam Mahdi yang didakwa tidak kurang dari 7 tahun selepas tahun 1988 iaitu pada tahun 1995.

n) Ashaari Muhammad dianggap oleh pengikut Al-Arqam sebagai orang yang bakal mempunyai *dawlah* yang kononnya telah dijadualkan oleh Allah sebelum menjelmanya Syeikh Muhammad As-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

o) Kesetiaan membuta tuli kepada Ashaari Muhammad yang mendakwa beliau dari keturunan Bani Tamim dan dianggap seorang wali yang mempunyai *karamah*.

2. Bercanggah dengan syari`ah:

a) Mentafsir Al-Qur'an iaitu ayat 3 Surah An-Nisa' dengan maksud bahawa perkahwinan bermula daripada dua dan seterusnya bertambah kepada tiga dan empat.

b) Mengamalkan poligami yang tidak menepati prinsip Islam.

c) Mencemar peribadi Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* yang didakwa mempunyai 37 orang isteri.

d) Menolak fatwa dan pandangan jumhur ulama′ jika ianya bertentangan dengan matlamat yang hendak dituju oleh kepimpinan kumpulan tersebut.

e) Pemulauan terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri.

f) Memecahbelahkan keluarga.

3. Bercanggah dengan akhlaq dan etika bermasyarakat:

a) Corak propaganda kumpulan ini yang mengecam, mencaci dan memfitnah tokoh-tokoh pemimpin, ulama′ dan cerdik pandai.

b) Corak propaganda yang seolah-olah menonjolkan kejayaan Al-Arqam dan mempertikaikan kewibawaan pentadbiran agensi-agensi agama pusat dan negeri.

c) Mengeksploitasi kanak-kanak menjaja bahan-bahan keluaran Al-Arqam.

d) Sistem pendidikan mereka memupuk sikap *ta`assub* di samping mendewakan ketua kumpulan Aurad Muhammadiah.

e) Program kebudayaan yang menonjolkan imej mereka untuk menagih simpati dan sokongan syarikat.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa:

  1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 17 pada 6 Oktober 1986 di Dewan Syura, Tingkat 11, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur yang memutuskan bahawa:

     "Buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan tulisan Ashaari Muhammad hendaklah ditahan penyebarannya kerana ia mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan syari`at Islam dan mengelirukan masyarakat Islam."

  2. Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan Kali Ke 34 pada 31 Mac 1994 yang memutuskan bahawa:

     a) Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah menggunakan peruntukan yang ada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam sepenuhnya dalam usaha untuk membanteras kegiatan Darul Arqam seperti peruntukan mengajar tanpa tauliah, membuka sekolah tanpa kebenaran dan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syari`ah.

     b) Kumpulan Al-Arqam diminta bertaubat dan perlu dinasihati oleh Raja-Raja dan Sultan sebelum diambil tindakan pemulauan.

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 38 No. 16	**11hb Ogos 1994**	*TAMBAHAN No. 10* *PERUNDANGAN*

M. P.U. 13.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1991, Mufti Negeri Melaka, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah, membuat fatwa yang berikut:

Enakmen 5/91

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW
(STATE OF MALACCA) ENACTMENT 1991

FATWA UNDER SECTION 30

IN exercise of the powers conferred by section 30(1) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991, the Mufti of the State of Malacca, for and in the name of the Syariah Committee, makes the following fatwa:

Enactment 5/91

"A. Bahawa buku yang bertajuk –

(i) "Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" yang ditulis oleh Ustaz Hj. Ashaari Muhammad dan isi kandungannya; dan

(ii) "Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi" yang ditulis oleh Mohamad Taha As-Suhaimi dan juga yang ditulis oleh pihak-pihak lain dalam semua bahasa dan isi kandungannya,

adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan Syariah Islamiah serta mengelirukan dan boleh menyesatkan masyarakat Islam dan dengan yang demikian adalah diharamkan.

B. Bahawa Kumpulan Darul Arqam @ al-Arqam yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman yang terkandung di dalam buku bertajuk Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan dan Kitab Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi adalah diharamkan.

C. Bahawa pengharaman ini meliputi:

(i) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran-ajaran tersebut di (A) di atas, dan termasuklah apa-apa pegangan ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan dan penunaian yang merangkumi bahawa tujuannya atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian pengajaran kebatinan, perlindungan kebatinan atau kewujudan kebatinan; iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah, atau kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(ii) apa-apa jua bahan publisiti Kumpulan Darul Arqam @ al-Arqam termasuk mana-mana terbitan, ertinya apa-apa bahan, termasuklah suatu gambar, gambarfoto, poster, rajah, surat edaran, glansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain, yang bertujuan untuk memberi publisiti kepada terbitan tersebut yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di (A) di atas;

(iii) apa-apa terbitan, ertinya apa-apa buku, majalah, pamplet, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan, atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya, dan termasuklah apa-apa filem iaitu sebuah wayang gambar, sebuah pita rakam, atau sebuah rekod walau bagaimanapun ianya dibuat, dari suatu imej berdasarkan penglihatan, yang mana adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat menayangkan rangkaian itu sebagai suatu gambar bergerak, rakaman audio iaitu apa-apa bahan termasuk piring-piring hitam, fotografi, pita-pita rakaman, dan cakera laser dan cakera padat, yang mana dirakamkan rakaman suara manusia, untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di (A) di atas.

Oleh itu, orang Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan Darul Arqam @ al-Arqam, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk menghidup dan mengembangkan kumpulan ini. Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkannya filem, rakaman audio, pamplet, buku-buku, majalah, atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Kumpulan Darul Arqam @ al-Arqam kepada mana-mana harta

alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi kemudahan dan membantunya".

Diperbuat pada 2hb Julai 1994.
Dated 2 July 1994.
[PMM/0020 ; PUN (M) 351/27.]

DATUK SHEIKH HJ. MD. YUNUS BIN HJ. MD. YATIM
Mufti Negeri Melaka,
Pengerusi,
Jawatankuasa Syariah

Fatwa 3

Pengambilan Tanah Wakaf Untuk Kepentingan Awam

LATARBELAKANG

- Pada masa ini pembangunan tanah banyak tertumpu di kawasan-kawasan bandar yang melibatkan pelbagai jenis tanah seperti tanah milik individu, kerajaan, syarikat-syarikat termasuklah tanah-tanah wakaf. Pembangunan tanah-tanah tersebut akan melalui proses penyerahan kepada pihak berkuasa terlebih dahulu sebelum sesuatu projek pembangunan dapat dilaksanakan. Penyerahan tanah bagi tujuan ini turut berlaku ke atas tanah-tanah wakaf yang dimiliki atau ditadbir urus oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri-Negeri.

- Dalam Akta Pengambilan Tanah 1990 (Akta 486) dan Ordinan Pengambilan Tanah (pampasan) (Peruntukan Khas) 1848 (P.T.M Ord, 21/1948), Bahagian II nombor 3 Pengambilan Tanah (1), menyebutkan bahawa pihak berkuasa negeri boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan (Pindaan Akta A999).

    1. Bagi apa-apa maksud awam (Pindaan Akta A804).

    2. Oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat pihak berkuasa negeri adalah *benificial* untuk kemajuan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian dari itu atau kepada orang ramai secara am atau mana-mana kelas orang ramai.

HUJAH DAN DALIL

- Harta wakaf adalah milik Allah *subhanahu wata`ala* untuk kepentingan umat Islam. Sebarang pengambilan tanah wakaf adalah tidak wajar diserahkan secara percuma kepada pihak berkuasa.

- Pengambilan tanah wakaf oleh pihak kerajaan untuk kemaslahatan awam ini adalah termasuk sebahagian daripada proses *istibdal*. Istibdal bermaksud menjual harta wakaf dengan wang. Istilah "*istibdal*" sebenarnya adalah rangkuman daripada tiga istilah iaitu *abdal*, *badal* dan *tabadul*. *Abdal* bermaksud membeli harta wakaf dengan mata wang, manakala *badal* atau *tabadul* pula bermaksud menukar harta wakaf dengan harta lain. Ketiga-tiga pengertian ini disatukan dan disebut *istibdal* sahaja dengan pengertian "menukar atau menggantikan harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau pembelian atau sebagainya dengan tujuan untuk mengekalkan wakaf".

- Bagi mengamalkan *istibdal*, ia mempunyai hukum-hukum yang diambilkira berdasarkan keadaan-keadaan tertentu. Dalam hal ini, para fuqaha' telah berselisih pendapat mengenainya dan ia boleh dirujuk sebagaimana yang berikut:

    1. Pendapat Imam Abu Hanifah yang memberi keluasan dalam mengamalkan *istibdal* jika *istibdal* itu lebih memberi faedah yang mendatangkan hasil yang lumayan sekalipun masjid kerana hajat dan dharurat.

    2. Imam Ahmad bin Hanbal memberi keluasan *istibdal* selain daripada wakaf masjid dengan dikenakan beberapa syarat yang tertentu mengikut keadaan yang tertentu.

    3. Imam Malik menegah *istibdal* pada masjid dan harta tidak alih yang mempunyai hasil yang baik melainkan kerana dharurat dan berhajat seperti membesarkan masjid, tanah perkuburan, jalanraya atau sebagainya bagi tujuan kemaslahatan awam. Walaubagaimanapun, Imam Malik mengharuskan *istibdal*

pada harta wakaf yang alih kerana *istibdal* dalam erti kata menukar harta wakaf yang alih akan mengekalkan wakaf.

4. Pendapat Imam Syafi`i seakan-akan sama dengan pendapat Imam Malik bahkan tidak mengharuskan langsung menjual masjid sekalipun telah roboh dan tidak digunakan. Segala barangan dan peralatan yang berkaitan dengan masjid yang roboh itu hanya dibenarkan sebagai hibah kepada masjid-masjid yang lain. Sekiranya ia tidak dapat digunakan hendaklah dimusnahkan, sementara bekas tapak masjid itu kekal sebagai harta wakaf.

- Secara keseluruhannya, imam-imam mazhab fiqh mengharuskan *istibdal* dengan syarat-syarat tertentu yang dibenarkan oleh hukum syara` dengan mengambilkira maslahah dan hajat untuk berbuat demikian.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa:

1. ***Bahawa menurut hukum syara` tanah-tanah wakaf tidak boleh dijual beli, tidak boleh diberi kepada sesiapa dan tidak boleh pindah milik, demikianlah sebagaimana yang berlaku pada wakaf Sayyidina `Umar Ibnu Al-Khattab radhiyallahu `anh tanahnya di Khaybar, yang mana menjadi wakaf yang pertama dalam Islam.***

2. ***Menurut seksyen 37, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, tanah-tanah wakaf Negeri Melaka ini terletak pada Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah yang tunggal.***

3. ***Oleh yang demikian, jika tanah wakaf diambil balik oleh Pihak Berkuasa Negeri kerana apa jua sebab, maka pampasan wajiblah dibayar baginya dan wang***

pampasan itu hendaklah terletakhak dan dibayar kepada Majlis Agama Islam, supaya diganti tanah lain sebagai mengekalkan wakaf dan menunaikan kehendak yang berwakaf.

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 46 pada 22 April 1999 juga telah memutuskan bahawa:

    1. ***Tanah wakaf tidak boleh sama sekali dipindah milik kecuali kerana dharurat yang memerlukan demikian berdasarkan syarat-syarat yang tertentu.***

    2. ***Tanah wakaf yang diambil/dipindah milik kepada kerajaan, pihak berkenaan hendaklah membayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya.***

    3. ***Tanah wakaf yang hendak dibangunkan hendaklah dikecualikan syarat penyerahan tanah untuk tujuan pembinaan kemudahan awam seperti jalan, saliran, tapak pencawang eletrik dan sebagainya. Bagaimanapun, kemudahan awam itu bolehlah dibina di atas tanah wakaf itu.***

    4. ***Bagi tanah wakaf khas untuk tujuan-tujuan tertentu seperti masjid, sekolah dan seumpamanya pihak yang mengambil tanah itu hendaklah memperuntukkan bahagian-bahagian yang tertentu sebagai gantian tanah wakaf yang diambil mengikut nilai semasa bagi mengekalkan status wakaf tersebut. Contohnya bangunan bertingkat-tingkat yang didirikan beberapa unit tertentu (mengikut nilai semasa) diperuntukkan untuk masjid atau sekolah atau sebagainya seperti yang diniatkan oleh pewakaf.***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 39 **2hb Februari 1995** **No. 3**

No. 54.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, Mufti Negeri Melaka, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah, membuat fatwa yang berikut:

En. 5/91

A. Bahawa menurut Hukum Syarak tanah-tanah Wakaf tidak boleh dijual beli, tidak boleh diberi kepada sesiapa dan tidak boleh pindah milik, demikianlah sebagaimana yang berlaku pada Wakaf Saidina Omar Ibnu Khattab R.A. tanahnya di Khaibar, yang mana menjadi Wakaf yang pertama dalam Islam.

B. Bahawa menurut seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, tanah-tanah Wakaf Negeri Melaka ini terletak pada Majlis Agama Islam, sebagai pemegang Amanah yang tunggal.

C. Oleh yang demikian jika tanah Wakaf diambil balik oleh Pihak Berkuasa Negeri kerana apa jua sebab, maka pampasan wajiblah dibayar baginya dan wang pampasan itu hendaklah terletakhak dan dibayar kepada Majlis Agama Islam, supaya diganti tanah lain sebagai mengekalkan Wakaf dan menunaikan kehendak yang berwakaf.

Diperbuat pada 6 Disember 1994.
[PMM/0020 Klt. 2; PUN (M) 351/27.]

DATUK HJ. MD. YUNUS BIN HJ. MD. YATIM
Mufti Negeri Melaka,
Pengerusi,
Jawatankuasa Syariah

Fatwa 4

Golongan Anti Hadith

LATARBELAKANG

- Ajaran yang turut dikenali sebagai "Ajaran Al-Qur'an Menolak Hadith" ini dipercayai muncul di Amerika Syarikat hasil garapan seorang pemikir Islam, Rashad Khalifa. Rashad sebelumnya turut menggemparkan umat Islam seluruh dunia apabila memperkenalkan *Kod 19*, yang merupakan suatu penyelewengan besar kepada pentafsiran dalam Al-Qur'an.

- Di Malaysia, ajaran ini mula diperkenalkan dan dikembangkan sejak 1985 oleh tiga "tokoh pemikir" yang amat takjub dengan keupayaan akal mereka sendiri, iaitu Kassim Ahmad, Abdul Manan Harun dan Othman Ali.

- Isu anti hadith bertitik tolak apabila Kassim Ahmad yang mendokong idea Dr. Rashad Khalifa terutama penentangannya terhadap hadith dan penemuan *Kod 19*. Mereka bukan di kalangan ahli ilmuan Islam tetapi sengaja menulis dan membahaskan di kalangan Islam dengan berpandukan akal dan kaedah saintifik semata-mata. Ini dapat dilihat sebagaimana petikan kenyataan Kassim Ahmad yang disiarkan di dalam Akhbar Mingguan Islam pada 21 November 1985 seperti berikut:

  > *"Perbincangan dan perbahasan ini dilakukan mengikut kaedah saintifik, semua fakta-fakta, kenyataan dan keterangan mestilah nyata, berwibawa, selaras dan benar dan semua hujah mestilah munasabah, logikal dan rasional."*

- Akibat terpengaruh dengan buku-buku tulisan Dr. Rashad Khalifa seperti buku "Quran The Final Scripture", "Quran, Hadith And Islam" dan "Quran Visual Presentation Of The Miracle", Kassim Ahmad telah memperkenalkan idea-idea berkenaan kepada umat Islam di negara ini dengan menulis beberapa artikel di dalam ruangan *"Berani Kerana Benar"* dalam akhbar Watan. Artikelnya yang bertajuk *"Penolakan Teori Ahli-Ahli Hadith"* telah menunjukkan pendiriannya dalam menolak hadith dan sunnah dalam Islam.

- Bermula bulan September 1985, Kassim Ahmad telah memperlihatkan peningkatan gerakannya dengan penganjuran Majlis Diskusi mengenai *"Teori Hadith"* di Pejabat ALIRAN (Aliran Kesedaran Rakyat) di Jalan Sungai Nibong, Bayan Baru, Pulau Pinang dan juga di rumah beliau di No. 8, Jalan Gajah, Tanjung Bunga, Pulau Pinang yang dihadiri oleh beberapa orang kenalannya daripada ahli Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM). Penyebaran ajaran sesat Kassim Ahmad telah disedari dan dikecam hebat oleh para ulama' Islam dan akhirnya Kerajaan telah membatalkan beberapa siri ceramah beliau yang telah dirancangkan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

- Ekoran daripada kecaman dan kritikan ulama'-ulama' tersebut serta tindakan Kerajaan membatalkan siri ceramahnya, maka pada bulan Mei 1986, Kassim Ahmad telah menulis sebuah buku bertajuk *"Hadith Satu Penilaian Semula"* terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. Penulisan buku tersebut telah membangkitkan kemarahan dan menjadi suatu kontroversi yang meluas di kalangan umat Islam kerana antara lain buku tersebut mendokong fahaman penolakan hadith secara total sebagai salah satu sumber hukum Islam. Buku tersebut kemudiannya telah diharamkan oleh Kerajaan melalui Warta Kerajaan P.U.A 223 bertarikh 10 Julai 1986.

- Pada Oktober 1992, Kassim Ahmad sekali lagi telah mencetuskan kontroversi dan kemarahan umat Islam apabila beliau menulis sebuah buku yang bertajuk *"Hadith Jawapan Kepada Pengkritik"* terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. dengan mesej yang sama iaitu

menolak hadith secara total. Kerajaan sekali lagi telah mengharamkan buku tersebut melalui Warta Kerajaan.

- Demikian juga halnya dengan Othman Ali. Karyanya, "*Bacaan*" (makna kepada perkataan Al-Qur'an dalam bahasa Melayu) memperjelaskan pegangan eratnya kepada ajaran anti hadith. Keseluruhan kandungan *Bacaan* adalah himpunan "tafsiran selapis" Othman kepada setiap bilah ayat Al-Qur'an yang berbahasa Arab. Othman sendiri pernah mengakui bahawa beliau tidak begitu arif dengan bahasa Arab tetapi masih mencipta *Bacaan*.

- Ajaran golongan intelek ini agak berbeza berbanding dengan kebanyakan ajaran sesat lain yang berkembang di negara ini. Jika kebanyakan ajaran lain mempraktikkan amalan tertentu seperti berzikir di tengah kepekatan malam serta amalan-amalan lain yang berbau khurafat sebagai identiti mereka, tidak pula demikian dengan anti hadith. Penyelewengan mereka ternyata bergaya apabila mereka mengenengahkan suatu "penyelewengan profesional" yang mereka dakwa sebagai "pembetulan" kepada "amalan sesat" yang diamalkan oleh umat Islam kini. Lebih tepat lagi, "sesatnya" umat Islam kini (seperti dakwaan mereka) kerana beramal ibadah dengan berpandukan hadith, sedangkan mereka beramal ibadah dengan berpandukan Al-Qur'an secara mutlak.

- Usaha golongan ini menolak hadith sebagai salah satu sumber hukum Islam bukan sahaja melalui buku-buku, malah juga disebarkan melalui pelbagai bentuk penulisan seperti penulisan risalah *Iqra'*, artikel dalam media cetak, dan kegiatan-kegiatan lain seperti majlis diskusi, forum, ceramah, usrah dan sebagainya. Buku dan risalah (seumpama *Bacaan*) menjadi medium utama kerana sebahagian besar pengamal ajaran ini merupakan intelektual yang tahu menulis apa sahaja. Manakala usrah pula merupakan cara paling mudah untuk menyebarkan fahaman ini kepada ahli-ahli baru.

KANDUNGAN BUKU
DAN CIRI-CIRI KESALAHAN

1. Penyelewengan dari sudut `aqidah:

a) Menolak hadith secara total sebagai sumber `aqidah dan perundangan Islam.

Antara bahan-bahan penulisan mereka yang memuatkan fahaman ini ialah:

i. Buku *"Hadith Satu Penilaian Semula"* tulisan Kassim Ahmad:

> *"Hadith atau Sunnah Nabi suatu ajaran palsu yang muncul antara 200-250 tahun kemudian dan yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad."* (hal. 18)
>
> *"Satu daripada kuasa-kuasa palsu yang dipegang oleh umat Islam lebih seribu tahun ialah hadith/sunnah."* (hal. 20)
>
> *"Kebanyakan hadith merupakan 'omong kosong' yang menyesatkan manusia dari jalan Tuhan tanpa pengetahuan."* (hal. 91)
>
> *"Hadith merupakan pandangan dan pendapat manusia yang tidak terjamin kebenarannya. Ia tidak lebih daripada tekaan dan agakan."* (hal. 112)

ii. Buku *"Hadith Jawapan Kepada Pengkritik"*, hal. 12, tulisan Kassim Ahmad:

> *"Tesis-tesis saya dalam buku ini ialah bahawa umat Islam telah membelakangkan Al-Qur'an selama kira-kira 1,000 tahun dan ini telah menyebabkan kejatuhan mereka. Dan bahawa ajaran hadith/sunnah sebagai sumber hukum merupakan suatu perkembangan dan ajaran baru yang muncul kira-kira tiga ratus tahun*

setelah Nabi Muhammad wafat, tanpa izin Nabi, dan tidak mempunyai autoriti dalam Al-Qur'an dan sejarah."

iii. Buku *"The Computer Speaks: God's Message To The World"*, hal. 507, tulisan Dr. Rashad Khalifa:

"Hadith and sunnah are false doctrines, and that we shall uphold Qur'an, the whole Qur'an and nothing but the Qur'an."

"Hadith, sunnah and regulations made up by various imams are false doctrines sponsored by satan."

iv. Risalah *Iqra'*, Sya`ban 1415H/Januari 1995M, hal. 3:

"Imam-imam penulis hadith juga telah membawa fahaman baru, iaitu hadith qudsi: .... kepercayaan seperti ini tidak lain daripada khurafat yang paling dahsyat."

b) Menolak dua kalimah syahadah.

Golongan anti hadith ini berfahaman bahawa dua kalimah syahadah yang diucapkan oleh umat Islam adalah dilarang oleh Al-Qur'an, kerana syahadah yang diwajibkan hanyalah *"la ilaha illallah"*.

Antara penulisan-penulisan mereka yang dikenalpasti mengembangkan fahaman ini ialah:

i. Buku *"Hadith Jawapan Kepada Pengkritik"*, hal. 141, tulisan Kassim Ahmad:

"Al-Qur'an mengajar syahadah dalam tiga buah ayat, iaitu ayat 18, surah 3 yang menyatakan bahawa Tuhan, para malaikat dan orang-orang yang berilmu bersaksi bahawa "Tiada Tuhan melainkan Allah", ayat 19, surah 47 yang menegaskan "Ketahuilah bahawa tiada

Tuhan melainkan Allah" dan ayat 1, surah 63 yang membatalkan kenyataan orang-orang munafiq yang mendakwa "Kami bersaksi bahawa Muhammad Rasul Allah"."

"Dua kalimah syahadah yang diajar dalam hadith itu bercanggah dengan ayat-ayat di atas."

ii. Akhbar *Utusan Malaysia* 14 Julai 1995, kenyataan oleh Othman Ali:

"Selain itu, tambahnya, Al-Qur'an turut menyebut bahawa syahadat itu tiada Tuhan melainkan Allah sedangkan ulama' mengajarkan kepada kita bahawa syahadat itu termasuklah juga bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Bukan sahaja syahadat kita salah, malah ia juga mengakibatkan sembahyang kita salah kerana menyebut nama Nabi semasa tahiyyat awal dan akhir."

iii. Buku *"Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu: Hadith Di dalam Al-Qur'an"*, hal. 316, oleh Idris Abdul Rahman:

"Beriman kepada Nabi pada mereka bermakna beriman kepada hadithnya. Mereka gunakan dua kalimah syahadah sebagai bukti mereka. Kata mereka syahadah kepada Allah tidak boleh dipisahkan dari syahadah kepada Rasul. Ini sahaja mereka sudah mempersekutukan Allah dengan Rasul seolah-olah Allah tidak boleh berdiri dengan sendirinya."

c) Menolak *qadha'* dan *qadar*.

Kumpulan ini juga menolak kepercayaan kepada *qadha'* dan *qadar* yang merupakan salah satu tonggak keimanan yang wajib dipegang oleh setiap umat Islam. Antara hujah mereka:

i. Petikan daripada risalah *Iqra'* Jilid 3/Bilangan 1, Sya`ban 1415H/Januari 1995M, hal. 2:

> *"Kepercayaan kepada taqdir yang dipegang oleh kebanyakan umat Islam hari ini dimasukkan ke dalam Rukun Iman dan berasal daripada hadith. Kepercayaan ini tidak ada, malah dibantah dalam Al-Qur'an. "Tidakkah fahaman ini melumpuhkan daya kreatif umat Islam dan menjadi punca utama kejatuhan mereka?"*

ii. Petikan daripada buku "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*", Kassim Ahmad, hal. 90:

> "*Faham qadha' dan qadar ini sebahagian penting dalam teologi kaum Asy`ariyyah, berasal dari ajaran kaum stoik, dan dimasukkan ke dalam hadith, kerana ia tidak terdapat dalam Al-Qur'an, malah ia anti-Qur'an.*"

iii. Petikan daripada cerpen "*Politik*" oleh Kassim Ahmad, *Dewan Sastera* keluaran Februari 1995, hal. 74:

> "*Isu Al-Qur'an itu sebenarnya saintifik dan rasional. Contohnya kepercayaan kepada taqdir baik dan jahat itu daripada Tuhan yang dirumuskan dalam hadith itu, bercanggah dengan ajaran Al-Qur'an dan ditolak oleh Al-Qur'an yang menggesa manusia bekerja kuat ke jalan kebaikan. Pegangan kepada hadith ini merupakan suatu punca besar kejatuhan umat Islam.*"

d) Memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat Al-Qur'an.

Antara penyelewengan paling nyata yang dilakukan oleh golongan anti hadith ini ialah menterjemah dan mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran mengikut "selera" sendiri tanpa memperhitungkan disiplin ilmu Islam yang sebenarnya. Contoh ayat-ayat yang telah diselewengkan tersebut ialah:

i. Ayat 12, Surah At-Taghabun:

Ayat ini telah ditafsirkan dengan maksud bahawa taat kepada Rasul bermakna taat kepada wahyu (Al-Qur'an).

Penjelasan mengenai ayat ini dikembangkan oleh Kassim Ahmad, di dalam buku *"Hadith Jawapan Kepada Pengkritik"*, hal. 26 & 27:

> *"Ayat ini menerangkan bahawa tugas Rasul hanyalah menyampaikan wahyu Allah, iaitu Al-Qur'an. Jadi, taat kepada Rasul bermakna taat kepada Allah yang diwakili oleh RasulNya dalam Al-Qur'an, dan berpegang kepada Al-Qur'an. Jadi, taat kepada Rasul dengan sendirinya bermakna taat kepada Allah dan berpegang kepada Al-Qur'an."*
>
> *"Bukti-bukti bahawa inilah makna ungkapan tersebut yang sebenar dapat dilihat dari kegunaan perkataan 'Rasul' dan bukan 'Muhammad', dan juga dari banyak ayat Al-Qur'an yang memerintah kita supaya tunduk, berpegang dan patuh hanya kepada Tuhan."*

ii. Ayat 114, Surah Hud:

Pengertian ayat ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa sembahyang hanya tiga kali sehari, iaitu Subuh, Maghrib dan `Isya'.

> *"Othman memberikan contoh surah 11:114 yang berbunyi: 'Dan lakukanlah solat pada dua tepi siang dan awal malam'. Ayat ini bermakna sembahyang hanya tiga kali sehari, iaitu Subuh, Maghrib dan 'Isya'."*

(Petikan daripada akhbar *Utusan Malaysia*, 14 Julai 1995, kenyataan oleh Othman Ali)

iii. Ayat 15, Surah Taha:

Pengertian ayat ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa:

"Saat itu (tamatnya dunia) pasti tiba, Aku hampir-hampir merahsiakannya supaya tiap-tiap diri dibalas mengikut kerjanya."

(Petikan daripada buku "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*" tulisan Kassim Ahmad, hal. 57)

Dengan pentafsiran seperti di atas, golongan anti hadith ini mendakwa bahawa tarikh akan berlakunya qiyamat tidak menjadi rahsia kepada manusia, malah ianya boleh ditentukan dengan menggunakan kaedah *Kod 19* (Lihat Perkara e).

e) Mempertikaikan kesahihan ayat-ayat Al-Qur'an.

Selain daripada memesongkan pengertian ayat-ayat Al-Qur'an, golongan ini juga didapati telah mempertikaikan kesahihan ayat 128 dan 129, Surah At-Tawbah. Kassim Ahmad melalui bukunya "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*", hal. 60, mendakwa bahawa terdapat sabotaj dalam penulisan kedua-dua ayat ini kerana ia tidak dapat diselaraskan dengan *Kod 19*.

"Kita tidak boleh meninggalkan bab ini tanpa menyebut suatu lagi pendedahan besar yang telah dibuat oleh Kod 19. Bukhari dan As-Suyuti (811 T.M.) menyatakan bahawa ketika Khalifah `Uthman melantik sebuah suruhanjaya untuk menyemak naskhah-naskhah Al-Qur'an yang wujud pada waktu itu, termasuk menyemak dengan mereka yang menghafal Al-Qur'an untuk mengadakan suatu naskhah Al-Qur'an yang rasmi, suruhanjaya itu mendapati bahawa tiap-tiap ayat Al-Qur'an disahkan oleh banyak saksi, kecuali ayat-ayat 128 dan 129, surah 9. Tetapi yang amat memeranjatkan itu bila kita dapati bahawa kedua-dua ayat ini, dari segi huruf, perkataan dan ayat - ditolak oleh Kod 19. Ini bermakna Kod 19 mengesahkan dua kenyataan sejarah oleh Bukhari dan As-Suyuti yang kita petik tadi bahawa ayat-ayat ini ialah tambahan yang tidak terdapat dalam Al-Qur'an".

f) Mendakwa qiyamat akan berlaku pada 1710H/2280M.

Golongan anti hadith ini juga mendakwa qiyamat akan berlaku pada 1710H/2280M berdasarkan kepercayaannya kepada *Kod 19*. Kenyataan ini terkandung di dalam buku "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*", hal. 59, tulisan Kassim Ahmad.

> *"Angka 309 ada disebut dalam Al-Qur'an dalam konteks yang berkaitan dengan tamatnya dunia dan qiyamat. Ini bermakna Al-Qur'an sendiri mengesahkan tarikh tamatnya dunia dan qiyamat. Oleh yang demikian, dunia ini akan berakhir 309 tahun Hijrah dari 1400 atau 300 tahun Masihi dari 1980 pada 1710 T.H. bersamaan dengan 2280 T.M."*

g) Menolak berlakunya seksaan kubur selepas mati.

Golongan anti hadith ini juga didapati menafikan berlakunya perkara "ghaib selepas mati", seperti seksaan kubur selepas mati kerana ia tidak disebut di dalam Al-Qur'an dan hadith-hadith mengenainya adalah palsu belaka. Contohnya, petikan daripada buku "*Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu: Hadith Di Dalam Al-Qur'an*", Idris Abdul Rahman, hal. 269:

> *"Hamdan tak jumpa dalam Al-Qur'an. Ajaran ada seksa kubur menunjukkan seolah-olah Nabi mengajar yang Tuhan itu tak adil dan zalim. Dia melaksanakan hukuman sebelum dihukum atau didengar dan dibuktikan apa-apa kesalahan. Ini semua hadith palsu."*

Penolakan ini dinyatakan oleh Kassim Ahmad sendiri melalui akhbar *Utusan Malaysia*, 14 Ogos 1995:

> *"Allah tidak akan menghukum manusia sebelum dibicarakan di Padang Mahsyar. Mati ibarat tidur dan jangka waktu di antara mati dengan hari pembalasan bagi mereka (yang sudah mati) adalah terlalu cepat."*

h) Menafikan kedudukan Nabi Adam sebagai manusia pertama ciptaan Allah *subhanahu wata`ala*.

Kassim Ahmad juga menafikan tentang kejadian Nabi Adam, seperti dakwaannya yang disiarkan oleh akhbar *Utusan Malaysia*, 14 Ogos 1995:

> *"Nabi Adam bukanlah manusia pertama secara mutlak yang dicipta oleh Tuhan tetapi ia lebih merujuk kepada tiga konsep. Pertama, jelas Dr. Kassim Ahmad, Adam melambangkan manusia, kedua, ia mewakili masyarakat awal tamadun manusia dan ketiga, mewakili rasul-rasul yang pertama dalam masyarakat mereka."*

> *"Sehubungan dengan itu, tambahnya lagi, manusia pertama dicipta oleh Tuhan sebenarnya wujud di beberapa tempat dan mereka boleh dianggap sebagai Adam."*

> *"Ini benda yang belum pasti Adam bukan ada di satu tempat. Ia ada di beberapa tempat. Manusia yang asal, kita kata Adam dan orang yang menjadi guru yang Allah hantar untuk mereka, juga kita namakan Adam."*

i) Menolak ke*ma`sum*an para Nabi.

Fahaman ini telah dicetuskan oleh Dr. Rashad Khalifa melalui bukunya *"The Computer Speaks: God's Message To The World"*, hal. 507:

> *"And that Mohammad the man committed many mistakes."*

Idea yang menyeleweng ini diperkukuhkan lagi oleh Kassim Ahmad melalui bukunya *"Hadith Jawapan Kepada Pengkritik"*, hal. 4:

> *"Jika para nabi itu ma`sum, mereka bukan lagi manusia. Jika mereka bukan manusia, bolehkah mereka menjadi teladan kepada manusia?"*

2. Percanggahan dari sudut syari`ah:

a) Menolak pensyari`atan sembahyang.

i. Di dalam beberapa penulisan mereka, kumpulan ini mendakwa bahawa melaksanakan syari`at Islam cukup dengan Al-Qur'an sahaja, contohnya dalam kaifiyat melaksanakan ibadat sembahyang.

> *"Umat Islam tidak perlu merujuk kepada amalan Rasulullah kerana amalan sembahyang telah pun ada sejak zaman Nabi Ibrahim. Oleh yang demikian kita boleh melakukan sembahyang dengan cara meniru cara datuk nenek kita melakukannya mengikut cara asal Nabi Ibrahim, Ismail, Ya`kub, Musa, `Isa dan pengikut-pengikut mereka.*
>
> *Disebabkan Al-Quran tidak menyebutkan perincian, maka cara melakukannya bolehlah dengan akal dan perundingan."*

(Fakta ini dipetik daripada buku "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*", Kassim Ahmad, hal. 40-41)

ii. Petikan daripada buku "*Hadith Satu Penilaian Semula*", Kassim Ahmad, hal. 99:

> *"Mengikut hadith, perintah sembahyang diterima oleh Nabi Muhammad di dalam perjalanan "Malam Isra' dan Mi`raj" di mana cerita-cerita hadith menggambarkan beliau tawar menawar dengan Tuhan tentang bilangan waktu sembahyang untuk umat Islam dengan Nabi Musa sebagai penasihat beliau: Nyatakan ini satu cerita rekaan untuk menyedapkan telinga yang mendengar."*

iii. Proses pensyari`atan sembahyang ini kemudiannya telah diselewengkan lagi oleh Othman Ali, penulis buku "*Bacaan*" yang mengatakan bahawa:

> *"Ayat ini bermakna sembahyang hanya tiga kali sehari iaitu Subuh, Maghrib dan `Isya', tapi ulama' mengajar kita sembahyang lima kali sehari. Ini satu pembohongan," jelasnya.*
>
> *Sembahyang juga, kata beliau minimumnya satu raka`at sahaja dan umat Islam juga boleh menggunakan apa sahaja bahasa semasa menunaikannya, termasuk semasa membaca Surah Al-Fatihah."*

(Petikan daripada akhbar *Utusan Malaysia*, 14 Julai 1995)

b) Menolak ketetapan hukum fiqh Islam tentang aurat wanita.

Kumpulan anti hadith ini juga didapati menolak ketetapan yang telah disyariatkan oleh Islam tentang aurat wanita yang wajib dipelihara dan diikuti oleh setiap umat Islam.

i. Petikan daripada akhbar *Utusan Malaysia*, 14 Ogos 1995, kenyataan oleh Kassim Ahmad:

> *"............ wanita Muslim boleh memakai apa sahaja pakaian walaupun mendedahkan anggota-anggota berkenaan dengan syarat ia hendaklah bersopan dan tidak menyalahi adat serta budaya masyarakat setempat. Aurat ialah menutup bahagian sulit yang apabila kita dedahkan menjadi sumbang kepada masyarakat. Tanda tentang aurat ialah wudhu'. Semasa wudhu', Allah menyuruh kita membasuh muka, tangan dan menyapu kepala. Maknanya kepala itu tidak ditutup, kerana kalau kepala ditutup, tentu Tuhan tidak menyuruh kita menyapunya."*

ii. Petikan daripada surat Puan Kalsom Abd. Rahman, isteri kepada Wadan Kassim yang telah dikemukakan kepada BAHEIS pada 15 Disember 1994:

> *"Surah An-Nur, ayat 31 menyuruh wanita menutup dada dan bukan kepala mereka. Surah Al-Ahzab juga*

menjelaskan lagi hal yang sama "Hai Nabi, katakanlah kepada isteri-isteri, anak-anak perempuan dan isteri-isteri orang mu'min, hendaklah mereka menutup baju luar mereka ke seluruh badan mereka. Dengan begitu, mereka lebih mudah untuk dikenal dan mereka tidak diganggu ....

Ayat ini juga menyuruh tutup badan sahaja dan bukan kepala. Apabila kepala ditutup, tambahan dengan memakai purdah, tentulah susah dikenali."

3. Percanggahan dari sudut akhlaq:

a) Menghina peribadi dan kedudukan Rasulullah.

Antara contoh penghinaan tersebut yang dimuatkan dalam penulisan mereka ialah:

i. Petikan surat daripada Abdul Manan Harun kepada Datuk Abu Hasan Din, 5 Ogos 1989:

"Cuba saudara beri maksud, apabila saudara membaca semasa bertahiyyat, betulkah Allah memerintah kita mengucapkan assalamu`alaikum kepada Nabi semasa Allah memerintah kita bersolat dengannya? Agak-agak saudara apabila memberi salam kepada Nabi Muhammad semasa kita bersolat dengan Allah, Nabi boleh membalas balik salam kita atau tidak?"

ii. Petikan daripada risalah *Iqra'*, Jilid 3/Bilangan 3, Muharram 1416H/1995M, hal. 3:

"Adakah Nabi Muhammad seorang manusia yang berakhlaq tinggi, setelah berjuang selama 23 tahun menyeru manusia kepada agama tawhid yang diajar oleh semua nabi, menyuruh umat Islam mengucap dua kalimah syahadah yang mengutamakan beliau sendiri mengatasi nabi-nabi lain?"

"Menyebut nama Nabi Muhammad dalam kalimah syahadah melanggar perintah Tuhan yang menegah kita daripada membeza-bezakan di antara rasul-rasulNya (rujuk 2:285)."

iii. Petikan daripada surat Puan Kalsom Abd. Rahman, isteri kepada Wadan Kassim yang telah dikemukakan kepada BAHEIS pada 15 Disember 94:

"Rasul (Muhammad) adalah sama seperti posmen dan dia adalah manusia biasa, tidak perlu didewa-dewakan atau dipertuhankan."

b) Mencerca dan memfitnah ulama'.

Kumpulan anti hadith ini juga sering kali mencerca dan memfitnah para ulama dengan berbagai tuduhan melalui penulisan-penulisan mereka. Contohnya:

i. Petikan dari buku *"Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu: Hadith Di dalam Al-Qur'an"*, Idris Abdul Rahman, hal. 147:

"Seperti Samiri yang telah menggunakan 'berhala anak lembu' yang telah dibentuk atas arahannya untuk menyesat dan menindas umat Nabi Musa, begitu juga ulama' hadith yang lampau ini telah menyesat dan menindas umat Muhammad dengan menggunakan hadith Nabi rekaan mereka. Melalui ajaran mereka, orang-orang Islam telah menjadi orang-orang Musyrik penyembah berhala atau penyembah ulama' yang telah membentuk hukum-hakam rekaan mereka melalui apa yang mereka katakan sebagai hadith Nabi. Bukanlah berhala anak lembu yang telah menyesatkan umat Nabi Musa bahkan Samiri. Dan bukanlah hadith Nabi yang telah menyesatkan umat Nabi Muhammad bahkan ulama' hadith yang lampau ini. "

ii. Petikan daripada akhbar *Berita Harian*, 14 Julai 1995, tulisan Wadan Kassim, hal. 10:

> *"Seperti yang diberitakan, RM 3 juta wang rakyat digunakan untuk pelajar negeri Kelantan sahaja yang di peringkat darjah enam ke bawah supaya mereka mahir melagu-lagukan Al-Quran sebagai syair. Wang RM 3 juta itu tentunya akan masuk ke dalam saku guru-guru syair. Apabila umat sudah mempelajari Al-Qur'an, ulama' akan kehilangan pengaruh dan fungsi mereka. Agama tidak akan menjadi punca rezeki yang lumayan lagi."*

Selain daripada itu mereka juga memfitnah para ulama' melalui ayat Al-Quran dengan memesongkan pengertian ayat tersebut, contohnya, petikan daripada akhbar *Berita Harian*, 14 Julai 1995, tulisan Wadan Kassim, hal. 10:

> *"Dalam hal ini Al-Quran mengatakan: "Wahai orang beriman sesungguhnya kebanyakan pendita-pendita dan `alim ulama' itu memakan harta manusia dengan cara yang palsu (batil) dan mereka menghalang orang daripada jalan Allah."*

c) Mencabar dan mempertikaikan kewibawaan pihak berkuasa agama.

Kumpulan anti hadith ini sering kali mencabar Kerajaan, khususnya pihak berkuasa agama supaya mengambil tindakan ke atas mereka sekiranya benar fahaman yang dibawa oleh mereka bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya, petikan daripada akhbar *Utusan Malaysia*, 26 Julai 1995, kenyataan oleh Kassim Ahmad:

> *"Kassim Ahmad hari ini mencabar Pusat Islam serta Jawatankuasa Majlis Agama supaya mendakwanya jika beliau dan anggota-anggota Persatuan Jemaah Al-Qur'an Malaysia (JAM) benar-benar menyeleweng."*

> *"Saya fikir saya tidak buat salah malah hadith itu perlu dikaji dengan teliti mengikut al-Quran."*

Selain daripada itu, corak propaganda kumpulan anti hadith ini yang mempertikaikan tindakan dan kewibawaan pentadbiran agensi-agensi agama adalah merupakan elemen menghasut yang boleh mencetuskan kesangsian terhadap kewibawaan Kerajaan. Contohnya, petikan daripada akhbar *Watan*, 24 Julai 1995, kenyataan oleh Kassim Ahmad:

> *"Saya yakin pengharaman itu dibuat berdasarkan pendapat daripada sesetengah ulama' yang mendesak Kerajaan bertindak demikian dan bukan daripada penelitian yang mendalam. Ini satu perkembangan yang tidak sihat dan bahaya kepada individu Islam yang mahu mengembangkan syi`ar Islam."*

d) Tidak mengikut disiplin ilmu-ilmu Islam.

Dalam menyampaikan ajaran Islam, kumpulan anti hadith juga tidak menggunakan panduan yang berlandaskan kepada ajaran agama, sebaliknya mereka menggunakan pendekatan saintifik dalam menyampaikan ajaran Islam. Mereka menolak penggunaan Al-Qur'an, hadith, *ijma`* ulama' dan *qiyas* di samping membelakangkan disiplin ilmu-ilmu Islam yang boleh membawa kepada penyelewengan. Kumpulan anti hadith ini turut enggan menggunakan buku-buku rujukan yang *mu`tabar* dalam menterjemahkan ayat-ayat Al-Qur'an, `aqidah dan syari`ah. Malah mereka lebih gemar menggunakan buku-buku yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa, dan lain-lain buku karangan sarjana orientalis seperti Ignaz Goldzihar dan Joseph Schacht.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai fatwa Negeri Selangor pada 7 Oktober 1995 yang telah diwartakan pada 23 November 1995 mengenai pengharaman buku-buku berikut:

    1. ***Buku "Hadith Satu Penilaian Semula" karangan Kassim Ahmad diharamkan pada 10 Julai 1986.***

    2. ***Buku "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik" karangan Kassim Ahmad diharamkan pada 21 April 1994.***

    3. ***Buku "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu: Hadith Di Dalam Al-Quran" dan doa-doa dari "Prayer From Al-Quran" karangan Haji Idris Abd. Rahman diharamkan pada 5 November 1992.***

    4. ***Buku "Penemuan Ilmiah Tentang Kandungan Al-Quran" karangan Dr. Rashad Khalifa diharamkan pada 23 September 1993.***

    5. ***Buku "The Computer Speaks; God's Message To The World" karangan Dr. Rashad Khalifa diharamkan pada 13 Januari 1994.***

    6. ***Buku "Bacaan" karangan Othman Ali diharamkan pada 22 Julai 1995.***

    7. ***Risalah "Iqra'" terbitan Jemaah Al-Quran Malaysia.***

- Selain itu, fatwa Negeri Selangor juga menyebutkan bahawa:

    "Buku-buku dan risalah tersebut adalah mengandungi, antara lain, ajaran dan fahaman yang menolak hadith sahih (iaitu hadith yang disahkan bersumber daripada Rasulullah sallallahu `alayhi wasallam) sebagai sumber `aqidah dan perundangan Islam, menghina kedudukan Rasulullah sallallahu `alayhi wasallam dan menghina Al-

Qur'an dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat Al-Qur'an. Oleh yang demikian, buku-buku dan risalah itu adalah mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan `aqidah, syari`ah dan akhlaq Islam.

Oleh yang demikian, mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku dan risalah tersebut adalah murtad."

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40 **29hb Februari 1996** **No. 5**

No. 78.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (MELAKA) 1991
(Enakmen No. 1 tahun 1991)

PEMBERITAHU FATWA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 30 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka) 1991 dan setelah diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut seksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka) 1991, maka Mufti Kerajaan Melaka dengan ini membuat dan mengeluarkan, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah, fatwa berikut:

1. Mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku berikut:

(a) “Hadis Satu Penilaian Semula” yang dikarang oleh Kassim Ahmad;

(b) "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik" yang dikarang oleh Kassim Ahmad;

(c) "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu: Hadis Di Dalam Al-Quran" yang dikarang oleh Hj. Idris Abd. Rahman;

(d) "Bacaan" yang dikarang oleh Othman Ali;

(e) "The Computer Speaks; God's Message To The World" yang dikarang oleh Dr. Rashad Khalifa; dan

(f) Risalah "Iqra'" terbitan Jemaah Al-Quran Malaysia;

(selepas ini disebut secara kolektif sebagai "buku-buku dan risalah tersebut") adalah murtad.

2. Mana-mana orang Islam adalah dilarang –

(1) untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku dan risalah tersebut;

(2) untuk mencetak, menerbitkan, memiliki, menyiarkan atau mengedarkan buku-buku dan risalah tersebut atau mana-mana bahagian buku-buku dan risalah tersebut dalam;

(i) apa-apa bentuk versi atau variasinya;

(ii) apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa;

(iii) apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada mana-mana buku dan risalah tersebut itu pada atau atas apa-apa bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media; atau

(3) untuk menjadi anggota atau pemimpin mana-mana kumpulan yang tersebut dalam perenggan 1 atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.

Bertarikh 5 Januari 1996.
[PUN (M) 351/27; PMM/0020 Klt. 2 (26).]

DATUK SHEIKH HJ. MD. YUNUS BIN HJ. MD. YATIM
Mufti Negeri Melaka,
Pengerusi,
Jawatankuasa Syariah

Fatwa 5

Wajib Berpegang Dengan `Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama`ah (Ke Arah Membendung Pengaruh Syi`ah)

LATARBELAKANG

- Syi`ah adalah nama bagi satu aliran atau mazhab siyasah Islam yang lahir untuk menegakkan kekuasaan politik dan agama. Aliran ini muncul dalam zaman pemerintahan Khalifah Islam yang ketiga iaitu Sayyidina `Uthman bin `Affan *radhiyallahu `anh*. Pengaruh aliran ini telah bertambah luas ketika pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah apabila pengikut Sayyidina `Ali menerima tekanan.

- Di kalangan pengikut Mazhab Syi`ah, terdapat golongan melampau, kurang melampau dan golongan sederhana. Golongan melampau terdiri daripada golongan Al-Kisaniyyah, Al-Bayaniyyah, As-Saba'iyyah, Al-Mughiriyyah, Al-Mansuriyyah, Al-Katibiyyah, dan Al-Gharabiyyah. Golongan kurang melampau pula terdiri daripada golongan Al-Isma`iliyyah, Al-Hakimiyyah, Ar-Ruzi, An-Nasiriyyah dan Al-Ithna `Asyariyyah. Manakala golongan sederhana ialah golongan Az-Zaydiyyah.

- Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara Mazhab Syi`ah dan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jama`ah terutama dalam bidang `aqidah dan syari`ah. Dari segi `aqidah, perbezaan antara kedua mazhab ini adalah dalam perkara mengenal Allah, melihat Allah dan sifat Allah. Dari segi syari`ah, perbezaan antara kedua mazhab ini dapat dilihat dalam perkara yang berhubung dengan

kitab Al-Qur'an, sunnah Nabi, sahabat, *ijtihad*, nikah *mut`ah*, perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab, pembahagian harta pusaka dan lafaz azan. Selain itu, kedua-dua mazhab ini juga berbeza pendapat mengenai perkara kenabian dan khalifah.

- Kebangkitan fahaman Syi`ah secara meluas di Malaysia bermula daripada kemenangan revolusi Islam yang diketuai oleh Ayatullah Ali Khomeini di Iran pada tahun 1979 dan menjadikan Iran sebagai Republik Islam. Atas nama kerajaan Islam itulah rakyat Malaysia telah memberi sokongan tanpa menyedari orang-orang Iran yang berfahaman Syi`ah telah menyebarkan fahaman mereka dengan meluasnya di Malaysia.

- Syi`ah di Malaysia merupakan satu kelompok pecahan dari umat Islam yang merangkumi lebih kurang 10 peratus dari seluruh umat Islam dunia. Golongan Syi`ah ini berpecah kepada beberapa kumpulan. Tetapi di dalam buku penjelasan ini hanya disebut tiga kumpulan terbesar iaitu:

1. **Syi`ah Imam Dua Belas (Ja`fariyyah).**

   Kumpulan ini merupakan golongan Syi`ah yang terbesar di Iran dan merangkumi hampir 60 peratus daripada penduduk Iraq. Golongan ini juga menjadi kumpulan minoriti di beberapa buah negara seperti Pakistan, Afghanistan, Lebanon dan Syria.

2. **Syi`ah Zaydiyyah.**

   Kumpulan yang dikenali dengan nama "Syi`ah Imam Lima" ini berkembang di Yaman dan hampir 40 peratus daripada penduduk negara tersebut adalah pengikut Syi`ah Zaydiyyah.

3. **Syi`ah Isma`iliyyah.**

   Kumpulan ini mempunyai Imam Tujuh dan pengikutnya dianggarkan seramai 2 juta orang yang kini berpusat di India dan bertaburan di sekitar Asia Tengah, Iran, Syria dan Timur Afrika.

- Di Malaysia terdapat tiga kumpulan Syi`ah yang berkembang sejak beberapa tahun yang lalu iaitu:

1. Syi`ah Tayyibi Bohra (Dawood Bohra).

Kumpulan ini berasal dari India dan di Malaysia dikenali dengan golongan yang memiliki "Kedai Bombay". Kumpulan yang berpusat di daerah Klang ini mempunyai tanah perkuburan dan masjidnya sendiri dan pengikutnya dianggarkan antara 200 hingga 400 orang.

2. Syi`ah Isma`iliyyah Agha Khan.

Kumpulan yang dikenali dengan nama "Kedai Peerbhai" ini bergerak di sekitar Lembah Klang. Jumlah pengikutnya tidak diketahui tetapi bilangannya lebih kecil daripada kelompok Bohra.

3. Syi`ah Ja`fariyyah @ Imamiyyah Ithna `Asyariyyah (Imam Dua Belas).

Kumpulan Syi`ah ini dipercayai mula bertapak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman ini menular ke negara ini melalui bahan bacaan dan orang perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran. Fahaman Syi`ah ini bertambah meruncing apabila beberapa orang pensyarah universiti tempatan telah memainkan peranan dalam menyebarkan fahaman Syi`ah Ja`fariyyah secara serius kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Beberapa buku utama Syi`ah telah dijadikan bahan rujukan dan sebahagiannya telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu, antaranya:

a) *Kasyf Al-Asrar* oleh Ayatullah Al-Khomeini.

b) *Al-Hukumah Al-Islamiyyah* oleh Ayatullah Al-Komeini.

c) *As-Sab`ah Min As-Salaf* oleh Ayatullah Al-Murtadza Az-Zubaydi.

d) *Al-Usul Min Al-Kafi* oleh Asy-Syeikh Muhammad bin Ya`kub Al-Kulayni (Tahun 1338H).

e) *Tahrir Al-Wasilah* oleh Ayatullah Al-Khomeini.

f) *Al-Muraja`at* oleh Asy-Syeikh `Abdul Husayn Syarafuddin Al-Musawi.

g) *Peshawar Nights* oleh As-Sayyid Muhammad Ra'is Al-Wahidin.

h) *Mafatih Al-Jinan* oleh Syeikh `Abbas Al-Qummi.

i) *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di Antara Nas Dan Ijtihad)* oleh Al-Hasan bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliyy, diterjemahkan oleh Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim (tahun 1993).

j) *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bayt a.s.?* oleh Syeikh Muhammad Mar`i Al-Amin Al-Antaki, diterjemahkan oleh Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim (Tahun 1993).

k) *As-Sahabah* oleh Haydar.

l) *Ahlu Al-Bayt* oleh Dr. Mahfuz Mohamed.

Pengaruh fahaman Syi`ah ini kian menular ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, antaranya Kelantan, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor. Di Malaysia, pengikut kumpulan ini dianggarkan antara 300 hingga 500 orang.

- Antara gejala-gejala yang timbul akibat daripada fahaman dan ajaran Syi`ah ialah:

  1. Wujudnya kes kahwin mut`ah.

  2. Meluasnya penyebaran buku-buku Syi`ah.

3. Adanya usaha menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke Iran.

4. Wujudnya sokongan dari golongan tertentu terhadap pengaruh Syi`ah terutama golongan ahli politik.

- Penyebaran fahaman Syi`ah di Malaysia dilakukan melalui beberapa cara seperti berikut:

  1. Lawatan pembesar-pembesar Iran ke Malaysia yang disusuli dengan kempen dan penerangan fahaman mereka.

  2. Lawatan pelawat-pelawat Malaysia ke Republik itu.

  3. Melalui pelajar-pelajar Malaysia yang ditawarkan belajar ke Republik itu dengan diberi biasiswa dan kemudahan asas yang secukupnya.

  4. Melalui pegawai-pegawai Kedutaan Iran di Malaysia yang membuat lawatan ke pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia.

  5. Memberi hadiah berupa buku-buku fahaman Syi`ah kepada perpustakaan-perpustakaan umum seperti perpustakaan universiti, masjid dan kedai-kedai buku yang terkenal.

CIRI-CIRI KESALAHAN

1. Penyelewengan dari sudut `aqidah:

a) Imam adalah *ma`sum*.

Syi`ah meyakini bahawa imam-imam adalah *ma`sum* iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar dari peringkat kanak-kanak sehinggalah meninggal dunia. Kedudukan mereka sama seperti nabi-nabi. Pada i`tiqad mereka, imam-imam tidak melakukan kesalahan dan tidak lupa. Imam adalah pemelihara syari`at dan melaksanakan hukum-hukum.

b) Khalifah diwasiatkan secara nas.

Golongan Syi`ah mempercayai bahawa imam-imam telah ditentukan oleh Allah melalui lisan RasulNya secara nas. Mereka juga percaya *wasi* Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* ialah Sayyidina `Ali. Kemudian Sayyidina `Ali mewasiatkannya pula kepada anaknya Hasan dan Hasan mewasiatkannya pula kepada Husayn sehinggalah kepada Imam Dua Belas Al-Mahdi Al-Muntazar. la merupakan sunnah Allah kepada semua nabi-nabi bermula daripada Nabi Adam sehinggalah kepada nabi yang terakhir.

c) Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia (*al-bada'*).

Dari segi bahasa, *al-bada'* bermaksud lahir sesudah tersembunyi. Menurut `aqidah Syi`ah, *al-bada'* ialah Allah mengetahui sesuatu perkara setelah berlaku peristiwa berkenaan yang sebelum itu dianggap tersembunyi daripadaNya. Syi`ah juga percaya bahawa ilmu dan kehendak Tuhan itu akan berubah-ubah bersesuaian dengan keadaan yang berlaku atau fenomena baru. Sebagai contoh kepada pengertian *al-bada'*, An-Nawbakhti menyebutkan bahawa Ja`far bin Muhammad Al-Baqir telah menentukan anaknya Isma`il sebagai imam secara nas semasa hidupnya lagi. Tetapi ternyata kemudiannya Isma`il meninggal dunia, sedangkan bapanya Ja`far bin Muhammad al-Baqir masih hidup.

d) Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (*ar-raj`ah*).

Mengikut `aqidah Syi`ah, mereka dikehendaki percaya bahawa Allah *subhanahu wata`ala* akan menghidupkan semula orang-orang yang telah mati ke dunia ini bersama-sama Imam Mahdi untuk menghukum orang-orang yang telah melakukan kezaliman. Mereka termasuk para sahabat Rasulullah seperti Sayyidina Abu Bakar, `Umar, `Uthman, `A'isyah, Hafsah, Mu`awiyah dan lain-lain.

e) **Berpura-pura (*at-taqiyyah*).**

Menurut `aqidah Syi`ah, *at-taqiyyah* ialah menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan melahirkan yang bukan hakikat sebenar daripada kandungan hatinya. *At-taqiyyah* ini diamalkan dalam setiap perkara kecuali di dalam masalah arak dan menyapu dua khuf.

f) **Konsep *Al-Mahdiyyah* iaitu kepercayaan kepada Muhammad bin Hasan Al-`Askari sebagai Imam Mahdi Al-Muntazar.**

Syi`ah Imamiyyah percaya bahawa Muhammad bin Hasan Al-`Askari adalah imam yang ditunggu-tunggu yang telah hilang dan akan muncul semula untuk memerintah dan menghukum orang-orang yang melakukan kezaliman. Beliau telah menghilangkan diri selama 65 tahun mulai tahun 260H hingga 329H. Pada masa ini, orang Syi`ah boleh menghubungi imam mereka melalui wakil-wakilnya seramai empat orang yang digelar sebagai "wakil-wakil khas". Mereka ialah `Uthman ibn Sa`id Al-`Umri, anaknya Muhammad ibn `Uthman, Husayn ibn Ruh dan `Ali ibn Muhammad As-Saymiri. Zaman ini dikenali sebagai "*al-gha'ibah as-sughra*". Manakala zaman "*al-gha'ibah al-kubra*" pula bermula selepas tahun 329H hingga lahirnya Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Dalam tempoh ini, sesiapapun tidak boleh menghubungi Imam Mahdi walaupun melalui wakil-wakilnya. Sekiranya boleh dihubungi, maka dia dianggap sebagai pendusta.

g) **Menuduh Abu Bakar, `Umar, `Uthman dan Mu`awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut mereka adalah musuh Allah.**

Golongan Syi`ah turut membuat tuduhan bahawa Abu Bakar, `Umar, `Uthman dan Mu`awiyah sebagai empat berhala Quraisy. Selain itu, para pengikut mereka juga dikatakan sebagai musuh Allah *subhanahu wata`ala*.

h) Penyanjungan yang keterlaluan kepada Sayyidina `Ali.

Syi`ah menyanjung Sayyidina `Ali secara berlebihan sehingga beliau disamatarafkan dengan Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*. Bahkan dalam beberapa hal Sayyidina `Ali dianggap lebih tinggi lagi.

i) Mengkafirkan para sahabat Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*.

Golongan Syi`ah ini mempercayai bahawa selepas wafat Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*, semua sahabat murtad kecuali Ahlu Al-Bayt dan beberapa orang sahabat terrnasuk Abu Zar, Miqdad bin Aswad, Salman Al-Farisi dan `Ammar.

j) Menolak hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama`ah sekalipun hadith *mutawatir*.

Golongan Syi`ah menolak semua hadith yang diriwayatkan oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jama`ah walaupun hadith itu sampai kepada darjat *mutawatir*. Mereka juga tidak menerima hadith-hadith yang diriwayatkan oleh para sahabat terrnasuklah Khulafa' Ar-Rasyidin (kecuali Sayyidina `Ali) dan para sahabat agung yang lain seperti Abu Hurayrah, Samurah bin Jundub, Marwan bin Al-Hakam, `Imran bin Hathan Al-Khariji dan `Amru bin Al-`As. Apa yang mereka terima hanyalah hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Sayyidina `Ali dan Ahlu Al-Bayt sahaja.

k) Hanya `Ali dan para imam sahaja yang menghafal dan menghimpun Al-Qur'an dengan sempurna.

Golongan Syi`ah menganggap bahawa tiada daripada kalangan sahabat yang menghimpun, memahami dan menghafal al-Quran dengan sempurna kecuali `Ali dan para imam sahaja. Mereka turut mendakwa mempunyai *mashaf* Fatimah. Diriwayatkan juga terdapat *mashaf* `Ali (*mashaf* Fatimah) yang mengandungi ayat Al-Qur'an sebanyak 17,000 ayat, iaitu tiga kali ganda daripada *mashaf* `Uthmani.

l) Menambah syahadah.

Golongan Syi`ah turut menambah nama Sayyidina `Ali dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam* seperti berikut:

أشهد أن لا إله إلا الله أشهد أن محمدا رسول الله أشهد أن

عليا أمير المؤمنين حقا .

m) Menghalalkan nikah *mut`ah*.

Golongan Syi`ah menghalalkan nikah *mut`ah*. Mengikut ajaran dan fahaman Syi`ah, perkahwinan *mut`ah* tidak memerlukan saksi, wali dan perisytiharan.

2. Penyelewengan dari sudut syari`ah:

a) Mengamalkan nikah *mut`ah*.

Golongan Syi`ah masih meneruskan amalan nikah *mut`ah* yang pemah diharuskan pada peringkat awal Islam dalam keadaan dan masa tertentu dan mereka masih mengamalkannya sehingga sekarang. Mereka berpendapat bahawa nikah *mut`ah* adalah diharuskan di dalam syari`at Islam. Ini menunjukkan bahawa mereka menolak permansuhan syari`at tersebut.

Ciri-ciri nikah mut`ah ialah `aqad, tempoh dan mahar. Dalam nikah mut`ah ditetapkan tempoh tertentu yang diredhai oleh kedua-duanya, sama ada sebulan, setahun atau sehari. Bagi mereka, nikah *mut`ah* boleh dilakukan dalam tempoh satu jam atau dua jam, sehari, dua hari atau semalaman. Nikah *mut`ah* juga boleh dilakukan dengan perempuan Yahudi, Nasrani, Majusi, anak dara tanpa izin bapanya dan juga perempuan pelacur. Apabila dilakukan `aqad hendaklah disebutkan mahar dan tempoh yang diredhai oleh kedua-duanya. Sekurang-kurang mahar ialah semangkuk gula atau segenggam makanan dan sebagainya. Dalam nikah

*mut`ah* juga tidak ditentukan bilangan wanita yang di*mut`ah*kan. Oleh yang demikian, mereka berpendapat nikah *mut`ah* boleh dilakukan hingga seribu orang wanita.

b) Menolak *ijma`* ulama'.

Golongan Syi`ah tidak menerimapakai *ijma'* ulama'. Ini terbukti apabila mereka menolak pelantikan khalifah Abu Bakar, `Umar dan `Uthman, malah mereka hanya berpegang kepada pendapat-pendapat imam mereka sahaja. Bagi mereka, *ijma'* mempunyai kesalahan, sedangkan pendapat imam adalah *ma`sum*.

c) Menolak *qiyas*.

Golongan Syi`ah juga menolak *qiyas*. Mereka mendakwa bahawa beramal dengan *qiyas* akan merosakkan agama.

3. Pelbagai penyelewengan umum:

a) Menghina Abu Bakar dan `Umar serta dua orang isteri Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*

Golongan Syi`ah juga menghina Abu Bakar dan `Umar dengan gelaran "dua berhala Quraysh". Selain itu, mereka turut menghina isteri-isteri nabi, iaitu Sayyidatina `A'isyah dan Hafsah dengan menggelarkan mereka sebagai "*taghut*" dan "pendusta".

b) Menziarahi kubur Sayyidina Husayn ganjarannya syurga.

Golongan Syi`ah mendakwa bahawa orang yang menziarahi kubur Sayyidina Husayn akan mendapat ganjaran syurga.

c) *Imamah* dan *khilafah* sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas.

Golongan Syi`ah mendakwa *imamah* dan *khilafah* sebahagian daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas.

d) Menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharram.

Golongan Syi`ah mengadakan upacara memukul dada dan menyeksa tubuh badan sebagai amalan yang masyhur sempena 10 Muharram bagi menangisi kematian syahid Sayyidina Husayn. Pada hari tersebut, mereka meraikannya dengan duduk di rumah sambil menerima ucapan ta`ziyah daripada kalangan mereka di samping mengadakan majlis jamuan. Selain itu, imam-imam mereka turut memberi khutbah dan melagukan qasidah sebagai memperingati syahidnya Sayyidina `Ali dan Ahlu al-Bayt Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* serta kelebihan-kelebihan mereka.

e) Mengharuskan jama` sembahyang dalam semua keadaan.

Golongan Syi`ah mengharuskan jama` sembahyang fardhu iaitu Zuhur dan `Asar dalam waktu `Asar, Maghrib dan Isya' dalam waktu Isya' dalam semua keadaan tanpa sebarang sebab.

f) Sembahyang *dhuha* adalah bid`ah dan haram.

Golongan Syi`ah mendakwa sembahyang *dhuha* adalah bid`ah. Mereka menganggap para imam mazhab empat yang mengatakannya sebagai amalan sunat adalah menyalahi sunnah Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*.

g) Islam bukan syarat wajib haji.

Golongan Syi`ah mendakwa Islam bukanlah syarat wajib mengerjakan ibadah haji.

h) Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya.

Golongan Syi`ah mendakwa wajib menyapu kedua-kedua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya sebagaimana pendapat sebahagian para sahabat dan tabi`in seperti Ibn `Abbas, `Ikrimah, Anas, Abu Al-`Aliyah dan As-Sya`bi.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 5 Mei 1996 yang memutuskan bahawa:

  a) ***Bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syi`ah yang menetapkan seperti berikut:***

     "Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini, Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syi`ah dari golongan Al-Zaydiyyah dan Ja`fariyyah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia" dimansuhkan.

  b) ***Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama`ah dari segi `aqidah, syari`at dan akhlaq.***

  c) ***Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama`ah dari segi `aqidah, syari`at dan akhlaq.***

  d) ***Memperakukan pindaan kepada semua Undang-Undang Negeri dan Hukum Syara` bagi menyelaraskan takrif "Hukum Syara`" atau "Undang-Undang Syara`" atau "Undang-Undang Islam" seperti berikut:***

"Hukum Syara` atau Undang-Undang Islam ertinya Undang-Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama`ah dari segi `aqidah, syari`ah dan akhlaq."

5. *Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama`ah adalah bercanggah dengan Hukum Syara` dan Undang-Undang Islam; dan dengan yang demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama`ah adalah dilarang.*

6. *Menetapkan bahawa semua umat Islam di Negara ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Islam Hukum Syara` yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jama`ah sahaja.*

7. *Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama`ah adalah diharamkan.*

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 41 No. 15	**24hb Julai 1997**	*TAMBAHAN No. 4* *PERUNDANGAN*

M. P.U. 5.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (MELAKA) 1991

PEMBERITAHU FATWA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka) 1991 dan setelah diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut seksyen 33(6), Enakmen Pentadbiran, Hukum Syarak (Melaka) 1991, maka Mufti Kerajaan Melaka dengan ini membuat dan mengeluarkan, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah, fatwa berikut:

Enakmen 5/91

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Melaka hendaklah mengikut Undang-Undang Islam dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak;

2. Adalah diperakukan bahawa ajaran Islam selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan dengan yang demikian penyebaran apa-apa ajaran lain selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang;

3. Adalah ditetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan sebagainya dalam dan dengan apa-apa cara yang lain yang berkaitan dengan ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

Bertarikh 16 Julai 1997.
[PUN (M) 351/27; PMM/0020 Klt. 2 (122).]

HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti Negeri Melaka,
Pengerusi,
Jawatankuasa Syariah

Fatwa 6

Zakat Pendapatan

LATARBELAKANG

- Dalam penggunaan harian, gaji secara umumnya diertikan sebagai satu bentuk upah tertentu yang dibayar oleh majikan sebagai ganjaran kepada kerja atau perkhidmatan yang dilakukan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah segala bentuk habuan yang diberi, sama ada bersifat gaji dalam pengertiannya yang sempit, elaun, imbuhan, sumbangan, faedah dan sebagainya, asalkan sahaja boleh disimpulkan di bawah istilah "ganjaran" hasil kerja atau perkhidmatan.

- Menurut *Kamus Dewan*, istilah "pendapatan" ditakrifkan sebagai "sejumlah wang yang diperolehi dalam jangka waktu tertentu (sebagai hasil daripada mata pencarian, kerja yang dilakukan dan sebagainya); atau hasil yang terdiri daripada gaji dan lain-lain yang diperolehi".

- Berdasarkan perangkaan, sebahagian besar rakyat Malaysia yang memperolehi pendapatan melalui gaji adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Mereka adalah golongan pembayar zakat yang terbesar sekiranya gaji yang diperolehi wajib dikenakan zakat.

- Seorang ulama' dan penulis yang terkenal di Timur Tengah iaitu Dr. Yusuf Al-Qardhawi telah mencadangkan di dalam kitab "*Fiqh Az-Zakah*" agar gaji dan pendapatan profesional dikenakan zakat.

HUJAH DAN DALIL

- Kewajipan zakat ke atas gaji atau pendapatan adalah berdasarkan kepada dalil Al-Qur'an, hadith Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam* dan pendapat ulama', antaranya:

1. Firman Allah *subhanahu wata`ala*:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا كَسَبۡتُمۡ وَمِمَّآ أَخۡرَجۡنَا لَكُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُواْ ٱلۡخَبِيثَ مِنۡهُ تُنفِقُونَ وَلَسۡتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن تُغۡمِضُواْ فِيهِ ۚ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴾

Maksudnya:
"Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian daripada apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), pada hal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya, dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi sentiasa Terpuji."

(Surah Al-Baqarah, 2:267)

Dalil ini digunakan bagi kewajipan zakat perniagaan tetapi ia boleh di*qiyas*kan juga kepada pendapatan dari penggajian berdasarkan kepada lafaz (ما كسبتم) yang boleh ditafsirkan kepada sebarang bentuk harta yang diusahakan.

2. Sabda Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*:

اعْلَمْ أَنَّ اللهَ قَدِ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِيْ أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَتُرَدُّ إِلَى فُقَرَائِهِمْ .

Maksudnya:
"Beritahulah kamu kepada mereka bahawa Allah subhanahu wata`ala telah mewajibkan dari sebahagian harta-harta mereka untuk disedekahkan. Diambil dari orang kaya untuk diberi kepada mereka yang faqir".

(Muttafaq `Alayh)

- Pendapat Dr. Yusuf Al-Qardhawi di dalam kitab *Fiqh Az-Zakah* seperti berikut:

1. Dr. Yusuf Al-Qardhawi menggunakan konsep harta perolehan *"al-mal al-mustafad"*. Beliau menghuraikan harta seperti itu sebagai apa juga perolehan baru yang diperolehi secara halal. Menurut beliau, di bawah harta perolehan ini termasuklah gaji, pendapatan profesional, pendapatan-pendapatan dari modal yang tidak diperniagakan dan sebagainya.

2. Sekiranya "harta perolehan" merupakan keuntungan kepada harta yang sebelumnya telah dizakatkan, seperti harta perniagaan, pembiakan ternakan secara profesional dan sebagainya, maka perolehan itu perlu dicampur dengan kumpulan asal dan akan menjadi sebahagian daripadanya dalam perkiraan *hawl* dan *nisab*. Ini bermakna segala modal dan keuntungannya dizakatkan secara bersama. Inilah bentuk zakat yang biasa difahami. Sebaliknya sekiranya perolehan tersebut adalah harta yang telah dizakatkan dan belum sampai *hawl*nya seperti harga jualan hasil tanaman yang telah dizakatkan atau harga hasil ternakan yang telah dizakatkan sebelum itu, maka ianya tidak akan dikenakan zakat pada waktu itu kerana untuk mengelakkan dikenakan zakat untuk kali kedua.

3. Harta perolehan yang bukan keuntungan pelaburan kepada mana-mana harta yang dimiliki tetapi diperolehi melalui satu cara tersendiri seperti dalam bentuk upah atas apa-apa kerja yang dilakukan, pendapatan-pendapatan daripada modal yang tidak diperniagakan, hadiah, pemberian dan sebagainya adalah dikenakan zakat. Zakat yang diambil dari perolehan ini tidak tertakluk kepada syarat *hawl*.

- Sheikh Muhammad Abu Zuhrah berpendapat bahawa gaji dan pendapatan profesional dikenakan zakat sekiranya cukup *hawl* dan *nisab*. Beliau tidak menjadikan konsep *"al-mal al-mustafad"* sebagai asas kepada kewajipan zakat tersebut, sebaliknya menggunakan method *"maslahah"* sepertimana yang dilakukan oleh Sayyidina `Umar bin Al-Khattab *radhiyallahu `anh*.

- Dr. Yusuf Al-Qardhawi walaupun pada peringkat awalnya mengemukakan alasan secara nas dalam konsep *"al-mal al-mustafad"* tetapi akhirnya beliau kembali kepada konsep *"maslahah"* seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Muhammad Abu Zuhrah. Beliau banyak menyebut tentang keadilan yang perlu ditegakkan dalam soal pembayaran zakat antara para pegawai dan ahli profesional yang mempunyai pendapatan yang besar dan para petani yang mempunyai pendapatan yang kecil.

- Profesor Madya Dr. Mahmood Zuhdi berpendapat bahawa meskipun nas-nas tidak banyak membantu fatwa mewajibkan pemungutan zakat ke atas gaji dan pendapatan profesional berasaskan kepada konsep *"al-mal al-mustafad"*, namun *maslahah* atau kepentingan semasa masyarakat menyokong kuat fatwa seperti itu. Penggunaan konsep *maslahah* atau kepentingan semasa masyarakat adalah sesuai dan tidak bertentangan dengan kaedah pembinaan hukum Islam yang diterima umum dalam Islam. Meskipun *maslahah* merupakan sumber subsidiari dalam perundangan Islam, namun ia boleh dipegang dalam keadaan seperti ini iaitu apabila tiada panduan yang jelas dari nas atau qiyas yang berasaskan kepada nas.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa:

  1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 31 pada 9 Disember 1992 yang telah memutuskan bahawa:

     a) Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Jabatan Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebet zakat ke atas jumlah yang dibayar itu.

     b) Pendapatan profesional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan.

  2. Muzakarah (khas) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 22 Jun 1997 yang telah memutuskan bahawa:

     "Muzakarah bersetuju bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat."

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
No. 11

25hb Mei 2000

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

M. P.U. 14.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
NEGERI MELAKA 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991 dan setelah diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut seksyen 33(6), Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991, maka Mufti Kerajaan Negeri Melaka dengan ini membuat dan mengeluarkan bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah, fatwa yang berikut:

> ‘Zakat ke atas pendapatan bagi penggajian adalah wajib dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang layak bagi seluruh Negeri Melaka’.

Bertarikh 22 Mei 2000.
[PMM/0020 Klt. 2; PUN(M) 351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Pengerusi
Jawatankuasa Syariah
Negeri Melaka

Fatwa 7

Ajaran Qadiani (Qadianiah/Ahmadiah)

LATARBELAKANG

- Ajaran Qadiani atau Ahmadiah merupakan suatu ajaran yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad Qadiani di India pada tahun 1889. Perkataan "Ahmadiah" disandarkan kepada nama Mirza Ghulam Ahmad sendiri selaku pengasas ajaran ini. "Qadiani" pula diambil dari nama kampung atau kawasan tempat lahir Mirza yang terletak di dalam daerah Gurdaspur, India. Oleh yang demikian, ajaran tersebut dikenali juga sebagai ajaran Qadiani atau Kadiyani bersandarkan kepada nama kawasan tempat lahir Mirza. Ajaran ini telah tersebar hampir ke seluruh dunia sejak awal abad kedua puluh hingga sekarang oleh muballigh-muballigh atau pengikut-pengikut ajaran ini atas nama agama Islam walaupun ia tidak pernah diiktiraf oleh agama Islam sendiri.

- Mirza Ghulam Ahmad dilahirkan pada tahun 1839 di Kampung Qadian dalam daerah Gurdaspur yang ketika itu dalam peringkat akhir pemerintahan Sikh di situ. Bapanya bernama Mirza Ghulam Murtaza bin Mirza Atta Muhammad, berketurunan Borlas dari bangsa Moghul. Namun tidak berapa lama kemudian, beliau mendakwa mendapat ilham bahawa beliau berasal dari bangsa Parsi. Keturunannya dipercayai berasal dari Samarkand yang kemudiannya berpindah ke India dan menetap di Qadian.

- Pendidikan awal Mirza Ghulam Ahmad bermula dengan pengajian membaca Al-Qur'an dan beberapa buah buku Parsi. Beliau belajar Bahasa Arab ketika berumur 10 tahun, manakala ilmu-ilmu nahu, mantiq (*logic*) dan falsafah dipelajari secara berguru dengan Maulavi Fazlilillahi, Maulavi Fazli Ahmad dan

Maulavi Gul Ali Shah ketika berumur 17 tahun. Beliau turut mendalami ilmu perubatan melalui ayahnya sendiri yang juga merupakan seorang ahli ilmu perubatan (*physician*) yang berpengalaman. Beliau tidak pernah mempelajari ilmu agama dengan sesiapapun dan hanya mempelajarinya secara sendiri di samping mendapat pendidikan di rumah hingga ke peringkat menengah (Middle Class). Namun begitu, beliau merupakan seorang yang kuat belajar.

- Dengan pengetahuan yang ada, beliau bertugas di bawah Penolong Pesuruhjaya Sialkot dengan gaji yang kecil selama 4 tahun (1864-1868). Pada masa ini, beliau mempelajari sebuah atau dua buah buku Inggeris di samping cuba untuk menduduki peperiksaan Sijil Mukhtar tetapi gagal. Pada tahun 1868, beliau telah meletakkan jawatan dan pulang ke Qadian untuk menguruskan tanah dan harta sendiri. Walaubagaimanapun, sebahagian besar masanya ditumpukan untuk menatap Al-Qur'an serta buku-buku tafsir dan hadith.

- Kehidupan awal Mirza adalah susah dan miskin seperti juga orang-orang biasa. Hanya setelah dakwaan-dakwaan beliau mendapat perhatian dan berjaya, beliau mula mengecapi hidup yang senang. Dalam tahun 1907 beliau menulis:

  "............. Dulu saya tidak dikenali, hidup di kampung terpencil, Qadian dan tidur di ceruk sudut. Kemudian Allah telah menukarkan dunia ini kepada saya dan menolong saya dengan kemenangan demi kemenangan. Dulu sebenarnya saya tidak pernah ada harapan untuk mendapat 10 rupee sebulan. Tetapi sekarang saya dapat menerima kira-kira 300 rupee atau lebih lagi. Mereka telah menghantarkan kepada saya wang dan emas dan saya tidak tahu nama mereka."

- Perkahwinan Mirza yang pertama ialah sekitar tahun 1852 atau 1853 dengan seorang perempuan daripada kalangan keluarganya sendiri dan dikurniakan 2 orang anak iaitu Mirza Sultan Ahmad dan Mirza Fazal Ahmad. Namun, beliau telah menceraikan isterinya pada tahun 1891. Manakala pada tahun 1884, beliau telah mengahwini anak perempuan Nawab Nasir, Delhi dan

dikurniakan 3 orang anak iaitu Mirza Bashiruddin Mahmood, Mirza Bashir Ahmad (pengarang buku *Sirat Al-Mahdi*) dan Mirza Sharif Ahmad.

- Ketika muda, Mirza sering diserang histeria dan ada kalanya beliau rebah serta tidak sedarkan diri. Beliau sendiri pernah menganggap penyakitnya itu sebagai histeria dan tekanan perasaan (*melancholia*). Selain itu, beliau turut menghidap penyakit kencing manis (*diabetes*) dan kencing besel (*copious urination*). Mirza sering mengamalkan latihan rohani (spiritual exercise) dan disiplin diri yang ketat di samping pernah berpuasa selama enam bulan tanpa henti.

- Semasa kanak-kanak, Mirza adalah seorang budak yang "simple" dan tidak begitu cerdik. Beliau tidak tahu bagaimana memutarkan jarum jam dan sekiranya beliau hendak mengetahui masa, beliau akan mengambil jam dari poketnya lalu membilang dengan tangan bermula dari angka satu. Beliau turut membilang dengan suara yang kuat agar tidak lupa kerana beliau merupakan seorang pelupa. Ada kalanya beliau sendiri tidak dapat membezakan antara kasut kiri dan kanan. Selain itu, Mirza juga seorang yang bercakap keras dan kasar serta menggunakan bahasa yang kesat ketika menjawab tuduhan-tuduhan lawannya. Dalam syairnya untuk menghentam orang yang tidak mempercayainya, beliau telah berkata:

  "Seteru-seteru itu macam babi; perempuan-perempuan mereka macam anjing."

- Setelah Mirza mengisytiharkan dirinya sebagai Al-Masih yang dijanjikan (The Promised Messiah) pada tahun 1891 dan sebagai Nabi Allah pada tahun 1901, maka ulama'-ulama' Islam mula menyerang dakwaannya itu. Antara mereka termasuklah Maulana Sana'ullah Amritsari, pengarang (penyunting) buku *Ahli Hadith*. Pada 5 April 1907, Mirza dengan lantang menjawab dan mencabar Maulana Sana'ullah di atas tuduhannya itu. Antara lain Mirza berkata:

> *Jika saya ini pembohong dan penipu, maka saya akan mati pada masa engkau masih hidup kerana saya tahu bahawa hidup seorang pembohong itu tidak akan panjang; ia akan mati sebagai seorang yang gagal pada masa lawannya masih hidup. Tetapi jika saya bukan pembohong malah diutuskan Allah dan juga sebagai Al-Masih yang dijanjikan, maka saya harap dengan kekuasaan Allah, engkau tidak akan dapat lari dari balasanNya. Dengan itu, justeru balasan itu hanya di tangan Allah, maka penyakit yang mematikan manusia seperti taun tidak akan mengenakan engkau selagi saya masih hidup sebagai bukti saya ini pembohong."*

- Tetapi setahun selepas itu iaitu pada 25 Mei 1908, Mirza jatuh sakit akibat penyakit ceret-beret di Lahore. Pada masa itu juga, beliau turut diserang penyakit cerah muntah (taun). Pada keesokan harinya, iaitu pada 26 Mei 1908, Mirza menghembuskan nafasnya yang terakhir. Mengikut bapa mertuanya:

  > *"Di malam Hazrat Mirza sedang tenat itu saya telah mendampinginya. Lalu beliau mengucapkan kepada saya: "Tuan Sahib, saya ini diserang penyakit taun". Selepas itu saya tidak lagi mendengar dia bercakap dengan jelas sehingga dia menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pukul 10.00 malam."*

  Beliau dikebumikan di Qadian yang kini berada di dalam negara Pakistan.

- Kemunculan ajaran Qadiani ini sebenarnya bermula apabila pengaruh luar seperti kebudayaan Inggeris dan agama Kristian kian menular dan mengancam kedudukan agama Islam. Mirza yang sememangnya kuat belajar dan berminat dalam tafsir Al-Qur'an dan hadith di samping bercita-cita tinggi serta sensitif dengan kedudukan umat Islam ketika itu, adalah antara orang yang bangun mempertahankan Islam dan menyerang Kristian. Banyak risalah dan buku yang telah beliau karang khusus untuk menyerang Kristian, antaranya *Barahin Ahmadiah*. Mirza mendapat pujian di atas usaha gigihnya itu dan ini menjadikan dirinya berasa sangat bijak serta begitu berjasa kepada Islam. Tidak cukup

dengan itu, beliau merasakan dirinya layak dianggap sebagai *mujaddid* (reformis), Al-Mahdi dan sebagainya. Dakwaan-dakwaan inilah yang menyebabkan tercetusnya penyelewengan sehingga melahirkan ajaran Qadiani.

- Mirza turut dibantu oleh orang kuatnya yang merupakan orang kedua dalam ajaran Qadiani, iaitu Nuruddin Bhayrawi. Namun ada pengkaji yang mengatakan bahawa beliau yang menjadi dalang dan menghasut Mirza melakukan penyelewengan dalam ajarannya. Dikatakan terdapat banyak persamaan idea antara Nuruddin dan Mirza. Apabila Mirza menulis *Barahin Ahmadiah*, Nuruddin pula menulis *Tasdiq Barahin Ahmadiah* untuk menyokong Mirza. Kemudian, Nuruddin menghantar surat kepada Mirza memintanya supaya mengisytiharkan diri sebagai Al-Masih. Pada mulanya Mirza tidak menerima saranan itu tetapi tidak lama kemudian, beliau menerima juga saranan tersebut. Penerimaan itu menampakkan kelemahan Mirza dan betapa mudahnya beliau dipengaruhi. Kesannya, lahirlah dua peringkat dalam penghasilan karya Mirza. Peringkat pertama, karya yang membuktikan kebenaran agama Islam dan membatalkan agama-agama lain. Dalam karya ini tidak terdapat dakwaan beliau sebagai Al-Masih. Di antaranya ialah *Barahin Ahmadiah*, *Surmahi-Chashor-I-Arya* dan *Shahna-I-Haq*. Sementara peringkat kedua adalah peringkat bermulanya Mirza sebagai Al-Masih diikuti dengan dakwaan-dakwaan lain berkenaan dirinya. Dikatakan karya-karya ini penuh dengan kesombongan dan perasaan mulia diri. Melalui karyanya yang pertama pada peringkat ini, iaitu *Fath Al-Islam* yang dikeluarkan pada tahun 1891, beliau mendakwa dirinya sebagai bayangan kepada Al-Masih di samping dakwaan di dalam bukunya *Sirat Al-Mahdi* bahawa `Isa Al-Masih telah mati

- Ajaran Qadiani dipercayai mula bertapak di Malaysia pada awal tahun 1930 an. Dipercayai bahawa penyebarnya yang pertama ialah Maulana Husin Iyaz yang datang ke Singapura pada tahun 1935. Beliau telah menyebarkan ajaran tersebut melalui ibu pejabatnya yang beralamat No. 116, Unan Road, Singapura 15. Selepas Maulana Husin Iyaz, datang pula Maulana Imanuddin dan Tuan Abdul Hay serta diikuti pula oleh Maulana Muhammad Sadiq bin Barakatullah pada 22 Disember 1949 sebagai wakil

penyebarnya di negara ini yang berpusat di Batu 20, Jeram, Kuala Selangor yang merupakan antara pusat aktiviti terbesar mereka.

- Kemasukan ajaran Qadiani ke Malaysia ini telah ditentang hebat oleh ulama'-ulama' Islam. Di Jeram, Kuala Selangor, Ketua Qadiani di situ iaitu Syed Abdul Rahman bin Syed Alwi telah meminta Sultan Selangor mengadakan penyelidikan ke atas ajaran tersebut pada bulan Mei 1951. Pada 23 Julai 1951, satu majlis perbahasan telah diadakan di hadapan baginda di Istana Selangor, Kuala Lumpur. Pihak Qadiani diwakili oleh Muhammad Sadiq Barakatullah dan Muhammad Zuhdi Fadhli, manakala pihak ulama' Islam diwakili oleh Sheikh Mahmud Zuhdi dan ulama'-ulama' di Pejabat Agama Islam Negeri Selangor. Hasil perbincangan tersebut diputuskan bahawa golongan Qadiani tidak diiktiraf sebagai golongan Islam malah terkeluar daripada Islam.

- Ekoran daripada majlis dialog tersebut, perkembangan ajaran ini menjadi lumpuh dan semakin lemah serta tidak mempunyai pemimpin yang benar-benar dikenali. Tambahan pula kerana ajaran ini tidak diiktiraf sebagai ajaran Islam yang sebenar. Dengan yang demikian, ajaran tersebut tidak dapat berkembang ke seluruh negara dan hanya hidup di tempat lahirnya ajaran tersebut sebelum itu. Namun, sehingga kini hanya wujud sebuah pusat kegiatan iaitu di Kampung Nakhoda, Batu Caves, Selangor yang masih bergerak aktif mengadakan aktiviti seperti solat Juma`at, perhimpunan antarabangsa dan penerbitan risalah.

- Di Selangor, antara tempat-tempat yang terdapat penganut-penganut ajaran ini ialah:

    1. Jeram.

       Terdapat kira-kira 40 orang pengikut (lelaki dan wanita) di sini selain mempunyai tanah perkuburan mereka sendiri yang diberi oleh Pegawai Daerah Inggeris pada tahun 1954 dengan anggaran keluasan kira-kira 2 ekar.

2. Sungai Tua.

   Kira-kira 20 orang pengikut ajaran Ahmadiah/Qadiani yang terdiri daripada lelaki dan wanita yang kebanyakannya datang dari Melaka berkumpul di sini.

3. Sungai Buluh.

   Di sini terdapat sebuah surau Ahmadiah/Qadiani bernilai dalam anggaran RM 1,600.00 yang dibina hasil kutipan derma para pengikut ajaran tersebut.

4. Kampung Nakhoda, Batu Caves.

   Terdapat kira-kira lima buah keluarga yang masih kuat berpegang dengan ajaran ini di samping sebuah masjid Qadiani yang digunakan untuk mereka sahaja.

- Di negeri-negeri lain di Malaysia, terdapat juga pengikut ajaran Ahmadiah/Qadiani ini namun tidak dapat dikenalpasti individu yang terlibat disebabkan bilangannya yang terlalu kecil. Setiap pengikut ajaran tersebut dikehendaki mengeluarkan 1/16 daripada pendapatan harian mereka kepada tabung kumpulan ini.

- Pada masa ini, pengikut Ahmadiah/Qadiani semakin berkurangan kerana ramai daripada kalangan mereka yang telah bertaubat dan anggota baru hampir langsung tiada. Gerakan mengembangkan ajaran ini telah lama berhenti dan orang ramai umumnya sedar bahawa ajaran tersebut adalah bertentangan dengan Islam. Apa yang jelas kelihatan ialah pengikut ajaran tersebut terpisah daripada masyarakat awam, manakala anak-anak mereka tidak dapat berkahwin dengan anak orang Islam biasa dan itulah hakikat sebenar kehidupan mereka.

CIRI-CIRI AJARAN

1. Siri dakwaan Mirza

Pada tahun 1885, Mirza Ghulam Ahmad mendakwa dirinya sebagai reformis (*mujaddid*). Manakala pada tahun 1891, beliau mendakwa sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu dan kemudian beliau dihasut pula oleh kawannya Nuruddin supaya mendakwa dirinya sebagai Al-Masih yang dijanjikan. Pada tahun 1901, beliau kemudiannya mengaku dirinya sebagai Nabi. Selain itu, pada 1 November 1904, beliau mendakwa pula dirinya sebagai penjelmaan Krishna untuk orang-orang Hindu di samping kekal sebagai `Isa Al-Masih untuk umat Islam dan Kristian.

2. Mendakwa diri sebagai Imam Mahdi.

Selepas mendakwa diri sebagai *mujaddid* pada tahun 1885, beliau mengaku pula sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu pada tahun 1891.

3. Dakwaan Nabi `Isa telah mati seperti kematian manusia biasa.

Seperti juga kepercayaan Kristian dan Yahudi, Mirza Ghulam Ahmad percaya bahawa nabi Allah `Isa *`alayhi as-salam* telah meninggal dunia sebagaimana kematian manusia biasa. Bezanya, beliau mendakwa mendapat ilham daripada Allah pada tahun 1890 bahawa `Isa tidak mati di atas palang, sebaliknya pengsan lalu diturunkan dalam keadaan luka. Kemudian, kononnya setelah benar-benar sembuh, baginda lari ke Kashmir dan meninggal dunia di sana serta dikebumikan di Srinagar, Kashmir.

4. Dakwaan sebagai `Isa Al-Masih.

Pada mulanya kepercayaan Mirza kepada Nabi Allah `Isa *`alayhi as-salam* sama dengan kepercayaan orang-orang Islam yang lain. Namun pada tahun 1891, atas desakan kawannya Nuruddin, Mirza mendakwa dirinya sebagai `Isa Al-Masih. Untuk menyesuaikan dengan dakwaannya, Mirza tidak lagi berpegang bahawa `Isa Al-Masih yang akan turun itu adalah `Isa ibn Maryam

tetapi kononnya Al-Masih dari kalangan penganut Islam dan pengikut Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*. Namun ia masih tetap mempunyai ciri-ciri, sifat-sifat dan peranan yang sama dengan Al-Masih ibn Maryam yang dijanjikan itu. Ini bermakna, `Isa ibn Maryam tidak akan turun lagi kerana Mirza sendiri telah menggantikannya. Untuk menguatkan lagi hujahnya, beliau terus mengatakan bahawa `Isa ibn Maryam telah mati bukan diangkat ke langit oleh Allah kerana orang yang mati tidak mungkin hidup ke dunia lagi. Dakwaan ini terkandung di dalam buku-bukunya seperti berikut:

a) *Fath Al-Islam*.
b) *Tawdhih Al-Maram*.
c) *`Izalah Al-Awhan*.

5. Mendakwa sebagai Nabi yang menerima "wahyu".

Dakwaan ini bermula dengan dakwaan menerima "wahyu" daripada Allah, tetapi bukan melalui mala'ikat Jibra'il sebaliknya melalui ilham terus daripada Allah. Beliau mengakui bahawa wahyu melalui Jibra'il hanya kepada Rasul yang membawa agama baru dan wahyu seperti itu telahpun ditutup. Pada tahun 1901, beliau telah membuat pernyataan yang mutlak mengenai dirinya sebagai Nabi yang sebenar:

> *"Demi Allah yang nyawa saya di tanganNya, Dialah yang telah mengutus dan menamakan saya Nabi ..... dan menunjukkan bukti-bukti yang jelas tentang kebenaran dakwaan saya yang jumlahnya sampai tiga ratus ribu bukti."*

Kemudian beliau menyamakan dirinya dengan nabi-nabi lain, malah akhirnya beliau mengatakan:

> *"Sayalah Muhammad Rasul Allah"*.

Manakala dalam "Khutbah Ilham"nya (*Al-Khutbah Al-Ilhamiyyah*), Mirza Ghulam Ahmad berkata:

"Ini adalah kitab yang telah diilhamkan oleh Tuhan kepadaku di satu hari daripada hari-hari perayaan, malah ia adalah hakikat yang diwahyukan Tuhan kepadaku."

Katanya lagi:

"Sesungguhnya telah sampai wahyu kepadaku daripada Tuhan sebelum diturunkan penyakit taun supaya aku membuat perahu (bahtera) dengan pertolongan wahyu kami."

Beliau mendakwa bahawa apa-apa dakwaan dirinya adalah wahyu atau ilham daripada Allah bukan dirinya sendiri.

6. Mendakwa mempunyai mu`jizat.

Selain daripada mengaku menerima "wahyu" daripada Allah yang taraf sahnya sama dengan wahyu Al-Qur'an, beliau juga mengaku mempunyai mu`jizat. Beliau berkata:

"Nabi Allah itu telah mewujudkan tiga ribu mu`jizat, tetapi mu`jizat saya melebihi dari satu juta".

Dalam risalah "*I`jaz Ahmadi*", beliau telah berkata:

"Bulan yang terang menjadi gerhana kerana saya, masakan dapat menafikan bulan dan matahari menjadi pucat kerana saya".

7. Para Nabi menyaksikan dirinya.

Dalam buku "*Maktub Ahmad*" halaman 62, Mirza mendakwa:

"Nabi Allah Salih telah menyaksikan kebenaran saya sebelum saya melahirkan seruan saya. Saya adalah `Isa Al-Masih yang akan datang. Beliau menyebut nama saya serta nama kampung saya".

8. Mala'ikat sebagai pancaindera Tuhan.

Dalam buku *"Hamamah Al-Busyra"* halaman 98, Mirza menegaskan:

> *"Lihatlah pada mala'ikat-mala'ikat itu bagaimana Allah menjadikan mereka itu sebagai pancainderanya".*

9. Ibadah haji di Qadian, India.

Orang-orang Qadiani menganggap bahawa daerah Qadian adalah satu daripada tiga tempat suci yang disebutkan iaitu Makkah, Madinah dan Qadian. Akhbar harian *"Al-Fadhl"* bilangan 1848, jilid 10 pada Disember 1912 menyebut:

> *"Sesiapa yang menziarahi menara putih Al-Masih yang dijanjikan (Mirza) akan diberikan berkat yang hanya ditentukan kepada menara hijau Nabi di Madinah Al-Munawwarah. Alangkah menderitanya orang yang menghalang dirinya daripada menikmati Haji Akbar di Qadian".*

Dalam akhbar harian *"Al-Fadl"* jilid 20 bilangan 23 ada disebutkan:

> *"Apa yang dimaksudkan dengan Masjid Al-Haram ialah Masjid Qadian. Daerah Qadian adalah menyamai Tanah Suci malah mungkin lebih utama daripadanya, maka menziarahinya adalah menyamai fardhu haji dan mungkin melebihi daripadanya".*

Dalam *"Bigam Sulhi"* jilid 21 bilangan 22, iaitu lidah rasmi cawangan Lahore menyebut:

> *"Menunaikan haji di Makkah tanpa melakukan haji di Qadian adalah haji yang kering dan kosong kerana menunaikan haji di Makkah hari ini tidak memenuhi risalah dan tidak menunaikan fardhunya".*

10. Menafikan jihad.

Mirza Ghulam Ahmad adalah seorang anti-jihad dan menjunjung tinggi penjajah Inggeris. Pada bahagian lampiran dalam bukunya "*Syahadatul Qur'an*" edisi keenam, atas tajuk "Untuk Perhatian Segera Pemerintah", beliau menulis:

> *"Saya telah menerangkan beberapa kali bahawa Islam yang saya anuti ini mengandungi dua bahagian:*
>
> *Pertama:*
> *Taat kepada Allah.*
>
> *Kedua:*
> *Taat kepada pemerintah yang telah memberikan keamanan dan perlindungan kepada kita, dan mengawal kita daripada dizalimi. Itulah dia kerajaan Inggeris."*

Beliau menambah:

> *"Saya bukan sahaja menjadi orang-orang India Muslim taat kepada kerajaan Inggeris, malah saya telah menulis beberapa buah buku dalam bahasa Arab dan Parsi juga Urdu menerangkan kepada penduduk-penduduk Islam bagaimana untuk hidup aman, nikmat bahagia dan bebas di bawah kepak sayap kerajaan Inggeris".*

Dan Mirza menambah lagi:

> *"Saya yakin dengan bertambahnya bilangan pengikut-pengikut saya, maka berkuranglah orang yang percaya kepada jihad kerana kepercayaan kepada saya sebagai Al-Masih dan Al-Mahdi dengan sendirinya menafikan adanya jihad itu".*

Mirza mengeluarkan hukum dan pendapat yang bertentangan sekali dengan kehendak ayat-ayat Al-Qur'an. Ini dapat ditunjukkan melalui kata-katanya:

a) *Jihad dengan pedang telah dilarang.*

b) *Semua peperangan untuk agama ini telah ditegah.*
c) *Sekarang jihad untuk tujuan agama telah diharamkan.*
d) *Pada pendapat saya, tidak ada doktrin yang memburukkan nama Islam lebih daripada doktrin jihad.*
e) *Saya menghabiskan sebahagian besar umur saya untuk mengiyakan kerajaan British dan menentang jihad.*

11. Mengubah ayat-ayat Al-Qur'an.

Satu lagi penyelewengan dan kesalahan besar yang dilakukan oleh ajaran Qadiani ialah mengubah ayat-ayat Al-Qur'an atau disebut "*Tahrif Al-Qur'an*". *Tahrif* bererti mengubah atau meminda bentuk dan kedudukan ayat-ayat Al-Qur'an. Sebarang pengurangan yang sengaja, penghapusan dan penambahan terhadap ayat-ayat Al-Qur'an adalah merupakan *tahrif*. Usaha yang sengaja dilakukan untuk mentafsir ayat-ayat Al-Qur'an di luar dari erti yang sebenar dan jelas adalah juga dipanggil *tahrif*.

Di antara contoh-contoh *tahrif* adalah seperti berikut:

a) Ayat Al-Quran yang asal **(*Surah Al-Baqarah, 2:23-24*)**:

﴿ وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَى عَبْدِنَا فَأْتُواْ بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ وَادْعُواْ شُهَدَآءَكُم مِّن دُونِ اللهِ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ . فَإِن لَّمْ تَفْعَلُواْ وَلَن تَفْعَلُواْ . . . ﴾

Ayat yang telah diubah oleh Mirza:

وإن لم تفعلوا ولن تفعلوا وإن كنتم فى ريب مما نزلنا على عبدنا فأتوا بسورة من مثله .

b) Ayat asal di dalam Al-Qur'an **(*Surah Al-Hajj, 22:52*)**:

Ayat yang telah diubah oleh Mirza:

وما أرسلنا من رسول ولا نبي إلا أن تمنى ألقى الشيطان فى أمنيته .

c) Ayat asal di dalam Al-Qur'an **(*Surah Al-Qadr, 97:1*)**:

﴿ إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِى لَيۡلَةِ ٱلۡقَدۡرِ ﴾

Ayat yang telah diubah oleh Mirza:

إنا أنزلناه قريبا من القاديان .

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 8 pada 24-25 September 1984 yang memutuskan bahawa:

  "Puak Qadiani/Ahmadiah adalah puak yang terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menerima hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam."

Fatwa 8

Ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana (Hakikat Insan)

LATARBELAKANG

- Nama sebenar pengasas dan penyebar ajaran ini ialah Haji Ahmad Laksamana bin Omar. Beliau berasal dari Gual Periok, Rantau Panjang, Kelantan dan tinggal di No. 22324 Kampung Wakaf Stan, Kubang Krian, Kota Bharu, Kelantan.

- Semasa kecil, Haji Ahmad Laksamana dikatakan belajar ilmu agama dengan datuknya sebelum merantau ke seluruh negara serta negara-negara Asia Tenggara untuk belajar dengan guru ilmu *haqiqat* dan *ma`rifat* selama lebih kurang 12 tahun hingga ke Pattani, Sumatera, Jawa, Brunei, Singapura dan Sulawesi bagi mendalami bidang yang dikatakan ilmu tasawwuf.

- Ajaran ini didapati bertapak di markas mereka yang berpangkalan di No. 22324 Kampung Wakaf Stan, Kubang Krian. Kemudian ajaran tersebut merebak ke Pasir Tumboh dan Melor yang terletak di Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, pengaruh ajaran tersebut turut merebak ke negeri-negeri lain seperti Terengganu, Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

- Ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana atau Ilmu Hakikat Insan ini berkembang aktif melalui aktiviti pengajaran dari rumah ke rumah di samping pengajaran buku-buku berikut:

1. *Hakikat Insan* (1985), oleh Haji Ahmad Laksamana, Kota Bharu, Kelantan.

2. *Rahsia Mengenal Diri* (4 Penggal 1993), oleh Ustaz Hal Azwan, Kuala Lumpur.

3. *Rahsia Hakikat Insan* (1993), oleh Imam Al-Souti, Kuala Lumpur.

4. *Cara Mengenal Allah* (1994), oleh Imam Al-Souti, Johor Bahru.

5. *Hakikat Sembahyang* (1994), oleh Imam Al-Souti, Kuala Lumpur.

6. *Intipati Hakikat Sembahyang* (1997), oleh Ustaz Hal Azwan Al-Haj.

7. *Tajalli*, oleh Haji Ahmad Laksamana.

KANDUNGAN BUKU

- Prof. Dr. Abdulfattah Haron Ibrahim, pensyarah Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang juga merupakan pakar pengkaji ajaran sesat tanah air, menerusi karyanya "*Beberapa Masalah Utama Dalam Tasawwuf*" menyifatkan bahawa buku "*Hakikat Insan*" yang menjadi pegangan ajaran sesat ini sebagai sebuah buku koleksi catatan pemikiran atau khayalan penulisnya semata-mata. Buku tersebut banyak menggunakan kata-kata istilah tasawwuf dan falsafah yang tidak pernah dibuat orang. Dengan kata lain, penulisnya (Ahmad Laksamana) berhajat menjangkau pemikiran tasawwuf dan falsafah, tetapi tidak menguasai perbendaharaan kata-kata istilah dalam bidang berkenaan yang akhirnya beliau membuat istilah sendiri.

- Selain itu, hujah-hujah yang dikemukakan dalam buku berkenaan juga menggunakan ayat-ayat suci Al-Qur'an dan Al-Hadith yang biasa terdapat di dalam kitab tasawwuf, tetapi sebahagian besarnya digunakan secara "semberono". Manakala ayat-ayat suci Al-Qur'an, sebahagian besarnya ditafsirkan secara batin dan

bercanggah dengan pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir *mu`tabar*. Hadith-hadithnya pula, kebanyakannya adalah hadith *mawdhu`* (palsu).

CIRI-CIRI AJARAN

1. Menurut Haji Ahmad Laksamana, bahawa insan itu mempunyai dua unsur; unsur zahir (jasmani) dan unsur batin (rohani). Unsur batin (rohani) itu adalah Allah dan zahir (jasmani) itu adalah Muhammad. Oleh itu, diri manusia adalah gabungan antara Allah dan Muhammad. Gabungan antara Allah dan Muhammad (Allah + Muhammad) lebih jelas dapat dilihat pada diri manusia pertama "Adam" (ادم). Perkataan "Adam" (ادم) ditafsirkan oleh Haji Ahmad Laksamana dengan "*alif*" (ا) sebagai "Allah", "*dal*" (د) sebagai "dalam" dan "*mim*" (م) sebagai "Muhammad", yang bererti "Allah dalam Muhammad". Muhammad yang dimaksudkan di sini bukannya Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam* yang lahir di Makkah dan wafat di Madinah, sebaliknya berkaitan dengan teori Nur Muhammad sebagai manusia pertama yang terdapat dalam ajaran *wahdatul wujud*. Ini dapat dilihat daripada penjelasan Haji Ahmad Laksamana seperti berikut:

   > *"Nama Allah itu baru, sebelum itu belum ada Tuhan bernama Allah. Zat tersebut mentajalli (menampakkan) diriNya serta ditajallinya Nur Allah, kemudian ditajalli pula Nur Muhammad (insan kamil). Pada peringkat ini, hanya dikenali engkau aku, aku engkau (أنت أنا أنا أنت)."*

   Bagi membuktikan dakwaannya itu, Haji Ahmad Laksamana menyatakan bahawa manusia keseluruhannya adalah seperti perkataan "Muhammad" (محمد). Huruf "*mim*" (م) adalah kepala manusia, "*ha'*" (ح) adalah bahu manusia, "*mim*" (م) adalah punggung manusia dan "*dal*" (د) adalah kaki manusia. Oleh kerana Allah dan Muhammad pada hakikatnya adalah satu pada diri manusia (zahir dan batin), maka tiada lagi penyembah dan yang disembah.

2. Diri batin kita adalah Allah (berdasarkan konsep tasawwuf *wahdatul wujud*).

3. Matlamat mengajar ilmu hakikat ialah untuk menjadi Allah pada zahir dan batin yakni pada diri zahir batin pada martabat kemuliaan Insan Kamil Mukamil, tiada sesuatu pun pada dirinya kecuali Allah semata-mata kerana kita berasal daripada Allah, maka kembali menjadi Allah.

4. Tanpa Muhammad, wajib (tentu) Tuhan tiada.

5. Matlamat akhir pengajian *ma`rifah* adalah untuk kembali semula menjadi Tuhan pada martabat diri kita pada alam gha'ib yakni Ahad.

6. Hakikat sembahyang itu berdiri menyaksikan diri kita sendiri bahawa tiada yang nyata pada kita adalah Allah (diri batin) dan Muhammad itu adalah zahir kita membawa dan menanggung rahsia Allah *subhanahu wata`ala*.

7. Ajaran Ilmu Tajalli ini adalah berdasarkan Tasawwuf Martabat Tujuh yang sama dengan ajaran Taslim.

8. Menggunakan hadith *mawdhu`* (palsu).

9. Diri zahir manusia daripada nur Muhammad. Zahir manusia ialah Muhammad.

10. Kalimah syahadah ditafsir menurut bilangan kalimah dan kalimah itu menurut bilangan huruf. Tiap satu huruf itu dengan kalimah-kalimah istilah martabat tujuh, kebatinan.

11. Zikir yang kemuncak ialah *ah*, *ah*, *ah* (اه , اه , اه) huruf pertama dan akhir daripada lafaz "Allah" (الله) ditafsirkan "*Alif*" (ا) ialah kemaluan lelaki, dan "*Ha*" (ه) itu berlubang, alat kemaluan perempuan. Demikian juga sembahyang lima waktu terkandung dalam kalimah "*Al-hamd*" (الحمد) lima huruf.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai fatwa Negeri Selangor pada 30 September 1995 yang telah diwartakan pada 23 November 1995 (pindaan 6 Januari 1996) yang menyebutkan bahawa:

  "Ilmu Tajalli atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana dan buku:

  a) "Hakikat Insan" yang ditulis oleh Haji Ahmad Laksamana.

  b) "Rahsia Mengenal Diri" ditulis oleh Ustaz Hal Azwan.

  c) "Rahsia Hakikat Insan" dan "Ilmu Mengenal Allah" yang ditulis oleh Imam Al-Soouti.

  didapati mengandungi ajaran-ajaran yang meragukan dan bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, orang-orang Islam dilarang menyebarkan, mengajar, belajar dan mengamalkan ajaran itu."

Fatwa 9

Ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas)

LATARBELAKANG

- Syed Mohamad Al-Masyhor merupakan seorang rakyat Singapura yang tinggal di No. 13, Panlee Road, Singapura. Beliau bekerja sebagai buruh di Pelabuhan Singapura dan suka berjudi pada usia muda. Kehidupannya bertukar corak kepada sudut keagamaan dengan membawa ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas) atau Tarikatul Islam Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam* Habibullah Al-Hashimi yang kemudiannya dikenali sebagai Ikhwan. Beliau meninggal dunia pada 16 Julai 1974. Semenjak itu ajaran ini dipimpin oleh anak saudaranya yang bernama Syed Ali Al-Masyhor.

- Di Malaysia, ajaran ini mula dikesan di Kampung Umbai, Melaka pada tahun 1974. Pengikut ajaran ini juga terdapat di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Kemudian ia berkembang ke Kuala Lumpur pada tahun 1975. Pada ketika ini, ia didapati bergiat cergas di Cheras dan Petaling Jaya hingga berjaya mengumpul hampir 2000 orang pengikut.

- Di Kuala Lumpur, ajaran ini bergerak atas nama Kelab Sukan dan Sosial Nuri Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan juga Kelab Sukan dan Rekreasi Al-Mas. Mereka bergerak dari rumah ke rumah dari kalangan ahli Al-Mas pada setiap minggu di Negeri Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan. Bagi kumpulan ini, Singapura adalah Madinah dan Kuala Lumpur sebagai Makkah.

- Kumpulan Ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas) seringkali menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kelas pengajian, majlis "menyelamat" iaitu pengislaman mengikut syahadah mereka dari kalangan ahli-ahli baru, taklimat, sukan, tarian, kelab muzik dan sembahyang berjemaah. Biasanya kumpulan ini mengadakan perjumpaan melalui perhimpunan mingguan. Buku yang menjadi pegangan kumpulan ini ialah "*Mengikut Jejak Rasulullah sallallahu `alayhi wasallam*".

- Kumpulan ini juga menjalankan aktivitinya dengan berselindung di sebalik pertubuhan Kelab Sukan dan Rekreasi Al-Mas. Selain itu, kumpulan tersebut juga turut mengadakan Majlis Sambutan Malam Aidilfitri pada setiap tahun. Kehadiran ahli-ahli Al-Mas dalam satu-satu majlis dianggarkan antara 400 hingga 500 orang.

CIRI-CIRI AJARAN

1. Mengaku Rasul.

Kumpulan ini berpendapat hanya Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* sahaja yang berhak mengislamkan manusia. Setelah Baginda wafat, maka seorang demi seorang akan menggantikan Baginda dari keturunan Syed. Justeru itu, Syed Mohamad Al-Masyhor mengaku diri sebagai Rasul. Beliau mengaku boleh memberi syafa`at kepada pengikut yang melakukan kesalahan maksiat seperti minum arak, berjudi, tidak solat dan lain-lain. Para pengikutnya juga mengiktiraf Syed Mohamad Al-Masyhor sebagai Nabi dan Rasul Allah yang sebenar-benarnya yang boleh menghidup dan mematikan segala yang bernyawa.

2. Pengikut ditegah berimamkan orang lain.

Pengikut ajaran ini adalah ditegah sama sekali menjadi ma'mum kepada mana-mana orang yang bukan ahli kumpulan ini. Mereka juga menganggap perbuatan sembahyang adalah sama seperti orang bukan Islam menyembah berhala. Oleh itu, mereka mempunyai cara sembahyang mereka sendiri, dan sekiranya terdapat jemaah yang *masbuq* tidak perlu menambah raka`at.

3. Rasulullah bercantum dengan Allah.

Pada hakikatnya Rasul (Syed Mohamad Al-Masyhor) pengganti Rasulullah itu telah bercantum dengan Allah. Kata-kata dan gerak-gerinya adalah Allah sendiri.

4. Al-Qur'an sebenar ialah Nur Hakim.

Syed Mohamad Al-Masyhor berkata bahawa Al-Qur'an yang ada sekarang bukan Al-Qur'an yang sebenar. Al-Qur'an yang sebenar ada dalam tubuh kita. Ayat-ayat Al-Qur'an yang ada dalam tubuh kita itu diberi nama "*Nur Hakim*". Al-Qur'an yang ada sekarang menjadi mansuh dengan *Nur Hakim*.

5. Menegah berkahwin dengan bukan ahli.

Pengikut-pengikut ajaran ini ditegah sama sekali berkahwin dengan orang bukan ahli kerana mereka beranggapan bahawa orang yang tidak menjadi ahli adalah bukan Islam.

6. Mengamal nikah batin.

Upacara pernikahan yang dilakukan oleh jurunikah bertauliah adalah tidak sah. Setiap pasangan perlu melakukan nikah batin. Ajaran ini telah menetapkan 5 rukun nikah batin:

a) Perempuan yang dinikahkan bernama *maknikam*.
b) Maharnya ialah air mani.
c) Walinya ialah Allah.
d) Yang menikahkan ialah Muhammad.
e) Saksinya Malaikat Kiraman Katibin.

7. Pengikut ajaran dijamin masuk syurga.

Ajaran kumpulan ini tidak mengambil berat tentang perkara fardhu dan perkara dilarang dalam agama. Ini disebabkan pengikutnya dijamin akan dimasukkan ke dalam syurga melalui *syafa`at* Syed Mohamad Al-Masyhor.

8. Mengamal zikir Sayyidina `Ali.

Zikir ini diamal oleh setiap pengikut. Lokasi beramal yang istimewa di Pulau Besar, Melaka pada waktu malam secara bersendirian di dalam semak. Kemuncak amalan ialah mendapat ilham atau mimpi bertemu dengan wali-wali dan juga Syed Mohamad Al-Masyhor.

9. Mengabai amalan fardhu.

Ajaran ini mengabaikan kewajipan fardhu `ain seperti solat dan menghalalkan arak, judi dan zina kerana:

a) Ajaran ini menjamin pengikut masuk syurga dan terlepas dari neraka.

b) Pengikut-pengikut dijamin oleh Syed Mohamad Al-Masyhor (Rasul) dan segala kesalahan akan dihapuskan dengan syafa`atnya.

10. Menerbitkan buku bertajuk *"Mengikut Jejak Rasulullah sallallahu `alayhi wasallam"*.

Buku ini diterbitkan khas untuk ahli mereka sahaja dan ditegah memberikannya kepada bukan ahli. Buku tersebut mengandungi tajuk-tajuk seperti berikut:

a) Al-Islam Agama Yang Diredhai Allah.
b) Islam Bukan Warisan.
c) Makna Islam.
d) *Al-Wasilah*.
e) Kalimah *Syahadatain*.
f) Akibat Menentang Rasulullah Satu.
g) Perpaduan .... Ummat.

Antara perkara-perkara yang bercanggah di dalam buku ini ialah:

a) Menulis Al-Qur'an dan hadith dengan ejaan rumi (latin).
b) Menambah kalimah *syahadah* seperti berikut:

Perjanjian kami dengan Allah *subhanahu wata`ala* dengan kata iqrar (halaman 25):

هو (ه) الله أشهد أن لا إله إلا الله

Perjanjian kami dengan Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam* dengan kata iqrar (halaman 26):

هو (ه) الحق أشهد أن محمد رسول الله

11. Menyalah tafsir Al-Qur'an.

Mereka mentafsirkan Al-Qur'an mengikut pendapat mereka sendiri tanpa merujuk kepada ulama' tafsir. Contohnya, tafsiran mengenai Surah Al-Fatihah telah ditafsirkan seperti berikut:

RAHSIA FATEHAH
BISMILLAH HIRRAHMAN NIR RAHIM
ALLAH HUMMASSALLI `ALA SAIYIDINA MUHAMMAD
WA`ALA ALI SAIYIDINA MUHAMMAD

BISMILLAHI	Maknanya menamai ia akan dirinya.
ARRAHMAN	Ya Muhammad engkau jua keadaanku.
NIRRAHIM	Ya Muhammad engkau kekasihku tiada lain daripadamu.
AL-HAMDULLILLAHI	Ya Muhammad yang sembahyangmu ganti sembahyangku tempat aku memuji diriku.

RABBIL `ALAMIN	Ya Muhammad aku Tuhan sekalian alam.
ARRAHMAN NIRRAHIM	Ya Muhammad yang membaca Fatihah aku yang memuji pun aku.
MALIKI YAUMIDDIN	Ya Muhammad aku raja yang maha besar engkaulah kerajaanku.
IYYAKA MA`BUDU	Ya Muhammad tiada kenyataanku jika tiada engkau kerana engkau kenyataanku.
WA IYYAKA NASTA`INU	Ya Muhammad yang sembahyang itu aku memuji akan diriku.
IHDINASSIRATAL-MUSTAQIM	Ya Muhammad yang awal dan yang akhir dan keadaanmu itu keadaanku.
SIRATAL LAZINA AN`AMTA `ALAIHIM	Ya Muhammad sebab pun aku sukakanmu kerana aku murahkan.
GHAIRIL MAGHDHUBI `ALAIHIM	Ya Muhammad kerana aku murah kepadamu engkau kekasihku kepadaku.
WALAD DHALLIN	Ya Muhammad jika tiada, tiada aku tiadamu.
AMIN	Ya Muhammad rahsiamu rahsiaku.

12. Penyelewengan lain:

a) Para pengikut mereka menunaikan "fitrah" dengan membayar yuran bulanan tetap mengikut kemampuan, begitu juga dengan bayaran zakat.

b) Kumpulan tersebut dipanggil "*Ikhwan*" yang bermakna saudara. Oleh kerana itu, wudhu' dianggap tidak batal apabila bersentuh kulit antara ahli lelaki dan perempuan dalam kumpulan ini.

c) Memaksa anak-anak mereka menjadi ahli kumpulan Ikhwan terutama anak-anak perempuan yang hendak berkahwin. Kes ini terjadi kepada pasangan Tajul Azman bin Mohd. Taib dan Fairuz binti Haji Borhan.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai fatwa Negeri Selangor pada 19 Januari 1998 yang telah diwartakan pada 24 September 1998 yang memutuskan bahawa:

    1. ***Ajaran dan amalan Syed Muhamad Al-Masyhor (Tarikatul Islam Muhammad sallallahu `alayhi wasallam Habibullah Al-Hashimi) didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.***

    2. ***Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Syed Muhamad Al-Masyhor (Tarikatul Islam Muhammad sallallahu `alayhi wasallam Habibullah Al-Hashimi) di mana-mana berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah subhanahu wata`ala.***

Fatwa 10

Tariqat Zikrullah Hasan Anak Rimau Dan Ayah Pin

LATARBELAKANG

- Nama sebenar pengasas tariqat ini ialah Hasan bin Yaakob. Beliau dilahirkan di Kampung Bendang Pauh, Che Tok, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1914 dan menetap di Batu 13, Kampung Tenang, Jalan Keruak, Hulu Besut, Terengganu sehingga beliau meninggal dunia di sana.

- Sejak kecil lagi Hasan tidak pernah bersekolah tetapi khatam Al-Qur'an. Ketika berumur 13 tahun, Hasan mula berkawan dengan orang-orang jahat tempatan yang lebih dewasa dan mengikut mereka mencuri serta merompak. Setelah itu, beliau dikenali sebagai seorang pemuda jahat yang suka merompak, menyamun, kaki gaduh dan sebagainya. Beliau pernah dibuang daerah di Kajang, Selangor setelah dikeluarkan daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kemunting, Perak. Kemudian ketika berumur antara 22 tahun hingga 38 tahun, beliau sering berulang alik ke selatan Thailand. Sungguhpun beliau tidak pernah bersekolah, beliau pernah menuntut ilmu keduniaan seperti ilmu kebal, ilmu pengasih dan ilmu penawar bisa di samping turut mempelajari ilmu akhirat dengan guru-guru antaranya Pak Teh Muhammad, Haji Rahim, Haji Husin, Tok Wali Haji Che' Mud dan lain-lain lagi. Ketika Hasan berumur 38 tahun, beliau telah mulai berhenti dari berulang alik ke selatan Thailand dan menetap di Kampung Bendang Pauh, Pasir Mas, Kelantan. Beliau bekerja sebagai petani, mengamalkan zikir-zikir dan wirid-wirid yang pernah dipelajarinya dahulu.

- Dalam lingkungan usia 25 tahun hingga 45 tahun, Hasan pernah hidup dengan tujuh orang isteri dalam keadaan silih berganti. Tetapi selepas bercerai dengan isterinya yang ketujuh, beliau hidup membujang sehingga akhir tahun 1980 dan akhirnya beliau telah berkahwin dengan Nafisah binti Ibrahim.

- Hasan juga terkenal di kalangan masyarakat tempatan khususnya pengikut-pengikut beliau dengan gelaran Tok Ayah Hasan, Tok Wali Hasan, Pak Teh Hasan dan Pak Chu Hasan tetapi yang paling popular ialah "Hasan Anak Rimau" atau "Hasan Anak Limau". Gelaran "Hasan Anak Rimau" diberi kerana bersesuaian dengan peribadinya yang bengis, ganas dan garang. Manakala gelaran "Hasan Anak Limau" pula diberi kerana beliau pernah menjual anak pokok limau selepas beliau insaf dari sikap dan peribadinya yang bengis, ganas dan jahat. Sementara gelaran "Tok Ayah Hasan" "diberi oleh pengikutnya setelah menjalani majlis zikir atau setelah menjadi guru tariqat.

- Tariqat Zikrullah yang juga dikenali sebagai ajaran Ratib Kuat ini mula disebarkan di Kampung Bukit Gading, Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan. Pada peringkat awal iaitu kira-kira dalam tahun 1975, beliau tidak begitu mendapat perhatian. Namun beberapa tahun selepas itu, pengaruh beliau kian berkembang ke negeri-negeri lain selain daripada Kelantan, seperti Terengganu, Perak dan Selangor. Perluasan penyebaran ajaran ini adalah melalui pengikut-pengikutnya yang bertugas di pelbagai tempat.

- Ajaran Ratib Kuat ini kemudiannya dipimpin pula oleh Ayah Pin. Nama penuhnya ialah Ariffin bin Mohamad, dilahirkan pada tahun 1946 dan berasal dari Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan. Beliau mempunyai 4 orang isteri dan 21 orang anak. Ayah Pin menetap di Batu 13, Kampung Tenang, Jalan Keruak, Hulu Besut, Terengganu dan di situlah dijadikan markas kumpulan ajaran Ratib Kuat (*Maratib Al-Quwwah*). Ayah Pin merupakan anak murid Hasan bin Yaakob yang sejati dan pernah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Ratib oleh Toh Ayah Hasan. Namun apabila Hasan bin Yaakob dibuang daerah ke Kajang, Selangor, Arifin membuka gelanggang sendiri, sekaligus mengambil alih kumpulan Ratib

Kuat. Dia bernasib baik kerana seluruh pengikut Hasan telah menjadi pengikutnya.

- Dua orang guru lain sebagai penyambung ajaran ini ialah Mohamad bin Ya dan Kamariah binti Ali. Mohamad bin Ya dilahirkan pada 11 Ogos 1950 di Kampung Beah, Redang, Bachok, Kelantan. Pernah belajar di Madrasah Tarbiah Kampung Lepah, Selising Bukit Jawa, Pasir Putih hingga darjah tujuh sebelum menyambung pelajaran ke Darul Ulum, Deband India dan Mesir. Manakala isterinya Kamariah binti Ali dilahirkan pada 1 Januari 1951 berasal dari Pasir Putih, Kelantan dan berkelulusan Universiti Al-Azhar. Kedua-duanya pernah menjadi guru agama di Sekolah Menengah Methodist Kampar, Perak (suami) dan Sekolah Menengah Kampar, Perak (isteri). Bapa Muhammad ialah Haji Ya bin Haji Ali merupakan ketua ajaran berkenaan di Kampung Beah, Redang, Bachok, Kelantan.

- Ajaran ini dikesan pada tahun 1970 an di tempat-tempat berikut:

    1. Kelantan:

        a) Bukit Mas, Tanah Merah.
        b) Gong Datok, Pasir Putih.
        c) Dalam Rhu, Pasir Putih.
        d) Kampung Beah, Redang, Bachok.
        e) Pasir Panjang.
        f) Merchang.
        g) Felda Sungai Tong.

    2. Terengganu:

        a) Kampung Langkat.
        b) Pulau Rusa.
        c) Felda Jerangau.
        d) Kemaman.
        e) Marang.
        f) Kampung Tok Kah, Dungun.

3. Perak:

    a) Taman Kampar Jaya, Malim Nawar.
    b) Taman Lela, Kemunting, Taiping.
    c) Kongsi Baru, Setiawan.

4. Pahang:

    a) Endau Rompin.

- Jumlah pengikut keseluruhan ajaran ini dianggarkan mencapai 2,000 orang. Antara murid kanan ajaran ini ialah:

    1. Haji Ya bin Haji Ali – Bachok.
    2. Nik Halim – Gong Datok, Pasir Putih.
    3. Yusof bin Awang – Kampung Tok Kah, Dungun.
    4. Sulaiman bin Tarkib – Malim Nawar, Perak.

CIRI-CIRI AJARAN

- Pengikut-pengikut Hasan menganggap orang-orang yang tidak menjadi pengikutnya adalah tidak sah Islamnya kerana segala ajaran dan amalan yang sedia diterima tidak betul malah kebanyakan pengikut-pengikut kanannya merasa tidak senang sekiranya tidak melihat wajah Hasan dalam kadar dua atau tiga kali sebulan. Bahkan ada antara mereka yang menganggap Hasan sebagai Nabi atau bapa kepada segala wali Allah.

- Antara kepercayaan, fahaman dan amalan kumpulan yang mengikut ajaran ini terbahagi kepada tiga perkara utama:

    1. Hal-hal yang berhubung dengan martabat guru, seperti mendakwa bahawa dirinya Tuhan kerana bersabit dengan nur Ilahi; hanya dirinya sahaja yang berkuasa untuk melantik daripada kalangan murid-muridnya bagi menyandang gelaran wali Allah serta menentukan darjatnya; sekiranya hendak mendirikan sembahyang, seseorang pengikut hendaklah mengingatinya terlebih dahulu sebelum mengingati Allah.

2. Aspek mengenai Tuhan, seperti memberi makna kalimah syahadah (لا إله إلا الله) dengan erti *"Tiada aku melainkanmu"*, ungkapan (من عرف نفسه فقد عرف ربه) disimpulkan sebagai tubuh badan kita sendiri sebagai Tuhan kerana kita sendiri yang dapat merasai masin, pedas dan sebagainya. Maka itulah Tuhan yang dapat merasai segala-galanya dan orang lain tidak tahu apa yang kita rasa.

3. Aspek-aspek syari`at dan lain-lain, seperti rukun-rukun Islam dan hukum syara` seperti sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain tiada kena-mengena dengan Tuhan dan hanya bersabit dengan pemerintah sahaja. Selain itu, mereka mendakwa bahawa mengerjakan haji di Makkah itu adalah sia-sia sahaja kerana menyembah batu yang dibina oleh Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*, Nabi Ibrahim *`alayhi as-salam* dan Nabi Isma`il *`alayhi as-salam*. Perbuatan demikian adalah membazir kerana menghabis wang ringgit sahaja.

- Secara ringkas, Hasan Anak Rimau membawa ajaran berikut:

1. Guru berada di mana-mana sahaja makhluk berada.

2. Guru adalah pemegang anak kunci syurga.

3. Manusia adalah Tuhan dan Tuhan adalah manusia.

4. Tidak perlu percaya kepada Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam*.

5. Guru berkuasa melantik sesiapa yang difikirkan layak daripada kalangan muridnya sebagai wali Allah dan sekaligus menentukan taraf darjat kewalian itu.

6. Mendakwa diri diresapi roh Nabi Muhammad *sallallahu `alayhi wasallam* dan pada suatu masa nanti akan bertukar menjadi Imam Mahdi.

7. Sewaktu solat dikehendaki mengingati guru terlebih dahulu sebelum mengingati Allah.

8. Mendakwa dirinya Tuhan.

9. Ratib dan zikir selepas Maghrib, Isya' dan Subuh.

- Ayah Pin pula mengajar zikir kepada ahli-ahlinya seruan seperti berikut:

  "Wahai Ayah Pin memberi kepada aku, di situlah aku, bergurulah aku di hadapan Ayah Pinku, sebenar-benarnya gurulah aku dunia sampai akhirat, wahai Ayah Pinku, wahai Tuhanku apalah dosaku, mohon kepadamu ya Allah."

Ajaran yang diamalkan oleh Ayah Pin adalah berbentuk tariqat yang mengutamakan zikir kuat dan amalan-amalan lain. Antara ajaran-ajaran Ayah Pin ialah:

1. Tuhan itu adalah manusia.

2. Ayah Pin mendakwa dirinya diresapi oleh Nabi dan bila tiba waktunya nanti, beliau akan bertukar menjadi Imam Mahdi.

3. Tidak perlu percaya kepada Rasulullah kerana Rasulullah adalah manusia dan kita boleh mengatasinya.

4. Nabi Muhammad mencantum kitab Zabur, Tawrat dan Injil sehingga menjadi Al-Qur'an.

5. Hanya Ayah Pin dan Nabi Muhammad sahaja yang berguru dengan Jibra'il.

6. Setiap kali bersembahyang hendaklah beri`tiqad bahawa Ayah Pin berada di hadapan.

7. Zikir lebih afdhal daripada solat lima waktu. Jika seseorang itu telah ada *ilham*, *zawq* dan *kasyaf*, solat lima waktu digugurkan.

8. Al-Qur'an perlu dibakar dan abunya dilumur pada tubuh Ayah Pin kerana Al-Qur'an yang ada sekarang bukanlah yang sebenar.

9. Mesti berjumpa Allah dan Rasul baru boleh percaya.

10. Solat lima waktu adalah tidak wajib.

11. Ayah Pin pernah mendakwa dirinya sebagai Tuhan.

12. Pengikut mesti mengorbankan harta benda mereka apabila diperlukan oleh gurunya.

13. Ayah Pin sudah ber*mi`raj* ke langit dan duduk di atas `Arasy.

14. Ayah Pin mendakwa menerima senarai nama-nama pengikutnya daripada Tuhan.

15. Rukun Islam dan hukum-hakam syara` tiada kena mengena dengan Tuhan.

16. Menunaikan haji adalah perkara yang sia-sia.

17. Waktu Subuh adalah berpanjangan hingga waktu Zuhur.

18. Qiyamat tidak akan berlaku kerana Allah tidak bodoh menjadikan alam ini dan kemudian memusnahkannya.

19. Semua alim ulama' yang ada sekarang adalah penipu kerana menyembunyikan ajaran dan ilmu yang sebenar.

20. Ayah Pin adalah satu-satunya manusia yang boleh membawa Islam yang sebenar sebagaimana zaman Rasulullah.

- Manakala Mohamad Ya dan isteri mendakwa:

  1. Hari Juma`at sebenar ialah hari Sabtu iaitu berhimpun segala hari dari hari Ahad hingga hari Sabtu. Alasannya berdasarkan Surah Al-Hadid, dikatakan bahawa Allah mencipta dan menyempurnakan alam ini dalam masa 6 hari, sedang hari Jumaat penghulu segala hari sudah tentu duduknya hari ketujuh. Susunan harinya menjadi Ahad, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu dan Juma`at pada hari ketujuh.

2. Solat Juma`at hendaklah diamalkan pada hari yang ketujuh iaitu hari Sabtu.

3. Mentafsir perkataan *"amanu"* (آمنوا) pada ayat 9, Surah Al-Jumu`ah sebagai wajib sembahyang bagi lelaki dan perempuan kerana mereka adalah orang beriman.

4. Maksud solat Juma`at ialah berhimpun beramai-ramai melakukan amalan zikir atau ratib iaitu dimulai dengan solat Maghrib, bersalawat, berdoa dan disusuli dengan ratib Maghrib, kemudian solat Isya'. Selepas itu mengadakan perbincangan mengenai hal ehwal amalan mereka.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai fatwa:

  1. Jawatankuasa Ulama' Negeri Terengganu pada 30 Mei 1981 telah mengambil keputusan bahawa:

     "Pengajaran Maratib Al-Quwwah (meratib kuat) yang dibawa oleh Tok Ayah Hasan itu adalah salah dari segi Islam dan membawa kepada kekufuran. Oleh itu, hendaklah ditegah amalan zikir Tok Ayah Hasan ini kerana ianya dijadikan alat pengajaran salah."

  2. Jemaah Ulama' Majlis Ugama Islam Negeri Kelantan pada 10 Ogos 1981 telah memfatwakan bahawa:

     "Butir-butir pengajaran Tok Ayah Hasan itu adalah salah dan menjejaskan iman seseorang Islam yang mempercayai dan beri`tiqad dengannya. Oleh yang demikian, sesiapa yang mempercayai dan menerima serta beri`tiqad dengan pengajaran itu ataupun mengamalkannya, wajiblah bertaubat dan kembali kepada pengajaran yang sebenar."

3. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 6 pada 10 Oktober 1983 di Bilik Syarahan, Masjid Negara, Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa:

> ***"Oleh kerana ajaran Tok Ayah Hasan ini hanya berlaku di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja, maka terserahlah kepada kedua-dua negeri itu untuk mengmbil tindakan yang sewajarnya bagi membendung ajaran Tok Ayah Hasan. Sementara itu ianya hendaklah diawasi supaya tidak merebak ke negeri-negeri lain."***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45
No. 14

12hb Julai 2001

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

M. P.U. 6.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 1991

FATWA UNDER SECTION 30

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 30(1) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 [*Enactment No. 5 of 1991*], after having been considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Syariah pursuant to subsection 33(6) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991, and is published pursuant to subsection 30(1) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

AJARAN QADIANI (QADIANIAH/AHMADIAH)

1. Puak Qadianiah/Ahmadiah adalah puak yang terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.

2. Oleh yang demikian —

(a) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran dan fahaman Qadianiah/Ahmadiah ini adalah murtad; dan

(b) orang Islam yang telah mengamalkan ajaran Qadianiah/Ahmadiah di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

ILMU TAJALLI AHMAD LAKSAMANA (HAKIKAT INSAN)

1. Ilmu Tajalli atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana dan buku-buku yang bertajuk —

(a) "Hakikat Insan" yang ditulis oleh Haji Ahmad Laksamana;

(b) "Rahsia Mengenal Diri" yang ditulis oleh Ustaz Hal Azwan; dan

(c) "Rahsia Hakikat Insan" dan "Ilmu Mengenal Allah" yang ditulis oleh Imam Al-Soouti,

didapati mengandungi ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam. Oleh yang demikian, orang Islam dilarang menyebar, mengajar, belajar dan mengamalkan ajaran itu.

2. Orang Islam, di mana-mana jua berada, yang telah belajar dan mengamalkan ajaran Ilmu Tajalli atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana hendaklah meninggalkan ajaran itu dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

3. Orang Islam tidak boleh menjual, mencetak, mengedar, membeli atau memiliki buku-buku yang tersebut dalam perenggan (1).

AJARAN SYED MOHAMAD AL-MASYHOR (AL-MAS)

1. Ajaran dan amalan Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas) didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

2. Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas) di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

TARIKAT ZIKRULLAH HASAN ANAK RIMAU DAN AYAH PIN

1. Adalah ditetapkan bahawa ajaran Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

2. Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Bertarikh 2 Julai 2001.
Dated 2 July 2001.
[PMM/0007 Jld. 3(27); PUN(M)351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Fatwa 11

Penggunaan Perkataan "Islam" Dalam Pertubuhan

LATARBELAKANG

- Perpecahan umat Islam pada masa ini adalah disebabkan oleh perbezaan fahaman politik yang mengheret sekali soal pegangan agama dari segi `aqidah. Fenomena ini telah wujud sekian lama dengan beberapa "fatwa" yang dikeluarkan oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang mengkafirkan ahli-ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), wujudnya sembahyang dua imam, soal sembelihan, perkahwinan dan sebagainya. Isu seperti ini kian merebak sehinggalah Majlis Raja-Raja telah mengarahkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk mengeluarkan fatwa mengenai isu tersebut.

- Perpecahan dari aspek perbezaan politik adalah berdasarkan kepada persaingan mendapatkan pengaruh antara parti UMNO dan PAS bagi mendapatkan kuasa politik. Oleh kerana PAS merupakan parti yang membangkang dan UMNO parti yang memerintah, maka serangan PAS hanya ditujukan kepada UMNO dengan menggunakan pelbagai isu. Antara isu-isu penting yang digunakan oleh PAS terhadap kerajaan (UMNO) ialah melalui dakwaan seperti berikut:

  1. Menyertai PAS adalah memeluk Islam.

  2. Persoalan jihad dan mati syahid.

  3. Permasalahan kafir dan murtad.

4. UMNO memperjuangkan *`asabiyyah*.

5. Kerajaan Barisan Nasional adalah sekular.

- Isu-isu yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja yang minta difatwakan adalah seperti berikut:

  1. Penggunaan perkataan Islam dalam nama atau sesuatu yang dikaitkan dengan Islam oleh mana-mana pertubuhan boleh mengelirukan orang Islam akan nama Islam dan ajarannya.

  2. Penambahan syarat kepada pengiktirafan keislaman seseorang.

  3. Dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada pihak tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam itu dilayakkan ke syurga dan kenyataan bahawa orang-orang tertentu akan ditempatkan ke neraka.

- Penggunaan nama Islam untuk sesuatu tujuan bagi kepentingan politik yang boleh mengelirukan masyarakat Islam adalah dilarang oleh Islam. Kekeliruan timbul apabila wujudnya dakwaan bahawa "ciri-ciri Jama`ah Islam hanya ada pada PAS". Dakwaan ini telah diucapkan oleh Haji Abdul Hadi Awang pada tahun 1984.

HUJAH DAN DALIL

- Syeikh Ahmad Mustafa Al-Maraghi ketika mentafsirkan firman Allah *subhanahu wata`ala*:

Maksudnya:
"Sesungguhnya agama (yang diredhai) Allah subhanahu wata`ala hanyalah Islam."

(Surah Ali `Imran, 3:19)

Beliau menyatakan:

وَالْإِسْلَامُ يَأْتِىْ بِمَعْنَى الْخُضُوْعِ وَالْإِسْتِسْلَامِ ، وَبِمَعْنَى الْآدَاءِ . . . وَبِمَعْنَى الدُّخُوْلِ فِى السِّلْمِ أَىْ الصُّلْحُ وَالسَّلَامَةُ . وَتَسْمِيَةُ الدِّيْنِ الْحَقِّ إِسْلَامًا يُنَاسِبُ هَذِهِ الْمَعَانِىْ كُلَّهَا .

Maksudnya:
"Perkataan Islam dalam bahasa `Arab membawa makna 'tunduk' dan 'menyerah' serta juga membawa makna 'menunaikan'. Islam juga membawa makna masuk ke dalam 'kedamaian dan keselamatan'. Penamaan agama yang benar ini sebagai Islam adalah bersesuaian dengan makna di atas."

- Daripada huraian yang dibuat oleh Syeikh Al-Maraghi ini, maka dapat disimpulkan bahawa perkataan Islam yang pada asalnya mempunyai beberapa pengertian dalam bahasa Arab, telah dipilih oleh Allah *subhanahu wata`ala* untuk dijadikan nama kepada "ad-din" atau agama yang diredhai olehNya untuk umat manusia pada sepanjang zaman. Ini membawa makna perkataan Islam dari segi istilah syara` telah menjadi lambang kepada syari`at atau ajaran Allah *subhanahu wata`ala* seperti yang terkandung dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah yang di antara ciri khususnya ialah:

1. Ia adalah kebenaran mutlak tanpa sebarang keraguan padanya sebagaimana firman Allah *subhanahu wata`ala*:

﴿ لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِن بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ ، تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴾

Maksudnya:
"Tidak datang padanya (Al-Qur'an) kebatilan (kepalsuan), baik dari depan atau belakangnya, itulah wahyu yang turun dari Tuhan yang Bijaksana dan Terpuji."

(Surah Fussilat, 41:42)

2. Ia merupakan satu-satunya ajaran yang diredhai dan diterima oleh Allah *subhanahu wata`ala* untuk dijadikan pegangan oleh setiap mukallaf. Firman Allah *subhanahu wata`ala*:

﴿ ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ﴾

Maksudnya:
"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah lengkapkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhai Islam itu jadi agama bagi kamu."
(Surah Al-Ma'idah, 5:3)

- Daripada keterangan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa perkataan Islam dengan pengertiannya di sisi syara` atau sebagai hakikat *syar`iyyah* tidak boleh digunakan pada sesuatu yang lain dari agama Allah *subhanahu wata`ala*, kerana yang demikian itu membawa makna:

  1. Bahawa ajaran yang lain itu juga merupakan suatu kebenaran mutlak.

  2. Bahawa ajaran yang lain itu juga diterima oleh Allah *subhanahu wata`ala* untuk menjadi pegangan dan panduan umat manusia.

- Penggunaan seperti ini (dengan pengertian di sisi syara`) jelas bertentangan dengan keterangan-keterangan Al-Qur'an dalam ayat-ayat yang dikemukakan tadi dan menjurus kepada syara` kerana yang demikian itu membawa makna menyamakan ajaran Allah *subhanahu wata`ala* dengan yang lain daripada ajaranNya.

- Maka bagi menghuraikan persoalan penggunaan perkataan Islam pada parti politik, kita perlu melihat kepada dua konteks.

  1. Dalam konteks pengertian bahasa atau dari segi hakikat *lughawiyah*.

2. Dalam konteks pengertian syara` atau dari segi hakikat *syar`iyyah*.

- Dalam konteks yang pertama, perkataan ini dalam bahasa Arab mempunyai pengertian seperti yang disebutkan dan penggunaannya tidak bercanggah dengan sebarang nas syara`. Penggunaannya sebagai nama kepada sebuah pertubuhan politik adalah harus hukumnya, berasaskan kaedah fiqh yang berbunyi:

  الْأَصْلُ فِى الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ .

  Maksudnya:
  "Hukum asal bagi semua perkara adalah harus."

- Berhubung penggunaannya dalam konteks yang kedua, kita perlu melihat sama ada penggunaannya mengikut pengertian syara` tanpa sebarang *ta'wil* atau disertai dengan sebarang *ta'wil* yang sesuai. Jika disertai dengan sebarang *ta'wil*, maka seperti yang disebutkan sebelum ini adalah tidak harus kerana ia membawa erti menyamakan agama Allah *subhanahu wata`ala* yang mutlak kebenarannya dengan sesuatu yang lain. Tetapi jika digunakan dengan disertai *ta'wil* yang sesuai, maka hukumnya adalah harus.

- Dalam konteks tajuk yang dibincangkan iaitu "Parti Islam", maka *ta'wil* yang sesuai ialah ia merupakan satu kependekan daripada satu nama yang panjang: "Kumpulan Orang Yang Menganut Agama Islam", dalam bahasa Arab boleh diterjemahkan sebagai "*Hizbul Muslimin*" atau "*Al-Hizbul Islami*". Kependekan daripada sesuatu kepanjangan seperti ini merupakan perkara yang lumrah penggunaannya dalam bahasa, misalnya apabila kita menyebut "Bank Islam", maka ia bermakna "bank yang segala perjalanan urusannya sesuai dengan kehendak Islam".

- Daripada huraian-huraian ini, maka dapat disimpulkan bahawa penggunaan perkataan "Islam" sebagai nama pertubuhan politik adalah harus hukumnya, kecuali digunakan mengikut pengertian syara` tanpa sebarang *ta'wil* yang sesuai.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah (khas) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 15 Februari 2001 di Tingkat 11, Dewan Syura, Pusat Islam, Kuala Lumpur:

    1. ***Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu, iman dan ihsan. Walaubagaimanapun, mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam atau perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syari`at Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.***

    2. ***Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun Iman dan rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain daripada menepati rukun Iman dan rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keislamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebar dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.***

    3. ***Ketentuan syurga dan neraka adalah hak mutlak Allah subhanahu wata`ala. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang***

Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebar dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut, maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45
No. 19

13hb September 2001

TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN

M. P.U. 13.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*], selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 1991

FATWA UNDER SECTION 30

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 30(1) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 [*Enactment No. 5 of 1991*], after having been considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Syariah pursuant to subsection 33(6) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991, and is published pursuant to subsection 30(1) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

1. Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu, iman dan ehsan. Walau bagaimanapun mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam atau perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

2. Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun Iman dan Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain menepati rukun Iman dan rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keislamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebar dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebar ajaran salah atau menyeleweng.

3. Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah Ta'ala. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebar dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebar ajaran salah atau menyeleweng.

Bertarikh 12 September 2001.
Dated 12 September 2001.
[PMM/0020 Jld. 4(46); PUN(M)351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Fatwa 12

Amanat Haji Abdul Hadi

LATARBELAKANG

- Amanat Haji Abdul Hadi adalah petikan kata-kata bercirikan hukum agama yang telah diucapkan oleh Timbalan Presiden Parti Islam SeMalaysia (PAS), Haji Abdul Hadi Awang ketika menyampaikan ceramah politik di Kampung Banggol Peradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981. Amanat Haji Abdul Hadi ini telah didedahkan buat pertama kalinya pada 11 Ogos 1983 oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Wan Mokhtar Ahmad di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

CIRI-CIRI AMANAT

- Terdapat tiga perkara pokok dalam Amanat Haji Abdul Hadi yang dianggap menjadi punca yang menyebabkan sesetengah ahli dan pengikut Parti Islam SeMalaysia (PAS) mengkafirkan ahli-ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malayan Nation Organization (UMNO) sebagaimana yang berikut:

  1. Mendakwa menentang UMNO dan Barisan Nasional bukan kerana nama UMNO dan Barisan Nasional, tetapi UMNO dan Barisan Nasional mengekalkan perlembagaan penjajah, peraturan kafir dan peraturan jahiliyah.

  2. Mendakwa perjuangan menentang UMNO dan kerajaan adalah jihad dan mati dalam perjuangan itu adalah mati syahid.

3. Mendakwa sesiapa menganggap politik suku dan agama suku adalah kafir.

- Ketiga-tiga perkara ini terkandung dalam Amanat Haji Abdul Hadi seperti berikut:

  "Saudara-saudara sekalian, percayalah kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO, kita menentang BN bukan kerana nama BN, menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliyah, oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.

  Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam.

  Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku, agama suku."

- Berdasarkan petikan ucapan inilah menguatkan kepercayaan penyokong-penyokong PAS bahawa perjuangan PAS melawan UMNO adalah jihad, begitu juga ucapan dan derma mereka itu termasuk juga di dalam jihad. Dengan sebab itulah penyokong-penyokong PAS berjuang menentang UMNO sehingga sanggup menumpahkan darah. Demikian juga sekiranya mereka mati kerana melawan dengan penyokong-penyokong UMNO, mati mereka adalah mati syahid dan mati dalam Islam. Maka muncullah keyakinan sesetengah ahli dan pengikut PAS yang fanatik bahawa ahli UMNO betul-betul kafir.

- Akibat daripada fenomena tersebut, timbul pula amalan agama yang bercanggah dengan Islam di kalangan pengikut PAS di sesetengah kampung di negeri Kelantan dan Terengganu seperti sembahyang dua imam, memulau sembahyang jemaah,

mengakadnikah semula pasangan Islam, tidak makan daging sembelihan, berbalah dan tidak bertegur sapa sesama ahli dan sanak saudara, tidak hadir kenduri-kendara dan bermacam lagi.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 16 pada Februari 1986 di Pekan, Pahang Darul Makmur yang memutuskan bahawa:

    1. ***Setelah meneliti dan berbincang mengenai perkara ini, Muzakarah telah bersetuju bahawa Amanat Tuan Guru Haji Abdul Hadi ini:***

        a) ***Bercanggah dari segi ajaran Islam.***

        b) ***Bercanggah dengan kepentingan masyarakat Islam dan kemuliaan agamanya.***

        c) ***Bercanggah dengan prinsip da`wah Islamiyyah.***

    2. ***Muzakarah juga telah bersetuju supaya perkara ini dihebahkan kepada orang ramai. Untuk maksud ini, pihak Pusat Penyelidikan Islam diminta supaya menyediakan risalah mengenai Amanat Tuan Guru Haji Abdul Hadi dengan mengambil kira keputusan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini serta hujah-hujah dan dalil-dalil terhadap perkara-perkara tersebut. Risalah tersebut hendaklah diedarkan kepada orang ramai.***

    3. ***Muzakarah juga bersetuju supaya keputusan mengenai amanat Tuan Guru Haji Abdul Hadi ini disiarkan di dalam media tempatan.***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 15

25hb Julai 2002

TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN

M. P.U. 13.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 1991

FATWA UNDER SECTION 30

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 30(1) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 [*Enactment No. 5 of 1991*], on behalf and in the name of the Jawatankuasa Syariah after having been considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Syariah pursuant to subsection 33(6) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 and is published pursuant to subsection 30(1) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

1. Bahawa Amanat Tuan Guru Haji Abdul Hadi adalah —

    (a) bercanggah dari segi ajaran Islam;

    (b) bercanggah dengan kepentingan masyarakat Islam dan kemuliaan Agamanya; dan

    (c) bercanggah dengan prinsip dakwah Islamiah.

2. Mana-mana orang Islam adalah dilarang —

    (a) menyebar, mengajar, mempelajari dan mengamalkan amanat tersebut; dan

    (b) menjual, mencetak, mengedar, membeli atau memiliki amanat tersebut.

Bertarikh 24 Julai 2002
Dated 24 July 2002
[PMM/0020 Jld. 4(61); PUN(M)351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Fatwa 13

Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit

LATARBELAKANG

- Hassan bin Jonit berasal dari Melaka. Berumur 73 tahun dan menetap di No. 14, Jalan 6/5, Taman Tasik Tambahan, Ampang, Selangor. Pendidikan awal beliau ialah Sekolah Agama Pontian Kecil, Johor dan Sekolah Melayu Melaka hingga Darjah Tiga. Pada zaman pemerintahan Inggeris, beliau pernah bekerja sebagai pemandu.

- Beliau telah berkahwin sebanyak tiga kali. Isteri pertama dan kedua diceraikan kerana tidak mahu mengikut ajaran yang dibawa. Bersama isteri ketiga sehingga kini dan mempunyai empat orang anak.

- Markas utama kumpulan ini ialah di rumah murid kanan beliau beralamat di Batu 450, No. 20, Kampung Melayu, Jalan Kilang Papan, Kampung Batu Arang, 48050 Rawang, Selangor. Surau tersebut terletak bersebelahan rumah dan terdapat juga rumah penginapan untuk ahli yang datang dari jauh mengikuti pengajian pada malam Khamis dan Ahad.

- Ajaran ini diperkenalkan hampir 15 tahun lalu di Melaka dan Singapura. Jumlah pengikut di Selangor dianggarkan antara 100 hingga 150 orang. Kebanyakan pengikut tidak mempunyai latarbelakang agama yang kukuh dan terdiri daripada pelbagai peringkat usia dan kerjaya.

CIRI-CIRI AJARAN

1. Bertemu dengan Allah.

Beliau (Hassan bin Jonit) mendakwa telah bertemu dengan Allah melalui Ilmu Hakikat. Walaubagaimanapun, beliau tiada mencipta ataupun menulis kitab hasil pertemuan dengan Allah berbanding dengan pertemuan beliau dengan Rasulullah melalui Ilmu Hakikat Roh.

2. Bertemu Nabi Muhammad.

Hassan bin Jonit mengakui bahawa beliau bertemu dengan roh Nabi Muhammad melalui Ilmu Hakikat Roh. Beliau mendakwa bahawa masa bertemu itu ialah ketika mengangkat nafas atau dengan istilah "*tanaffus*". Oleh yang demikian, setiap kali bertemu dengan Nabi Muhammad, beliau akan mencatatkan tarikh pertemuan tersebut di dalam setiap pertemuan yang dinamakan sebagai perkhabaran. Hasil daripada setiap pertemuan itu telah dibukukan dan dijadikan sebanyak 24 bab. Hassan bin Jonit juga mendakwa kitab hasil pertemuan dengan Nabi Muhammad melalui Ilmu Hakikat Roh adalah hadith iaitu Hadith Qudsi.

3. Boleh mentafsir mimpi.

Hassan bin Jonit telah memperkenalkan kepada pengikutnya mengenai keupayaan beliau mentafsir mimpi. Pada kebiasaannya, apabila mereka mengadakan pengajian di markas, mana-mana pengikut yang tidak dapat pulang akan bermalam di markas tersebut. Pada waktu pagi selepas solat Subuh mereka akan memperkatakan tentang mimpi masing-masing kepada Hassan bin Jonit untuk ditafsirkan. Segala tafsiran mimpi tersebut dijadikan panduan dan sampai satu peringkat dijadikan sumber hukum.

4. Dahi hitam tanda bela jin.

Pada kebiasaannya, seseorang yang rajin melakukan sembahyang kita akan dapat melihat dengan jelas dahinya akan menjadi hitam kesan daripada perlakuan sujud. Mengikut Hassan bin Jonit, bagi

orang-orang yang mempunyai kesan sujud tersebut adalah orang-orang yang ada membela jin.

5. Solat pejam mata.

Mengikut penjelasan Hassan bin Jonit kepada pengikutnya bahawa bagi orang-orang yang hendak mengerjakan solat hendaklah menutup mata sama ada solat sunat atau solat fardhu. Beliau mendakwa adalah menjadi kesalahan terhadap Allah *subhanahu wata`ala* sekiranya seseorang itu mengerjakan solat dalam keadaan mata terbuka. Beliau juga mendakwa bagi orang-orang yang solat dalam keadaan mata terbuka sekiranya menjadi imam kelihatan seperti khinzir.

6. Menolak hari akhirat.

Hassan bin Jonit menyatakan bahawa hari akhirat adalah tidak wujud. Oleh yang demikian, beliau berpendapat bahawa kebenaran hari akhirat yang telah dijelaskan di dalam Al-Qur'an dan ditafsirkan oleh para ulama', ilmu kalam mahupun syari`at Islam adalah tidak benar. Sehubungan itu, beliau telah meminta semua pengikutnya menolak tentang wujudnya hari akhirat.

7. Mandi wajib dengan hanya mencelup jari.

Menurut Hassan bin Jonit, mengikut Ilmu Hakikat tidak perlu meratakan air ke seluruh anggota badan bagi seseorang yang hendak mandi wajib, bahkan cukup sekadar hanya mencelup jari ke dalam air beserta dengan niat, maka sempurnalah mandi wajib tersebut.

8. Dilarang berdoa untuk orang lain.

Di antara ajaran lain yang telah diperkenalkan oleh Hassan bin Jonit ialah melarang pengikut-pengikutnya berdoa untuk orang lain kerana seseorang itu hanya layak berdoa untuk dirinya sendiri sahaja. Beliau mendakwa hanya Nabi Muhammad sahaja yang layak mendoakan seseorang yang lain.

9. Wakil guru dari Luh Mahfuz.

Hassan bin Jonit mendakwa beliau adalah wakil guru dari Luh Mahfuz yang dilantik khas ke bumi iaitu Baladil Amin. Beliau juga mendakwa bahawa bagi orang-orang yang mempercayai dan mengikuti pengajaran beliau akan selamat dunia dan akhirat.

10. Wakil guru seluruh dunia.

Selain daripada mengakui beliau sebagai "wakil guru dari Luh Mahfuz", Hassan bin Jonit juga mendakwa bahawa Nabi Muhammad telah memberi dan mengijazahkan segala ilmunya kepada beliau. Segala ilmu Nabi Muhammad juga hanya diberikan kepada beliau sahaja di dalam dunia ini.

11. Menyalah tafsir Al-Qur'an.

Kebanyakan ulama' tafsir tidak mentafsirkan dan hanya menyerahkan kepada Allah sahaja mengenai ayat-ayat potong di permulaan surah seperti (الم), (الر) tetapi bagi Hassan bin Jonit, beliau telah mentafsirkan dengan erti yang tertentu sebagaimana yang terdapat di dalam kitabnya yang bertajuk "*Amalan Tauhid, Bab Guru*", (كهيعص) yang memberi erti "yang menjaga dakwah diri kami di belakang hari".

12. Mencabar pihak berkuasa agama.

Untuk menegakkan kebenaran ajaran tersebut, beliau telah mencabar pihak berkuasa agama dengan mendakwa sekiranya pihak berkuasa agama mengambil tindakan terhadapnya, beliau akan menurunkan mala'ikat untuk menghancurkan mana-mana pegawai agama yang mengambil tindakan terhadap beliau. Malah beliau turut mendakwa bahawa ilmu yang ada padanya telah mendapat kepujian daripada Allah *subhanahu wata`ala*.

13. Mengarang buku yang bertentangan dengan hukum syara`.

Buku tersebut mengandungi 19 bab seperti berikut:

a) Bab Hakikat.
b) Bab Fatehah.
c) Bab Alhamdu.
d) Bab Bismillah.
e) Bab Al-Qur'an dan Kitab.
f) Bab Takbiratul Ehram.
g) Bab Sembahyang.
h) Bab Kaum Ibu.
i) Bab Roh/Nyawa.
j) Bab Ma'ni.
k) Bab Nabi 1.
l) Bab Nabi 2.
m) Bab Tauhiduz Zat 1.
n) Bab Tauhiduz Zat 2.
o) Bab Guru.
p) Bab Sifat.
q) Bab Ma'rifat.
r) Bab Hati.
s) Mukadimah Bagi Orang Baru.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai fatwa Negeri Selangor pada 23 Mac 1998 yang telah diwartakan pada 24 September 1998 yang menyebutkan bahawa:

    1. ***Ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.***

    2. ***Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah subhanahu wata`ala.***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 2

16hb Januari 2003

TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN

M. P.U. 2.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 1991

FATWA UNDER SECTION 30

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 30(1) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 [*Enactment No. 5 of 1991*], on behalf and in the name of the Jawatankuasa Syariah after having been considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Syariah pursuant to subsection 33(6) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 and is published pursuant to subsection 30(1) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

1. Ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan b. Jonit didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

2. Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Ajaran Ilmu Hakikat Hassan b. Jonit di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH *Subhanahu Wata'ala*.

3. Antara ciri-ciri ajaran itu –

   (a) mendakwa –

      (i) bertemu Allah;

      (ii) bertemu Nabi Muhammad dan pertemuan itu menghasilkan hadis Qudsi;

      (iii) boleh mentafsir mimpi;

      (iv) orang yang berdahi hitam tanda bela jin;

(v) nampak imam seperti khinzir jika *solat* buka mata;

(b) menolak adanya hari kiamat;

(c) beliau ialah wakil guru seluruh dunia yang telah diijazahkan oleh *Rasulullah S.A.W.* dan datang dari *Luh Mahfuz* yang dilantik ke bumi iaitu *Baladil Amin*;

(d) menyalah tafsir Al-Quran;

(e) mandi wajib hanya dengan mencelup jari;

(f) melarang berdoa untuk orang lain;

(g) mencabar Pihak Berkuasa Agama;

(h) mengarang buku yang mengandungi 19 bab seperti yang berikut:

(i) Bab Hakikat

(ii) Bab *Fatehah*

(iii) Bab *Alhamdu*

(iv) Bab *Bismillah*

(v) Bab Al-Quran dan Kitab

(vi) Bab *Takbiratul Ehram*

(vii) Bab Sembahyang

(viii) Bab Kaum Ibu

(ix) Bab Roh/Nyawa

(x) Bab *Ma'ni*

(xi) Bab Nabi 1

(xii) Bab Nabi 2

(xiii) Bab *Tauhiduz* Zat 1

(xiv) Bab *Tauhiduz* Zat 2

(xv) Bab Guru

(xvi) Bab Sifat

(xvii) Bab *Ma'rifat*

(xviii) Bab Hati

(xix) Mukadimah Bagi Orang Baru

4. Orang-orang Islam dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku yang dinyatakan dalam perenggan 3*(h)*.

Bertarikh 31 Disember 2002
Dated 31 December 2002
[PMM/0020 Jld. 5(01); PUN(M)223/6 Klt. 10]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Fatwa 14

Ajaran Zamre Bin Ab. Wahab

LATARBELAKANG

- Guru ajaran ini adalah Zamre bin Ab. Wahab, nombor kad pengenalan 660717-01-5271 berasal dari Segamat, Johor. Mendapat pendidikan di High School, Klang dan menyambung pelajarannya di Institut Tun Abdul Razak di samping pernah menuntut di beberapa buah pondok di negeri Pahang. Beliau juga pernah bekerja di beberapa buah syarikat elektronik dan beberapa kali menubuhkan syarikat perniagaan tetapi semuanya menemui kegagalan.

- Bagaimanapun, pada pertengahan tahun 1999, beliau sekali lagi menubuhkan sebuah syarikat perisian komputer. Syarikat yang diberi nama Syarikat Ketupat Sistem Sdn. Bhd. ini adalah sebuah syarikat berdaftar untuk perniagaan Teknologi Maklumat (IT) yang beralamat No. 16A, Jalan Anggerik Aranda 31D, 40460 Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor. Syarikat tersebut mempunyai 28 orang pegawai termasuk beliau sendiri sebagai Pengarah Urusan.

- Pada peringkat awal, operasi syarikat ini berjalan seperti biasa. Walaubagaimanapun, setelah beberapa bulan beroperasi, beberapa orang pegawainya memohon untuk berhenti kerana tidak mendapat gaji sepertimana yang dijanjikan. Syarikat ini juga telah menawarkan kepada beberapa institusi pengajian tinggi untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajarnya menjalani latihan praktikal di syarikat itu. Sehubungan itu, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah menghantar seramai 19 orang pelajar lelaki dan perempuan manakala Politeknik Engku Omar juga turut menghantar beberapa orang pelajarnya.

- Jabatan Agama Islam Selangor telah menahan Zamre bin Ab. Wahab bersama isteri dan tiga orang pengikutnya untuk disoalsiasat pada bulan September 2000 dan telah ditahan di lokap Balai Polis Gombak. Setelah bebas, beliau telah meneruskan agenda gerakan dan ajaran di Melaka sebagai kesinambungan daripada operasinya di Selangor dan Sabah.

- Sekitar bulan Disember 2001, beliau telah berpindah ke Melaka dan menubuhkan syarikat barunya iaitu Nahltec Incorporated yang beralamat di No. 11, Jalan 2/2, Taman Melaka Baru, Batu Berendam, 75350 Melaka. Perpindahan beliau ke Melaka adalah dengan tujuan untuk mengelakkan diri daripada tindakan undang-undang pihak berkuasa negeri Selangor kerana ajaran beliau ini telah difatwakan menyeleweng di negeri tersebut.

- Beliau juga pernah merancang dan bersiap sedia pergi ke Sharjah, United Arab Emirates bersama pengikutnya bagi mengembangkan ajarannya. Rancangan beliau ini telah didedahkan oleh isteri salah seorang pengikutnya yang enggan mengikut suaminya ke United Arab Emirates.

- Sehingga kini beliau telah mempengaruhi beberapa individu yang bekerja di sektor perindustrian swasta di negeri Melaka dan kebanyakan mereka adalah mahir dalam bidang pengkomputeran.

CIRI-CIRI AJARAN

- Ketika di Selangor, beliau sering mengadakan tazkirah pada setiap hari di pejabat beliau bermula dari 8.30 pagi hingga 9.30 pagi manakala di rumah beliau iaitu di Taman Seri Sentosa, Klang, kelas pengajian akan bermula pada pukul 10.00 malam hingga tengah malam dan sekali-sekala kelas ini berlanjutan hingga jam 3.00 pagi.

- Selepas berpindah ke Melaka, beliau turut melakukan perkara yang sama iaitu mengadakan tazkirah di pejabatnya bermula jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi. Manakala di rumahnya yang beralamat No. 11, Jalan 2/2, Taman Melaka Baru, Batu Berendam, 75350

Melaka, beliau akan memulakan pengajian pada jam 10.00 malam hingga lewat malam dan ada kalanya berlanjutan hingga jam 3.00 pagi.

- Antara dakwaan, perlakuan dan ciri-ciri ajaran beliau adalah seperti berikut:

  1. Mendakwa menunaikan haji cukup hanya mengerjakannya di Sungai Congkak sahaja.

  2. Mendakwa diri beliau sebagai Rasulullah iaitu dengan membuat kenduri arwah sempena kematian beliau, beberapa ketika seolah-olah beliau baru dihidupkan semula dengan berpura-pura bertanyakan sesuatu benda yang berada di sekeliling beliau. Untuk meyakinkan pengikutnya beliau membesarkan suara (seolah firman Allah) dengan berkata dalam bahasa Melayu bahawa beliau adalah Rasulullah yang sebenar. Perkara ini dilakukan kerana terdapat beberapa orang pengikut yang tidak dapat menerima dakwaan beliau itu.

  3. Menukar nama pengikutnya dengan nama sahabat bagi lelaki dan isteri-isteri nabi bagi pengikut wanita. Penukaran ini bukan mengambil sempena nama para sahabat tetapi beliau mendakwa nama-nama tersebut adalah sahabat yang sebenar yang telah dihidupkan semula.

  4. Mengamalkan nikah batin. Beliau bercadang akan mengumpulkan seramai 15 orang wanita termasuk pegawai dan pelajar praktikal yang telah ditukar nama kepada isteri-isteri nabi. Setakat ini seramai 9 orang wanita telah berjaya dinikahi.

  5. Mengaku mengadakan hubungan seks dengan 6 orang termasuk pelajar dan pegawainya yang dinikahi secara batin dengan disaksikan oleh isterinya yang sah di sebuah rumah beliau di Taman Sentosa, Bukit Kemuning, Shah Alam dan di sebuah rumah pangsa di Bandar Kota Kinabalu, Sabah. Perkara ini juga didedahkan oleh kesemua wanita itu setelah sedar mereka diperalatkan semata-mata untuk tujuan seks.

6. Mendakwa seseorang pengikutnya akan binasa selepas tujuh langkah keluar dari tempat pengajian sama ada di rumahnya atau di pejabatnya, sekiranya tidak mengaku atau tidak mempercayai bahawa beliau adalah Rasulullah yang sebenarnya.

7. Mendakwa hari qiyamat akan berlaku pada bila-bila masa bermula dari sekarang.

8. Mendakwa orang yang sudah mati boleh hidup semula melalui roh dan jasadnya. Ini adalah untuk mengukuhkan lagi dakwaan bahawa beliau adalah Rasulullah yang sebenarnya, begitu juga dengan para isterinya. Hujah beliau adalah melalui ayat Al-Qur'an di dalam Surah Al-Baqarah mengenai kisah seorang lelaki yang mati dibunuh bangun semula memberitahu siapa pembunuhnya. Oleh itu, ada ketikanya beliau menamakan dirinya sebagai Ahmad.

9. Menukar syahadah dengan menyebut:

لا إله إلا الله أنا محمد رسول الله .

10. Mendakwa telah dibelah dan dicuci dadanya sebelum ini dan mengaku selepas kejadian itu beliau dapat memahami Al-Qur'an dan dapat mencipta satu *operating system*.

11. Mendakwa bahawa Al-Qur'an itu adalah satu *source code*. Beliau dapat mencipta *operating system* ini kerana beliau memahami *source code* komputer yang terdapat dalam Al-Qur'an.

12. Mengaku di hadapan pengikutnya bahawa beliau pernah berjumpa dajjal dan beliau menjadi pemimpin apabila satu pengisytiharan yang akan berlaku di Kota Makkah dalam masa 2 hingga 3 tahun akan datang.

13. Mendakwa bahawa Nabi Ibrahim bukan contoh yang baik kerana Nabi Ibrahim pernah berdusta.

14. Mendakwa bahawa beliau tidak mempercayai mana-mana ulama' di Malaysia kerana kefahaman ulama'-ulama' ini tidak betul.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai fatwa Negeri Selangor yang telah diwartakan pada 2001 yang memutuskan bahawa:

    1. ***Ajaran Zamre bin Ab. Wahab adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini adalah kerana ajaran tersebut didapati:***

        a) mendakwa boleh menunaikan haji hanya dengan mengerjakannya di Sungai Congkak, Hulu Langat sahaja.

        b) mendakwa dirinya sebagai Rasulullah.

        c) menukar nama pengikutnya dengan nama sahabat-sahabat bagi lelaki dan dengan nama isteri-isteri Nabi bagi pengikut wanita.

        d) mengamalkan nikah batin dengan 6 orang termasuk pelajar dan seorang pegawainya.

        Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

    2. ***Orang yang telah mengambil ijazah atau mengamalkan ajaran Zamre bin Ab. Wahab hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah subhanahu wata`ala.***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 11

29hb Mei 2003

TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN

M. P.U. 12.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
(NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW (STATE OF MALACCA) ENACTMENT 1991

FATWA UNDER SECTION 30

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 30(1) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 [*Enactment No. 5 of 1991*] on behalf and in the name of the Jawatankuasa Syariah after having been considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Syariah pursuant to subsection 33(6) of the Administration of Muslim Law (State of Malacca) Enactment 1991 and is published pursuant to subsection 30(1) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

Ajaran Zamre bin Ab. Wahab adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini adalah kerana ajaran tersebut didapati —

(a) mendakwa boleh menunaikan Haji hanya dengan mengerjakannya di Sungai Congkak, Hulu Langat sahaja;

(b) mendakwa dirinya sebagai Rasulullah;

(c) menukar nama pengikutnya dengan nama sahabat-sahabat bagi lelaki dan dengan nama isteri-isteri Nabi bagi pengikut wanita; dan

(d) mengamalkan nikah batin dengan 6 orang termasuk pelajar dan seorang pegawainya.

Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

Bertarikh 24 Mei 2003
Dated 24 May 2003
[PMM/0020 Jld. 5(16); PUN(M)223/6 Klt. 11]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Fatwa 15

Ajaran Azhar Bin Wahab

LATARBELAKANG

- Azhar bin Wahab mendapat pendidikan di sekolah menengah kebangsaan dan tidak menerima pendidikan agama secara formal. Mendapat pendidikan awal di kampungnya di Sekolah Kebangsaan Kuala Sidim, Kulim, Kedah. Kemudian menyambung pelajarannya di Sekolah Menengah Padang Serai, Kulim, Kedah hingga Tingkatan Tiga sahaja. Selepas memperolehi Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Azhar bin Wahab bekerja mengambil upah mengait buah kelapa sawit di Ladang Kelapa Sawit Padang Buloh, Kuala Sidim.

- Azhar kemudiannya berhijrah ke Kuala Lumpur dan bekerja sebagai pemandu kepada Pegawai Eksekutif di Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Beliau bekerja pula sebagai penjual kereta terpakai selepas berhenti sebagai pemandu. Ketika itulah beliau mengenali Ustaz Hanapi, bekas orang kuat Al-Arqam. Beliau mendakwa mengetahui amalan ilmu urut tradisional, ianya diamalkan secara bersendirian dan juga kepada ahli Al-Arqam. Semasa itulah bermulanya usaha beliau untuk mempengaruhi bekas ahli Al-Arqam dan berjaya menubuhkan syarikatnya sendiri hinggalah ke hari ini.

- Beliau dipanggil "*Ayah*" oleh pengikut (kakitangannya) dan "*Tok Wan*" oleh anak kakitangannya tanpa mengira tua atau muda. Selepas itu beliau digelar "*Tuan*", "*Yang Amat Mulia*", "*Yang Berhormat Mulia*" dan akhir sekali sebagai "*Yang Teramat Mulia Ayahanda Raja*".

- Azhar bin Wahab menjadi guru kepada pengikutnya dengan dibantu oleh pengikut-pengikut utamanya seperti Ahmad bin Meh dan Haji Illias bin Haji Yusuf. Mereka merupakan perancang utama dalam meneruskan usaha dan cita-cita Azhar melalui pelbagai dakwaan serta mencetuskan segala ke*ta`assub*an yang berlaku di kalangan ahli.

- Kumpulan Al-Mansur Holdings muncul selepas Al-Arqam dibubarkan. Kebanyakan ahli-ahli Al-Mansur adalah terdiri daripada bekas ahli Al-Arqam. Perkataan "Al-Mansur" bermaksud membantu atau menolong. Ini bersesuaian dengan konsep penubuhannya iaitu untuk menjadi pemangkin bagi melahirkan bangsa Melayu peneraju ekonomi dunia dengan berpegang pada prinsip "Bersatu Maju Bersama".

- Kumpulan yang diasaskan oleh Azhar bin Wahab pada tahun 1998 ini menjalankan aktiviti perniagaan dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat iaitu Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd. yang bernombor pendaftaran syarikat (Co. 523446-U) beralamat di No. 19, Jalan Cempaka 1/1, Bandar Aman Jaya, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

- Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd. mempunyai 30 buah rangkaian anak syarikat di seluruh negara. Hanya beberapa rangkaian sahaja yang aktif manakala bakinya hanya atas nama sahaja untuk mengaburi mata masyarakat atau sebagai pelindung kepada aktiviti-aktiviti utama yang boleh mengumpil dana yang banyak. Antara aktiviti perniagaan yang aktif ialah urutan refleksi dan jualan ubat-ubatan herba tradisional. Di samping itu, beliau telah memperalatkan pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz Al-Mansur yang masih di bawah umur untuk menjual kalender, cenderahati dan seumpamanya beserta di samping memungut derma atas nama anak yatim.

- Isu ajaran Azhar bin Wahab ini timbul dalam masyarakat apabila kumpulan Al-Mansur melaksanakan aktiviti yang didapati bercanggah dengan ajaran Islam dan sebagai pengganti kepada gerakan kumpulan Al-Arqam yang telah diharamkan.

- Dalam pada itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati bahawa terdapat tanda-tanda kumpulan ini mengamalkan ajaran Aurad Muhammadiah yang menjadi pegangan Al-Arqam suatu ketika dahulu di samping terdapat beberapa penambahan lain yang boleh membawa kepada kerosakan `aqidah.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah mengadakan pertemuan khas dengan pihak pengurusan Al-Mansur pada 15 November 2002 di Putrajaya. Selain itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama bekas-bekas ahli kumpulan Al-Mansur di Putrajaya, Selangor dan Kedah.

CIRI-CIRI AJARAN

1. Penyelewengan dari segi `aqidah:

a) Mengaku mengamalkan Aurad Muhammadiah. Pengakuan ini dibuat ketika perjumpaan dengan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 15 November 2002.

b) Menggunakan "*tawasul*" iaitu berdoa sebelum melakukan urut refleksi dengan berkata "*Ya Allah dengan berkat dan karamah Guruku Tuan Azhar, sembuhkanlah penyakit si pulan*...".

c) Mengadakan kuliah tertutup untuk ahli dan kakitangan serta didampingi oleh "*Pak Syeikh*" atau "*Wali Allah*". Azhar bin Wahab pernah mendakwa rohnya berada di Gunung Jerai bersama Wali Songo dan Nabi Khidhir, sedang tubuhnya berada di Damansara.

d) Ber*bai`ah* akan mengikut segala arahan guru dan merahsiakannya daripada orang ramai; sesiapa yang belot atau keluar, maka hidupnya tidak akan selamat.

e) Memakan ais sebagai satu syarat mendapatkan *karamah* daripada guru. Memakan ais ini adalah simbol kepada amalan pertapaan untuk mendapatkan ilmu perbomohan.

f) Mendakwa mempunyai bala tentera dan kapal terbang ghaib.

g) Mendakwa mempunyai masjid jin di Gunung Jerai di samping mengaku sering bermesyuarat dengan golongan jin di gunung-gunung tertentu seperti Gunung Santubong di Sarawak dan sebagainya.

h) Mendakwa mengetahui pergerakan orang yang mengintip setiap aktivitinya.

i) Mendakwa mempunyai pengawal dari golongan jin.

j) Menangis di hadapan pengikutnya dengan dakwaan bahawa beliau melihat dan mengetahui kesalahan agama yang pernah dilakukan oleh pengikutnya.

k) Percaya kepada perkara khurafat seperti berikut:

   i. Ketika perarakan untuk melantik beliau sebagai Naib Khalifah Seni Silat Mempertahankan Diri Al-Mansur, seekor gajah telah menarik tangannya. Beliau amat percaya dengan telahan di kalangan ahli perarakan bahawa gajah tersebut meminta beliau menaiki belakangnya kerana beliau berketurunan "raja".

   ii. Tabib dan tabibah diarah menggunakan keris untuk mengubat dan mempercayai bahawa keris tersebut mempunyai "penunggu".

   iii. Menggunakan setanggi untuk diasapkan di setiap pusat rawatan sebelum memulakan perniagaan urut refleksi di samping memberi salam kepada Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*, Nabi Khidhir dan Azhar sendiri. Amalan ini dilakukan setiap hari sebelum memulakan atau membuka perniagaan.

2. Penyelewengan dari segi syari`at:

a) Mana-mana ahli yang didapati bersalah dan jika dapat dikesan oleh Azhar, maka ahli berkenaan akan dikenakan "dam" sama ada dalam bentuk wang atau harta benda.

b) Solat fardhu sentiasa dijama`kan walaupun bukan dalam keadaan musafir.

c) Apa sahaja yang dibawa oleh Azhar bin Wahab adalah benar belaka dan tidak boleh dipertikaikan segala keputusannya.

3. Penyelewengan dari segi akhlaq:

i. Memulakan ucapan dengan bersumpah memegang Al-Qur'an. Ini dilakukan oleh Azhar bin Wahab dan pengikut kanannya Haji Illias bin Haji Yusuf dalam majlis pertemuan dengan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 15 November 2002.

ii. Mendakwa boleh memberi *barakah* dan *syafa`at* kepada anak muridnya.

iii. Mendakwa mempunyai *barakah* kerana boleh menarik duit para pelanggan dan mereka akan mengeluarkan wang sebanyak mana yang mereka ada.

iv. Memberitahu pengikutnya bahawa beliau boleh dilihat manusia dengan berpakaian biasa tetapi sebenarnya beliau berjubah serba putih, berserban, bermisai dan berjanggut seperti wali Allah.

v. Mendakwa boleh pergi ke mana-mana tempat dengan serta merta termasuk ke China dan Makkah.

vi. Mengugut ahli agar jangan menderhaka kepada beliau kerana tidak akan mendapat *karamah* kelak.

vii. Mewajibkan ahli agar tidak bercampur gaul dengan masyarakat.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 57 pada 10 Jun 2003 yang memutuskan bahawa:

    1. ***Ajaran Azhar Bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman `aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.***

    2. ***Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamalkan Ajaran Azhar Bin Wahab dianggap menyalahi hukum syara` dan wajib bertaubat.***

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 12

3hb Jun 2004

TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN

M. P.U. 18.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 36(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*] bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Fatwa dan setelah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong dan disiarkan menurut subseksyen 36(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF MALACCA) 2002

FATWA UNDER SECTION 36

THE *FATWA* set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 36(6) of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 7 of 2002*] on behalf and in the name of the Jawatankuasa Fatwa after having considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Fatwa and after approved by the Yang di-Pertuan Agong and published pursuant to subsection 36(6) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

(1) Ajaran Azhar bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar;

(2) Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamalkan ajaran Azhar bin Wahab dianggap menyalahi Hukum Syarak dan wajib bertaubat.

Bertarikh 5 Mei 2004
Dated 5 May 2004
[PMM/0020 Jld. 5(23); PUN(M)223/6-8]

DATUK WIRA HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Fatwa 16

Anak Tak Sah Taraf

LATARBELAKANG

- Persoalan anak tak sah taraf atau anak luar nikah adalah suatu persoalan yang berat yang perlu diketengahkan kerana ia melibatkan penentuan mengenai kelahiran, nasab (dibin atau dibintikan) pada seseorang atau orang yang bertanggungjawab menyebabkan kelahiran kanak-kanak itu. Ini merupakan suatu persoalan yang melibatkan hukum syara` kerana kesalahan atau sengaja menasabkan anak tersebut membawa implikasi atau kesan kepada soal-soal penamaan, perwalian nikah, pewarisan harta pusaka, pergaulan dan hak-haknya dari sudut hukum syara`.

- Penggunaan istilah "anak tak sah taraf" adalah diterimapakai menurut tafsiran yang diperuntukan di dalam kebanyakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri yang menyatakan bahawa "anak tak sah taraf" ialah seseorang anak yang dilahirkan di luar nikah iaitu sama ada hasil daripada zina atau rogol atau anak yang dilahirkan kurang enam bulan dari tarikh aqad nikah dan dia adalah anak yang bukan hasil daripada persetubuhan syubhah.

- Menurut pandangan Islam, anak yang lahir setelah enam bulan atau lebih dari tarikh pernikahan, maka anak tersebut dikira sebagai anak yang sah taraf. Hanya Mazhab Syafi`i sahaja yang membenarkan anak susuan berkahwin dengan bapa yang tidak sah.

HUJAH DAN DALIL

- Pensabitan nasab kanak-kanak hendaklah mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh hukum syara` sebagaimana sabda Rasulullah *sallallahu `alayhi wasallam*:

  Maksudnya:
  "Anak itu bagi siapa yang menggauli ibunya (dalam nikah yang sah)."

  (Riwayat Jama`ah melainkan Tirmizi)

- Menurut Imam Nawawi, maksud hadith di atas ialah jika seseorang lelaki itu mempunyai isteri atau hamba, maka dia seolah-olah menjadi hamparan tempat tidurnya (فراش). Apabila perempuan tersebut melahirkan anak bagi suatu tempoh yang memungkinkan anak itu wujud, maka anak itu disabitkan menjadi anaknya dan hak bagi lelaki berkenaan. Dengan itu, berjalanlah antara mereka hukum pewarisan dan hukum-hakam yang lain.

- Terdapat tiga syarat penting yang perlu dipenuhi dalam menasabkan anak yang lahir hasil daripada pernikahan yang sah iaitu:

  1. Ada kemungkinan anak tersebut adalah daripada suami berkenaan, maknanya suami adalah orang yang mempunyai faktor-faktor yang boleh menyebabkan kehamilan isterinya seperti tidak lemah syahwat yang menyebabkan dia tidak mampu menyetubuhi isteri atau dia mandul atau sebab-sebab lain yang boleh menafikan anak itu daripada suami berkenaan.

  2. Suami tidak menafikan nasab anak itu daripadanya melalui proses li`an.

  3. Isteri melahirkan anak berkenaan dalam tempoh mengandung yang minimum.

- Para ulama′ telah bersepakat menetapkan bahawa tempoh minimum seseorang wanita itu hamil dan melahirkan anak ialah enam bulan. Penentuan tempoh enam bulan tersebut adalah berdasarkan maksud dua ayat Al-Qur'an yang menerangkan tentang masa hamil (tempoh mengandung) dan penyusuan.

1. Firman Allah *subhanahu wata`ala*:

﴿ وَحَمْلُهُ وَفِصَٰلُهُ ثَلَٰثُونَ شَهْرًا ﴾

Maksudnya:
"Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan."
(Surah Al-Ahqaf 46:15)

2. Firman Allah *subhanahu wata`ala* yang lain:

Maksudnya:
"Dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun."
(Surah Luqman 31:14)

Daripada maksud kedua-dua ayat di atas, jika ditolak tempoh masa penyusuan anak iaitu 2 tahun atau 24 bulan daripada tempoh 30 bulan (masa keseluruhan hamil dan menyusukan anak), bererti masa yang bakinya, iaitu tempoh hamil ialah 6 bulan.

- Ash-Shaykh Muhammad `Ali As-Sabuni dalam kitabnya "*Rawa'i` Al-Bayan*" menyebutkan bahawa telah diriwayatkan, bahawa seorang perempuan berkahwin, kemudian melahirkan anak setelah enam bulan daripada perkahwinannya. Dia dihadapkan kepada khalifah `Uthman *radhiyallahu `anh*. Beliau mahu merejam perempuan berkenaan, tetapi Ibnu `Abbas berkata kepada `Uthman: "*Perempuan ini, jika dia menentang kamu dengan kitab Allah, kamu akan kalah*."

Allah berfirman:

﴿ وَحَمْلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا ﴾

Maksudnya:
"Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan."
(Surah Al-Ahqaf 46:15)

Firman Allah selanjutnya:

﴿ وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ ﴾

Maksudnya:
"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu."
(Surah Al-Baqarah 2: 233)

Maka, tempoh hamil ialah 6 bulan dan penyusuan pula 24 bulan. Berdasarkan dalil itu, Sayyidina `Uthman *radhiyallahu `anh* pun membebaskan wanita berkenaan daripada hukuman.

- Ahmad Mustafa Al-Maraghiy di dalam kitab "*Tafsir Al-Maraghiy*" turut menyebutkan bahawa tempoh kehamilan dan menghentikan anak daripada menyusu memakan masa selama 30 bulan. Ayat 233 Surah Al-Baqarah itu menunjukkan bahawa tempoh hamil yang paling singkat ialah selama 6 bulan dan tempoh menyusu yang paling lama ialah genap 2 tahun. Masa yang tinggal untuk mengandung hanya 6 bulan. Dengan demikian dapat diketahui masa mengandung yang paling pendek dan masa menyusu yang paling lama.

Orang pertama yang membuat kesimpulan ini berdasarkan ayat tersebut ialah `Ali *karamallahu wajhah* yang kemudiannya dipersetujui oleh `Uthman *radhiyallahu `anh* bersama para sahabat Nabi *sallallahu `alayhi wasallam*. Muhammad Ishaq iaitu pengarang kitab "*As-Sirah*" meriwayatkan daripada Ma`mar ibn `Abdullah Al-Juhaniy yang berkata:

> *"Ada seorang lelaki dari kalangan kami yang mengahwini seorang wanita daripada Bani Juhaynah. Wanita itu melahirkan anak setelah perkahwinannya genap selama enam bulan. Maka suaminya menemui `Uthman radhiyallahu `anh untuk menceritakan perkara tersebut. Selepas itu, `Uthman pun menyuruh wanita itu menemuinya, dan ketika wanita itu mahu memakai pakaiannya, saudara perempuannya pun menangis. Lalu wanita itu berkata kepadanya, "Mengapa kamu menangis? Demi Allah, tidak ada seorang pun antara makhluk Allah subhanahu wata`ala yang telah mencampuri aku sama sekali selain dia. Kemudian Allah subhanahu wata`ala pun memberi keputusan kepadaku menurut kehendakNya." Ketika wanita itu ditempatkan di hadapan `Uthman, maka `Uthman pun menyuruh wanita itu direjam. Apabila perkara itu didengar oleh `Ali, beliau pun menemui `Uthman lalu berkata: "Apakah yang kamu lakukan?" `Uthman pun menjawab: "Wanita itu bersalin setelah usia perkahwinannya genap enam bulan dan mustahil perkara ini berlaku." `Ali pun berkata kepadanya: "Tidakkah engkau membaca Al-Qur'an?" "Tentu", jawab `Uthman. `Ali pun berkata lagi: "Tidakkah engkau mendengar Allah subhanahu wata`ala berfirman: "Mengandungnya sehingga memutuskan susu itu selama 30 bulan." FirmanNya pula: "... selama enam bulan penuh." Kamu dapati bakinya hanya enam bulan. Kemudian `Uthman pun berkata: "Demi Allah, aku tidak berfikiran sejauh itu. Bawalah ke mari wanita itu." Ternyata wanita itu benar-benar telah dipersiapkan untuk menerima hukuman." Ma`mar pun berkata: "Demi Allah, tidak ada gagak yang serupa gagak, dan tidak ada telur yang serupa telur sehingga melebihi persamaan anak itu dengan bapanya." Ketika ayahnya tahu, beliau pun berkata: "Anakku, demi Allah, aku tidak ragu mengenainya."*

Diriwayatkan juga bahawa Ibn `Abbas berpendapat apabila ada wanita yang bersalin setelah mengandung sembilan bulan, maka cukuplah baginya untuk menyusui anaknya selama 21 bulan. Seterusnya apabila wanita itu bersalin setelah mengandungkan anaknya selama tujuh bulan, hendaklah dia cukupkan baginya untuk menyusui anaknya selama 23 bulan. Begitu juga apabila dia bersalin setelah mengandung selama enam bulan, hendaklah dia menyusui anaknya selama dua tahun secara genap.

- Oleh yang demikian, para ulama' telah menetapkan hukum bahawa mana-mana anak yang dilahirkan dalam tempoh enam bulan atau lebih yang dikira daripada masa suami isteri boleh bersatu melalui nikah yang sah, maka nasab anak tersebut disabitkan kepada suami wanita berkenaan pada zahir sahaja dan berjalanlah segala hukum-hakam nasab ke atasnya. Sebaliknya, jika anak tersebut lahir kurang daripada enam bulan, maka nasabnya tidak bersambung dengan suami kepada ibu atau wanita yang melahirkan anak berkenaan. Anak tersebut hendaklah dinasabkan kepada ibu yang melahirkannya sahaja dan jika hendak dibin atau dibintikan, boleh dinasabkan kepada ibunya atau kepada nama *`Abdullah* atau salah satu daripada *Asma'ullah Al-Husna*.

- Tersebut di dalam kitab "*Hasyiyah Al-Bayjuri `Ala Fath Al-Qarib*" dan kitab "*At-Tuhfah*" karangan Al-Imam Ibn Hajr bahawa enam bulan itu dikira tiap-tiap bulan daripadanya 30 hari. Ini bererti enam bulan itu ialah 180 hari dan dua *lahzah* pula ialah tempoh persetubuhan (*lahzah ad-dukhul*) dan tempoh mengeluarkan anak (*lahzah al-wiladah*). Pendapat ulama' Syafi`i bahawa tempoh hamil yang paling minimum adalah dalam tempoh 180 hari itulah juga yang menjadi pendapat jumhur ulama', melainkan Imam Malik yang menyatakannya 175 hari. Bahkan terdapat sebahagian negara seperti Syria telah menetapkan dalam undang-undangnya bahawa tempoh minimum hamil atau mengandung itu ialah 180 hari. Pengiraan 180 hari itu bermula dari waktu suami isteri itu boleh bersatu yang memungkinkan anak itu lahir daripada benih suami berkenaan setelah `aqad nikah yang sah.

- Oleh yang demikian, mana-mana anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dan dua *lahzah* atau kurang 180 hari daripada tarikh mereka boleh bersatu setelah `aqad nikah yang sah, maka anak itu tidak boleh dibin atau dibintikan kepada suami perempuan yang melahirkannya. Dalam erti kata yang lain, anak tersebut tidak bersambung nasabnya dengan lelaki yang menjadi suami kepada perempuan yang melahirkannya.

KEPUTUSAN FATWA

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah mengambil maklum dan bersetuju menerimapakai keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 57 pada 10 Jun 2003 yang memutuskan bahawa:

  Anak Tak Sah Taraf ialah:-

  i) Anak yang dilahirkan di luar nikah iaitu sama ada hasil daripada zina atau rogol;

  ii) Anak yang dilahirkan kurang 6 bulan 2 lahzah Qamariah dari waktu akad nikah dan dia bukan hasil daripada persetubuhan syubhah; dan

  iii) Anak yang dilahirkan lebih dari 6 bulan 2 lahzah Qamariah dari waktu akad nikah dan ada bukti dari segi syara` bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara`.

NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 22

27hb Oktober 2005

TAMBAHAN No. 24
PERUNDANGAN

M. P.U. 42.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 38

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 38(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*] bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Fatwa dan setelah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong dan disiarkan menurut subseksyen 38(1) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF MALACCA) 2002

FATWA UNDER SECTION 38

THE FATWA set out in the Schedule was made by the Mufti of the State of Malacca pursuant to subsection 38(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 7 of 2002*] on behalf and in the name of the Jawatankuasa Fatwa after having considered and unanimously approved by the Jawatankuasa Fatwa and after been approved by the Yang di-Pertuan Agong and published pursuant to subsection 38(1) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

Anak Tak Sah Taraf ialah:-

(i) Anak yang dilahirkan di luar nikah iaitu sama ada hasil daripada zina atau rogol;

(ii) Anak yang dilahirkan kurang 6 bulan 2 lahzah Qamariah dari waktu akad nikah dan dia bukan hasil daripada persetubuhan Syubhah; dan

(iii) Anak yang dilahirkan lebih dari 6 bulan 2 lahzah Qamariah dari waktu akad nikah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak.

Bertarikh 14 Oktober 2005
Dated 14 October 2005
[PMM/0020 Jld. 6; PUN(M)223/6 Klt. 17]

DATUK WIRA HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH
Mufti,
Negeri Melaka/State of Malacca

Senarai Rujukan

Al-Qur'an Al-Karim.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an. 2000. Cetakan Keenam Belas. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdullah Fahim bin Abd. Rahman. 1998M/1419H. Tarekat Naqsyabandiah Kadirun Yahya. ***Jurnal Penyelidikan Islam***. Bil. 11: 39-48.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. ***Tafsir Al-Maraghiy***. Terj. Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ajaran Qadiani (Satu Ajaran Sesat), 1983, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Cetakan Kedua.

Amanat Haji Hadi Mengundang Maut. tanpa tarikh. Urusetia Biro Penerangan Dan Biro Agama UMNO Malaysia.

Azhari Ibrahim. 1997. Ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana @ Hakikat Insan. ***Al-Islam***, Mac: 30-31.

Azhari Ibrahim. 1997. Golongan Anti Hadis @ Jemaah Qur'an. ***Al-Islam***, Februari: 30-31.

Azhari Ibrahim. 1997. Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau. ***Al-Islam***, Jun: 30-31.

Azhari Ibrahim. 1998. Ajaran Ahmadiah/Qadiani. ***Al-Islam***, Mei: 22-23 & 58.

Azhari Ibrahim. 1998. Ciri-Ciri Ajaran Qadiani. ***Al-Islam***, Jun: 53-54.

Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Selangor. 1425H/2004M. Kertas Laporan Ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor. ***Jurnal Al-Hikmah***. Jabatan Mufti Negeri Selangor. Bil. 1: 33-40.

Bahaya Fahaman Syi`ah: Satu Penjelasan. 2003. Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Johor.

Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan JAKIM. 2002M/1423H. Ajaran Kumpulan Al-Mas Syed Mohamad Al-Masyhor. ***Jurnal Penyelidikan Islam***. Bil. 15: 17-20.

Clarification On The Anti Hadith Concept. 1996. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Wan Zahidi Wan Teh. 2003. ***Pelaksanaan Siasah Syar`iyyah Dalam Pentadbiran Kerajaan***. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Dewan Undangan Negeri Melaka. 1959. ***Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak [pindaan 1991 (Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka)), pindaan 2002 (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka))]***.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2005. Ajaran Ayah Pin: Isyarat Ke Arah Penyelarasan Enakmen Syari`ah. ***Dewan Agama Dan Falsafah***, September: 8-11.

Fatwa Mufti Kerajaan 1999. 2000. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Fatwa Negeri Perak 1994-2004. tanpa tarikh. Jabatan Mufti Negeri Perak.

Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1991 Hingga 1997). tanpa tarikh. Pejabat Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.

Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan. tanpa tarikh. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf: Penamaan, Pergaulan Dan Hak-Haknya. tanpa tarikh. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Himpunan Ajaran, Amalan Dan Fahaman Yang Telah Difatwa Dan Diwartakan Menyeleweng Dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh. 2001. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor. Cetakan Kedua.

Himpunan Fatwa: Warta Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. tanpa tarikh. Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus.

Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Tahun 1969-1990. tanpa tarikh. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. tanpa tarikh. Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Keputusan Fatwa Kebangsaan. tanpa tarikh. Siri 1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. tanpa tarikh. Siri 2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Kertas-Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Syariah/Fatwa Negeri Melaka. 1985-2005. Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Melaka. 1986. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. No. 410.

Melaka. 1994. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 13.

Melaka. 1995. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. No. 54.

Melaka. 1996. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. No. 78.

Melaka. 1997. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 5.

Melaka. 2000. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 14.

Melaka. 2001. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 6.

Melaka. 2001. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 13.

Melaka. 2002. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 13.

Melaka. 2003. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 2.

Melaka. 2003. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 12.

Melaka. 2004. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 18.

Melaka. 2005. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. ***Warta Kerajaan Negeri Melaka***. M.P.U. 42.

Muhammad `Ali As-Sabuni. Tanpa Tarikh. ***Rawa'i` Al-Bayan Tafsir Ayat Al-Ahkam Min Al-Qur'an***. Juz' 2. Makkah Al-Mukarramah: Dar As-Sabuni.

Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam, 1991, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Cetakan Keempat.

Risalah ***Ajaran Ahmadiah/Qadiani***. Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Risalah ***Ajaran Azhar Bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd.)***. Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Risalah ***Ajaran Zamre Bin Ab. Wahab***. Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Risalah ***Golongan Anti Hadith***. Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Salaudin Ahmad. 2004. Tarekat Kumpulan Ikhwan, Bertapak Di Melaka Tapi Tersebar Di Selangor?. ***Dewan Agama Dan Falsafah,*** Julai: 8-11.

Salina Ibrahim. 1998. Kumpulan Ikhwan. ***Al-Islam,*** Oktober: 64.

Zul Baharudin Abu Bakar. 1997. Ajaran Tarekat Naqsyabandiah Kadirun Yahya. ***Al-Islam,*** Ogos: 52-53.

Zul Baharudin Abu Bakar. 1997. Penyelewengan Dan Penjelasan Ajaran Kadirun Yahya. ***Al-Islam,*** Ogos: 52-53.

http://www.jais.net.my/articles/qadiani.php

http://www.e-fatwa.gov.my